



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA | 2011

PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA | 2011

**PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

*Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil
Oleh Pihak Kementerian/Jabatan Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan
Dalam Laporan Ini, Sila Baca Laporan Maklum Balas Daripada
Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan,
Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan
Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011*



KANDUNGAN

KANDUNGAN

	Muka Surat
KATA PENDAHULUAN INTISARI LAPORAN	<i>vii</i> <i>xiii</i>
BAHAGIAN I PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011	3
BAHAGIAN II PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
2. Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh	7
3. Pengurusan Kewangan Di Kementerian/Jabatan Persekutuan (Indeks Akauntabiliti)	54
4. Pengurusan Kewangan Di Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia Dan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri	70
5. Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negeri	89
6. Pengurusan Kewangan Pejabat Persekutuan Di Negeri Dan Daerah	100
BAHAGIAN III PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PELBAGAI AKTIVITI KE ARAH MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM	
7. Program Anak Angkat	109
8. Penilaian Khas Terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi	113
BAHAGIAN IV PERKARA AM	
9. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2010	117
10. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara	117
PENUTUP	123
LAMPIRAN	
LAMPIRAN A1 - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011	129
LAMPIRAN A2 - Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Dan Akauntan Negara Malaysia	133
- Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2011	134
- Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011	135
- Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011	137
- Penyata Akaun Memorandum Pada 31 Disember 2011	138
- Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011	139



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

- 1.1. **Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- 1.2. **Pengauditan Pematuhan** - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.
- 1.3. **Pengauditan Prestasi** - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti/program/projek Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan.
- 1.4. **Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2011 mengandungi perkara berikut:

- Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011**
- Bahagian II : Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan**
- Bahagian III : Penglibatan Jabatan Audit Negara Dalam Pelbagai Aktiviti Ke Arah Meningkatkan Akauntabiliti Pengurusan Wang Awam**
- Bahagian IV : Perkara Am**

3. Pengauditan yang dijalankan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2011 mendapati penyata tersebut pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut serta rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur

dan kemas kini. Berhubung dengan pengurusan kewangan, hasil pengauditan mendapati masih terdapat beberapa Kementerian dan Jabatan yang tidak mematuhi peraturan kewangan dengan sepenuhnya. Kelemahan ini berpunca antaranya daripada kekurangan kakitangan dan latihan dalam aspek pengurusan kewangan serta ketiadaan penyeliaan dan pemantauan yang rapi.

4. Semua Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk pengesahan mereka. Jabatan Audit Negara juga telah mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Kementerian/Jabatan Persekutuan memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut:

4.1. Melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA). Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama akan diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset dan stor. Kementerian/Jabatan Persekutuan yang diberi tahap penarafan yang sangat baik boleh dijadikan sebagai *role model* kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang lain. Ini boleh meningkatkan lagi tahap motivasi Kementerian/Jabatan Persekutuan agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing.


4.2. Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Ketua Kementerian/Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menilai sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 301 pejabat Persekutuan di seluruh negara.

4.3. Jabatan Audit Negara juga telah meneruskan pelaksanaan Program Anak Angkat yang mula diperkenalkan pada tahun 2003. Melalui program ini, beberapa pejabat Kerajaan yang dikenal pasti menghadapi masalah pengurusan kewangan telah dipilih dan diberi bimbingan serta khidmat nasihat bagi membantu mereka memperbaiki kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat di 11 pejabat Persekutuan di seluruh negara. Secara keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan di Pejabat Anak Angkat telah bertambah baik setelah diberikan bimbingan dan latihan.

4.4. Jabatan Audit Negara juga terus terlibat dalam membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) bagi

tujuan pengesahan jawatan mereka. Bagi tempoh bulan Januari 2011 hingga April 2012, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 60 Ketua Jabatan. Penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan urusan kenaikan pangkat Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan hanya akan dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setelah Jabatan Audit Negara dan Kementerian Kewangan mengesahkan bahawa pegawai berkaitan telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(**TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG**)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
12 Jun 2012



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

1. Secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh

2. Pada tahun 2011, Kerajaan Persekutuan menerima hasil berjumlah RM185.42 bilion iaitu meningkat sejumrah RM25.77 bilion (16.1%) berbanding dengan RM159.65 bilion pada tahun 2010. Jumlah ini merupakan hasil yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun sejak tahun 2007. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia sahaja telah berjaya mengutip hasil sejumrah RM109.61 bilion pada tahun 2011 berbanding RM86.50 bilion pada tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 26.7%. Manakala Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga telah berjaya mengutip RM30.38 bilion pada tahun 2011 berbanding RM28.15 bilion pada tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 7.9%. Pada tahun yang sama, Kerajaan telah meluluskan peruntukan mengurus berjumlah RM177.98 bilion yang juga merupakan peruntukan tertinggi diluluskan dalam tempoh 5 tahun. Bagaimanapun, peruntukan tersebut tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan yang berjumlah RM182.59 bilion. Pada 30 Mei 2012, peruntukan tambahan telah diluluskan oleh Parlimen bagi menampung kurangan peruntukan tersebut. Manakala bagi perbelanjaan pembangunan, secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumrah RM46.42 bilion (93.9%) daripada peruntukan yang diluluskan yang berjumlah RM49.42 bilion.

Pengurusan Kewangan Di Kementerian/Jabatan Persekutuan

3. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan di 25 Kementerian dan 42 Jabatan Persekutuan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan mereka telah diuruskan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Berdasarkan pengauditan tersebut, adalah didapati pada keseluruhannya, prestasi kewangan di peringkat Kementerian/Jabatan bagi tahun 2011 adalah bertambah baik berbanding dengan tahun 2010 dan tahun sebelumnya. Pada tahun 2011, prestasi pengurusan kewangan 19 Kementerian dan 21 Jabatan adalah

pada tahap sangat baik iaitu peningkatan sebanyak 2 (11.8%) Kementerian dan 8 (61.5%) Jabatan berbanding dengan 17 Kementerian dan 13 Jabatan pada tahun 2010. Manakala 6 Kementerian dan 20 Jabatan pada tahap baik serta satu Jabatan pada tahap memuaskan. Selain daripada menjalankan pengauditan di Ibu Pejabat, Polis DiRaja Malaysia, pengauditan juga dijalankan di 14 cawangannya di seluruh negara. Bagi Kementerian Luar Negeri, pengauditan telah dijalankan di 14 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara.

4. Arahan Perbendaharaan menetapkan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 301 pejabat Persekutuan di peringkat Negeri dan Daerah. Hasil daripada pengauditan ini, beberapa kes telah dikesan di mana wang awam dan barang berharga disimpan di tempat yang tidak selamat, pungutan lewat dibankkan dan baki wang tunai di tangan berbeza dengan baki yang direkodkan. Laporan yang berkaitan telah dikemukakan kepada ketua jabatan/negeri yang berkenaan untuk tindakan susulan.

5. Selain daripada menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat dan juga penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Sepanjang tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat di 11 pejabat Persekutuan. Bagi tempoh bulan Januari 2011 hingga April 2012 pula, penilaian khas telah dibuat di Kementerian/Jabatan/Agensi yang melibatkan 60 Ketua Jabatan.



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I

PENGESAHAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

1.1. PENDAHULUAN

1.1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berasaskan perakaunan tunai ubahsuai.

1.1.2. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 29 Februari 2012. Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2011 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diterima pakai oleh Kerajaan Persekutuan, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.1.2.2. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan sumber dan penggunaan dana bagi tahun 2011. Sumber dana adalah terdiri daripada hasil, terimaan pinjaman dan bantuan luar negeri, terimaan modal dan terimaan lain. Penggunaan dana adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan bantuan luar negeri serta bayaran lain.

1.1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan kedudukan lebihan atau kurangan hasil selepas perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaan.

1.1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan. Aset Kerajaan terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut Dan Pelaburan. Manakala liabiliti pula terdiri daripada Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti.

1.2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

1.2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Bagi membolehkan Ketua Audit Negara memberi pendapat yang munasabah, pengauditan telah dirancang dan dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan dan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 bagi pengauditan Penyata Kewangan.

1.2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2011. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkenaan melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

1.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

1.3.1. Bagi mengesahkan ketepatan baki sesuatu akaun, dokumen sokongan seperti Sijil Pengesahan Baki, Senarai Baki Perseorangan dan Penyata Penyesuaian yang menjelaskan perbezaan antara baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dengan baki yang ada di rekod Kementerian/Jabatan Persekutuan adalah diperlukan. Sehubungan ini, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian/Jabatan/Agenzi/Syarikat telah mengemukakan dokumen sokongan berkenaan dan pengauditan yang dijalankan mendapati baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah bersamaan dengan baki yang ditunjukkan di dokumen tersebut.

1.3.2. Pada pendapat saya Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah seperti di Lampiran A1. Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Dan Akauntan Negara Malaysia berhubung dengan penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di Lampiran A2.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2. PRESTASI KEWANGAN SECARA MENYELURUH

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2011, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan. Perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

2.1. TERIMAAN DAN PENGGUNAAN DANA

Sumber dana Kerajaan Persekutuan yang utama adalah diperolehi daripada hasil, pinjaman dalam/luar negeri dan terimaan lain. Dana ini telah digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, membayar balik pinjaman serta perbelanjaan lain. Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011 adalah berjumlah RM185.42 bilion manakala perbelanjaan mengurus dan pembangunan adalah berjumlah RM182.59 bilion dan RM46.42 bilion masing-masingnya. Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM42.51 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 4.82%. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman dari dalam dan luar negeri yang berjumlah RM113.56 bilion. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, pinjaman ini juga digunakan untuk membayar balik hutang.

2.1.1. Hasil

2.1.1.1. Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan. Secara keseluruhannya, pada tahun 2011 Kerajaan Persekutuan telah mengutip hasil berjumlah RM185.42 bilion iaitu meningkat sejumrah RM25.77 bilion (16.1%) berbanding dengan tahun 2010 yang berjumlah RM159.65 bilion. Hasil cukai menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu berjumlah RM25.37 bilion meningkat daripada RM109.51 bilion pada tahun 2010 kepada RM134.88 bilion pada tahun 2011. Bagaimanapun, terimaan bukan hasil yang terdiri daripada pulangan balik perbelanjaan dan terimaan daripada agensi Kerajaan telah menunjukkan penurunan sejumrah RM248.88 juta (31.4%) berbanding dengan tahun 2010. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.1**.

JADUAL 2.1
HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2010 DAN 2011

JENIS HASIL	TAHUN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	109,515.19	134,884.83	25,369.64	23.2
Hasil Bukan Cukai	48,867.43	49,423.05	555.62	1.1
Terimaan Bukan Hasil	793.01	544.13	(248.88)	(31.4)
Hasil Wilayah Persekutuan	477.33	566.91	89.58	18.8
JUMLAH	159,652.96	185,418.92	25,765.96	16.1


2.1.1.2. Peningkatan hasil sebahagian besarnya disumbangkan oleh cukai pendapatan individu, cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan petroleum, duti setem dan duti eksport petroleum mentah. Kenaikan harga petroleum mentah dunia, perkembangan ekonomi domestik yang kukuh serta aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan secara berterusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menyumbang kepada peningkatan hasil. **LHDNM telah berjaya mengutip hasil sejumlah RM109.61 bilion pada tahun 2011 berbanding RM86.50 bilion pada tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 26.7%.** Manakala JKDM pula telah berjaya mengutip RM30.38 bilion pada tahun 2011 berbanding RM28.15 bilion pada tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 7.9%. Langkah-langkah positif yang diambil oleh LHDNM dan JKDM telah menunjukkan peningkatan hasil yang signifikan. Contoh hasil yang menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2011 berbanding dengan tahun 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.2
PENINGKATAN HASIL YANG KETARA

JENIS HASIL	PUNGUTAN HASIL (Tahun)		PENINGKATAN		PUNCA PENINGKATAN
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Cukai Pendapatan Individu	17,804.97	20,203.13	2,398.16	13.5	<ul style="list-style-type: none"> - Pelaksanaan Potongan Cukai Bulanan (PCS). - Kenaikan gaji tahunan serta pertambahan bilangan pekerja yang layak dikenakan cukai pendapatan. - Aktiviti penguatkuasaan seperti audit pekerja dan majikan yang lebih cekap.
Cukai Pendapatan Syarikat	36,265.60	46,888.15	10,622.55	29.3	<ul style="list-style-type: none"> - Bayaran skim ansuran anggaran cukai yang lebih tinggi berbanding tahun 2010. - Ekonomi domestik yang berkembang kukuh. - Aktiviti penguatkuasaan yang berterusan melalui pengauditan dan penyiasatan.
Cukai Pendapatan Petroleum	18,713.27	27,747.79	9,034.52	48.3	Kenaikan harga minyak.
Duti Setem	4,191.84	4,929.24	737.40	17.6	Kestabilan ekonomi domestik terutamanya sektor hartaanah, perdagangan saham dan insurans.
Duti Eksport Petroleum Mentah	1,744.79	1,996.73	251.94	14.4	Kenaikan harga minyak.

2.1.1.3. Walaupun hasil telah meningkat dengan ketara tetapi perbelanjaan mengurus yang dibiayai sepenuhnya daripada hasil Kerajaan Persekutuan juga telah meningkat iaitu daripada RM151.63 bilion pada tahun 2010 kepada RM182.59 bilion pada tahun 2011. Justeru itu, pada tahun 2011 hanya sejumlah RM2.83 bilion lebih hasil dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan berbanding RM8.02 bilion pada tahun 2010. Jumlah hasil, perbelanjaan mengurus dan lebih hasil yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tempoh tahun berakhir 31 Disember 2007 hingga 2011 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.1
HASIL, PERBELANJAAN MENGURUS DAN PINDAHAN
LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007 HINGGA 2011



2.1.1.4. Pada akhir tahun 2011, Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM42.51 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 4.82%. Nisbah defisit kepada KDNK ini telah menurun berbanding 5.64% pada tahun 2010. Defisit Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 2.3** dan **Carta 2.2**.


JADUAL 2.3
DEFISIT KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2007 HINGGA 2011

PERKARA	TAHUN				
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Hasil	139,885.34	159,793.39	158,639.30	159,652.96	185,418.92
Perbelanjaan Mengurus	(123,084.23)	(153,498.89)	(157,066.96)	(151,632.61)	(182,593.79)
Lebihan Hasil	16,801.11	6,294.50	1,572.34	8,020.35	2,825.13
Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan	3,120.70	976.24	521.69	1,526.47	1,082.20
Jumlah	19,921.81	7,270.74	2,094.03	9,546.82	3,907.33
Perbelanjaan Pembangunan	(40,564.42)	(42,847.33)	(49,515.36)	(52,791.63)	(46,416.36)
Defisit	(20,642.61)	(35,576.59)	(47,421.33)	(43,244.81)	(42,509.03)
KDNK	641,499	740,721	674,434	765,965	881,080*
Nisbah Defisit Kepada KDNK (%)	3.21	4.80	7.03	5.64	4.82

Nota: KDNK - Keluaran Dalam Negeri Kasar

() - Berdasarkan KDNK yang telah diasaskan semula mengikut Laporan Statistik yang dikeluarkan pada 23 Mei 2012 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia*


CARTA 2.2
NISBAH DEFISIT KEPADA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007 HINGGA 2011



2.1.2. Pinjaman Dan Jaminan Berkanun


2.1.2.1. Bagi menampung defisit pada tahun 2011, Kerajaan Persekutuan telah meminjam dari dalam/luar negeri serta memperoleh bantuan luar negeri. Pinjaman dalam negeri terdiri daripada Bil Perpendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sukuk dan pinjaman lain daripada institusi kewangan. Manakala pinjaman dan bantuan luar negeri adalah terdiri daripada pinjaman pasaran, multilateral dan bilateral. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, pinjaman ini juga digunakan untuk membayar balik hutang. Secara keseluruhannya, jumlah pinjaman yang diterima menunjukkan peningkatan pada tahun 2007 hingga 2009. Manakala pada tahun 2010, jumlah pinjaman diterima telah berkurangan kepada RM77.23 bilion berbanding dengan tahun 2009 yang berjumlah RM107.17 bilion. Penurunan ini adalah disebabkan pengurangan yang ketara pinjaman dalam negeri iaitu berkurangan sejumlah RM33.98 bilion dan sedikit peningkatan pinjaman/bantuan luar negeri iaitu peningkatan daripada RM0.45 bilion pada tahun 2009 kepada RM4.49 bilion pada tahun 2010. Bagaimanapun pada tahun 2011, pinjaman dalam negeri serta pinjaman/bantuan luar negeri telah meningkat sejumlah RM34.35 bilion (47.2%) dan RM1.98 bilion (44.1%) masing-masingnya. Butirannya adalah seperti di **Carta 2.3**.

CARTA 2.3
PENERIMAAN PINJAMAN DALAM NEGERI DAN
PINJAMAN/BANTUAN LUAR NEGERI PADA TAHUN 2007 HINGGA 2011



2.1.2.2. Pada tahun 2011, Kerajaan telah membuat pelbagai bayaran balik pinjaman berjumlah RM65.35 bilion iaitu meningkat sejumlah RM33.52 bilion (105.3%) berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM31.83 bilion. Butirannya adalah seperti di carta berikut:


CARTA 2.4
BAYARAN BALIK PINJAMAN DALAM NEGERI DAN
PINJAMAN/BANTUAN LUAR NEGERI PADA TAHUN 2007 HINGGA 2011



2.1.2.3. Peningkatan pinjaman dalam negeri merupakan penyumbang utama kepada peningkatan hutang awam. Pada akhir tahun 2011, hutang awam adalah berjumlah RM456.12 bilion yang terdiri daripada hutang dalam negeri berjumlah RM438.02 bilion dan hutang luar negeri yang berjumlah RM18.10 bilion. Nisbah hutang awam kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah

51.77%. Secara keseluruhannya, hutang awam telah meningkat sejumlah RM49.02 bilion (12%) berbanding dengan tahun 2010 yang berjumlah RM407.10 bilion. Kedudukan baki hutang awam pada akhir tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Carta 2.5** dan nisbah hutang awam kepada KDNK pada akhir tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

CARTA 2.5
HUTANG AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2007 HINGGA 2011



JADUAL 2.4
NISBAH HUTANG AWAM KEPADA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
PADA AKHIR TAHUN 2007 HINGGA 2011


PERKARA	2007	2008	2009	2010	2011
	(RM Juta)				
Jumlah Hutang	266,722	306,437	362,386	407,101	456,128
KDNK	641,499	740,721	674,434	765,965	881,080*
Nisbah Hutang Kepada KDNK (%)	41.58	41.37	53.73	53.15	51.77

Nota: KDNK - Keluaran Dalam Negeri Kasar

() - Berdasarkan KDNK yang telah diasaskan semula mengikut Laporan Statistik yang dikeluarkan pada 23 Mei 2012 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia*

2.1.2.4. Perbelanjaan kerana hutang negara juga menunjukkan peningkatan iaitu daripada RM15.62 bilion pada akhir tahun 2010 kepada RM17.72 bilion pada akhir tahun 2011. Kedudukan perbelanjaan kerana hutang negara bagi tahun 2011 dan 9 tahun sebelumnya adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.6
PERBELANJAAN KERANA HUTANG NEGARA
BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA 2011



2.1.2.5. Selain daripada meminjam dari dalam/luar negeri dan mendapatkan bantuan luar negeri, Kerajaan Persekutuan juga memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun/syarikat seperti yang dibenarkan oleh Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Pada akhir tahun 2011, amanah belum selesai pinjaman dalam dan luar negeri yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi 2 badan berkanun dan 23 syarikat secara keseluruhannya adalah berjumlah RM116.76 bilion iaitu meningkat sejumlah RM19.85 bilion (20.5%) berbanding dengan tahun 2010. Peningkatan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM19.85 bilion sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan pinjaman bagi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. Selain itu, Kerajaan juga telah menjamin pinjaman yang baru dibuat pada tahun 2011 oleh Syarikat Govco Holdings Berhad, Pengurusan Air SPV Berhad dan SRC International Sdn. Bhd. Manakala baki pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi beberapa syarikat pula menunjukkan penurunan antaranya pinjaman oleh syarikat K.L. International Airport Berhad, Sarawak Capital Resources Ltd. dan Prasarana Negara Berhad. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:


JADUAL 2.5
PINJAMAN YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 DAN 2011

PEMINJAM	BAKI PINJAMAN YANG DIJAMIN PADA AKHIR TAHUN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (RM Juta)
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
BADAN BERKANUN			
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	17,000.00	20,350.00	3,350.00
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	2,550.00	3,417.75	867.75
SYARIKAT			
Pengurusan Air SPV Berhad	0.00	9,500.00	9,500.00
Govco Holdings Berhad	0.00	3,000.00	3,000.00
SRC International Sdn. Bhd.	0.00	2,000.00	2,000.00
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	1,487.25	2,883.91	1,396.66
K.L. International Airport Berhad	7,217.37	6,679.89	(537.48)
Sarawak Capital Resources Ltd.	813.90	578.08	(235.82)
Prasarana Negara Berhad	9,101.00	8,914.00	(187.00)
Jumlah Kecil	38,169.52	57,323.63	19,154.11
Syarikat Lain	58,737.37	59,434.04	696.67
JUMLAH KESELURUHAN	96,906.89	116,757.67	19,850.78


2.1.2.6. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011, jumlah pinjaman dalam negeri yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan yang ketara setiap tahun manakala pinjaman luar negeri yang dijamin pula menunjukkan penurunan. Butirannya adalah seperti di **Carta 2.7**. Sepuluh (10) syarikat/badan berkanun yang mempunyai baki pinjaman yang tertinggi yang dijamin oleh

Kerajaan Persekutuan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Carta 2.8.**

CARTA 2.7
PINJAMAN YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2002 HINGGA 2011



CARTA 2.8
BADAN BERKANUN DAN SYARIKAT
YANG MENDAPAT JAMINAN YANG TERTINGGI
BAKI PINJAMAN PADA AKHIR TAHUN 2007 HINGGA 2011



PTPTN - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
 KNB - Khazanah Nasional Berhad
 BPMB - Bank Pembangunan Malaysia Berhad
 PASB - Pengurusan Air SPV Berhad
 PNB - Prasarana Negara Berhad

PMB - Penerangan Malaysia Berhad
 KLIAB - KLIA Berhad
 SHSB - Sarawak Hidro Sdn. Bhd.
 1MDB - 1 Malaysia Development Berhad
 VSB - Valuecap Sdn. Bhd.

2.1.3. Perbelanjaan Mengurus

2.1.3.1. Peruntukan asal perbelanjaan mengurus (Vot T - Tanggungan dan Vot B - Bekalan) bagi tahun 2011 adalah berjumlah RM162.81 bilion iaitu meningkat sejumlah RM24.53 bilion (17.7%) berbanding peruntukan asal tahun 2010 yang berjumlah RM138.28 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM15.17 bilion yang terdiri daripada peruntukan tambahan pertama berjumlah RM13.19 bilion yang diluluskan pada 28 Julai 2011 serta peruntukan khas dan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka berjumlah RM1.98 bilion menjadikan peruntukan muktamad bagi tahun 2011 berjumlah RM177.98 bilion. Bagaimanapun, tambahan peruntukan ini masih belum mencukupi untuk


menampung perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM182.59 bilion iaitu melebihi RM4.61 bilion (2.6%) daripada jumlah yang diperuntukkan. **Bagi menampung kurangan peruntukan tersebut, Parlimen telah meluluskan peruntukan tambahan kedua pada 30 Mei 2012.** Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2011 adalah 20.4% lebih tinggi berbanding tahun 2010 atau peningkatan berjumlah RM30.96 bilion. Butiran peruntukan dan perbelanjaan mengurus secara keseluruhan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.6
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS
PADA TAHUN 2010 DAN 2011


PERKARA	TAHUN 2010 (RM Juta)	TAHUN 2011 (RM Juta)	PENINGKATAN	
			(RM Juta)	(%)
Peruntukan				
i) Asal	138,279.15	162,805.32	24,526.17	17.7
ii) Tambahan Peruntukan	10,785.52	15,174.50	4,388.98	40.7
Jumlah Peruntukan Mengurus	149,064.67	177,979.82	28,915.15	19.4
Perbelanjaan Sebenar	151,632.61	182,593.79	30,961.18	20.4
Perbelanjaan Melebihi Peruntukan	2,567.94	4,613.97	2,046.03	79.7

2.1.3.2. Perbelanjaan mengurus tahun 2011 yang berjumlah RM182.59 bilion terdiri daripada Vot T - Tanggungan (RM33.04 bilion) dan Vot B - Bekalan (RM149.55 bilion). Perbelanjaan mengurus meliputi pemberian dan kenaan bayaran tetap berjumlah RM99.69 bilion; emolumen berjumlah RM50.15 bilion; perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM28.95 bilion; aset berjumlah RM2.66 bilion dan perbelanjaan lain berjumlah RM1.14 bilion. Kedudukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2011 berbanding dengan 4 tahun sebelumnya adalah seperti di **Carta 2.9**. Manakala perbandingan antara peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2011 mengikut jenis perbelanjaan adalah seperti di **Carta 2.10**.

CARTA 2.9
KEDUDUKAN PERBELANJAAN MENGURUS
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2011



CARTA 2.10
PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2011 MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN



2.1.3.3. Perbelanjaan melebihi peruntukan bagi pemberian dan kenaan tetap antaranya disebabkan peningkatan bayaran subsidi gas cecair, diesel dan petrol kesan daripada kenaikan harga minyak. Selain itu, keputusan Kerajaan untuk membayar bantuan khas kewangan kepada pesara/kakitangan awam turut menyumbang kepada perbelanjaan melebihi peruntukan bagi pemberian dan kenaan tetap (bayaran pencen) serta perbelanjaan emolumen. Manakala bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, aset dan perbelanjaan lain, secara keseluruhannya tidak berlaku perbelanjaan melebihi peruntukan.

2.1.3.4. Akaun Kena Bayar Bagi Perbelanjaan Mengurus


- Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai, tanggungan bagi kerja yang telah dijalankan, barang-barang yang diterima dan perkhidmatan yang telah diberi sehingga 31 Disember sesuatu tahun boleh dibayar pada bulan Januari tahun berikutnya [dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB)]. Semakan Audit terhadap perbelanjaan mengurus bagi Vot B - Bekalan tahun 2011 mendapati secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan telah membuat bayaran berjumlah RM8.38 bilion dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB). Jumlah ini adalah 5.6% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus (Vot B - Bekalan) tahun 2011 yang berjumlah RM149.55 bilion. Prestasi perbelanjaan mengurus (Vot B - Bekalan) Kerajaan Persekutuan mengikut bulan adalah seperti di **Jadual 2.7** dan **Carta 2.11**.

**PERBELANJAAN MENGURUS (VOT B - BEKALAN)
PADA TAHUN 2011 MENGIKUT BULAN**

JADUAL 2.7

BULAN	PERBELANJAAN BULANAN	
	(RM Bilion)	(%)
Januari	7.78	5.2
Februari	8.42	5.6
Mac	14.17	9.4
April	9.21	6.2
Mei	10.46	7.0
Jun	13.85	9.3
Julai	9.61	6.4
Ogos	17.97	12.0
September	12.20	8.2
Oktober	11.05	7.4
November	11.15	7.5
Disember	15.30	10.2
AKB	8.38	5.6
JUMLAH	149.55	100.0

**CARTA
2.11**



Nota: AKB - Akaun Kena Bayar

- b. Walaupun secara keseluruhannya perbelanjaan mengurus dalam tempoh AKB bagi Vot B - Bekalan hanya 5.6% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan, semakan Audit selanjutnya terhadap perbelanjaan dalam tempoh AKB mengikut Kementerian/Jabatan mendapati Suruhanjaya Pilihan Raya dan Perbendaharaan Malaysia (Perkhidmatan Am) telah membuat bayaran lebih 10% daripada keseluruhan perbelanjaan (Vot B - Bekalan) Kementerian/Jabatan berkenaan. Perbelanjaan Kementerian/ Jabatan bagi Vot B - Bekalan dalam tempoh AKB adalah seperti di **Jadual 2.8** dan butiran perbelanjaan bagi Suruhanjaya Pilihan Raya dan Perbendaharaan Malaysia (Perkhidmatan Am) adalah seperti di **Jadual 2.9**.

**JADUAL 2.8
PERATUSAN AKB BERBANDING
PERBELANJAAN KESELURUHAN (VOT B - BEKALAN) TAHUN 2011**

PERATUSAN AKB BERBANDING PERBELANJAAN KESELURUHAN (%)	BIL. KEMENTERIAN/ JABATAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN AKB (RM Juta)
0.0 - 1.0	4	16,954.13	109.77
1.1 - 5.0	24	88,161.56	2,133.42
5.1 - 10.0	6	12,276.04	746.35
>10	2	32,161.46	5,393.46
JUMLAH	36	149,553.19	8,383.00

Nota: AKB - Akaun Kena Bayar

**JADUAL 2.9
PERBELANJAAN (VOT B - BEKALAN) DALAM TEMPOH AKB MELEBIHI 10%**

KEMENTERIAN/JABATAN	PERBELANJAAN KESELURUHAN (RM Juta)	PERBELANJAAN DALAM TEMPOH AKB	
		(RM Juta)	(%)
Suruhanjaya Pilihan Raya	81.71	9.71	11.9
Perbendaharaan Malaysia (Perkhidmatan Am)	32,079.75	5,383.75	16.8
JUMLAH	32,161.46	5,393.46	16.8

Nota: AKB - Akaun Kena Bayar

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia/Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 22 Hingga 28 Mei 2012

Pembayaran di bawah AKB sebahagian besarnya adalah untuk pembayaran tuntutan subsidi minyak yang diterima pada penghujung bulan Disember 2011. Manakala Suruhanjaya Pilihan Raya memaklumkan pembayaran adalah bagi membiayai keperluan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13.

Pada pendapat Audit, setiap Kementerian/Jabatan perlu membuat perancangan yang rapi bagi meminimumkan pembayaran dalam tempoh AKB kerana pembayaran yang besar dalam tempoh AKB memberi gambaran bahawa Kementerian/Jabatan telah membuat komitmen yang tinggi pada akhir tahun. Sekiranya komitmen tersebut tidak dapat dibayar dalam tempoh AKB, Kementerian/Jabatan berkenaan perlu membuat bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

2.1.3.5. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah AP58(a) mendapati bayaran berjumlah RM3.08 bilion telah dibuat pada tahun 2011. Sebahagian besar daripada bayaran tersebut adalah untuk pembayaran subsidi minyak dan beras serta beberapa bayaran lain seperti bayaran utiliti, tuntutan perjalanan, tuntutan pembekal dan yuran perkhidmatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.10
KEMENTERIAN/JABATAN YANG MEMBUAT BAYARAN DI BAWAH
ARAHAH PERBENDAHARAAN 58(a) PADA TAHUN 2011**

KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH (RM Juta)
Perbendaharaan Malaysia	1,411.01
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	655.11
Kementerian Kesihatan Malaysia	422.23
Kementerian Dalam Negeri	187.75
Kementerian Pengangkutan	159.92
Kementerian Kerja Raya	73.63
Kementerian Pertahanan	73.26
Jumlah Kecil	2,982.91
Kementerian/Jabatan Lain	97.04
JUMLAH KESELURUHAN	3,079.95

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 11 Hingga 28 Mei 2012

Pembayaran di bawah AP58(a) berlaku disebabkan oleh bil/tuntutan lewat diterima.

Pada pendapat Audit, sebahagian daripada pembayaran di bawah AP58(a) seperti bayaran bil utiliti, tuntutan perjalanan dan tuntutan pembekal sepatutnya boleh dibayar dalam tahun kewangan yang sebenarnya atau selewat-lewatnya dalam tempoh Akaun Kena Bayar sekiranya Kementerian/Jabatan mengambil langkah proaktif untuk memastikan bil tersebut diterima sebelum tarikh penutupan akaun. Pembayaran yang tinggi di bawah AP58(a) boleh menjasakan peruntukan tahun semasa di mana peruntukan tersebut perlu digunakan untuk membayar bil yang sepatutnya dibayar pada tahun sebelumnya.

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati 2 Kementerian telah membuat bayaran di bawah AP58(a) melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kementerian berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.11
BAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a) MELEBIHI
10% DARIPADA PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2011

KEMENTERIAN	JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN MENGURUS (RM Juta)	BAYARAN AP58(a)	
		(RM Juta)	(%)
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	4,151.48	655.11	15.8
Kementerian Pengangkutan	1,239.97	159.92	12.9
JUMLAH	5,391.45	815.03	15.1

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Antara 4 Hingga 24 Mei 2012


Kementerian Pengangkutan memaklumkan sejumlah RM95.06 juta daripada RM159.92 juta pembayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2011 adalah untuk bayaran sewa pajakan pesawat perkhidmatan udara luar bandar (RAS) bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 yang mana kadar sewaannya hanya dimuktamadkan pada tahun 2011. Sejumlah RM31.11 juta pula adalah untuk bayaran subsidi dan insentif bagi tahun 2010 seperti yang dinyatakan dalam perjanjian perkhidmatan udara. Manakala Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani memaklumkan pembayaran di bawah AP58(a) sebahagian besarnya adalah untuk pembayaran subsidi beras.

2.1.4. Perbelanjaan Pembangunan

- 2.1.4.1. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM230 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), yang mana RM126.50 bilion (55%) diperuntukkan kepada sektor ekonomi, RM69 bilion (30%) kepada sektor sosial,

RM23 bilion (10%) bagi sektor keselamatan dan RM11.50 bilion (5%) bagi pentadbiran awam seperti yang ditunjukkan di **Carta 2.12**. Peruntukan pembangunan dilaksanakan secara *rolling plan* setiap dua tahun dan di bawah *rolling plan* pertama, sejumlah RM103.60 bilion telah diperuntukkan untuk membiayai 668 butiran projek yang meliputi tahun 2011 dan 2012.

CARTA 2.12
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RMKe-10 MENGIKUT SEKTOR



2.1.4.2. Peruntukan pembangunan asal bagi tahun 2011 tidak termasuk peruntukan Simpanan Luar Jangka adalah berjumlah RM49.18 bilion. Sehingga akhir tahun 2011, Kerajaan telah meluluskan peruntukan tambahan daripada Simpanan Luar Jangka berjumlah RM2 bilion. Bagi tempoh yang sama, Kerajaan juga telah mengeluarkan Waran Penyekatan Peruntukan berjumlah RM1.76 bilion. Setelah mengambil kira peruntukan tambahan dan Waran Penyekatan Peruntukan, peruntukan muktamad untuk pembangunan adalah berjumlah RM49.42 bilion. Sehingga akhir tahun 2011, secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM46.42 bilion (93.9%) daripada peruntukan yang diluluskan. Kedudukan jumlah peruntukan dan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.12
KEDUDUKAN JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2010 DAN 2011

PERKARA	TAHUN 2010 (RM Juta)	TAHUN 2011 (RM Juta)
Peruntukan:		
Anggaran Asal*	51,219.66	49,181.89
Anggaran Tambahan Pertama	2,811.80	1,999.41
	54,031.46	51,181.30
Waran Penyekatan Peruntukan	(1,901.40)	(1,757.25)
JUMLAH	52,130.06	49,424.05
Perbelanjaan Sebenar	52,791.63	46,416.36
Peratus Perbelanjaan	101.3%	93.9%

Nota: () - Tidak Termasuk Peruntukan Simpanan Luar Jangka Yang Berjumlah RM2 Bilion*

2.1.4.3. Analisis Audit terhadap perbelanjaan pembangunan 26 Kementerian/Jabatan Persekutuan pada tahun 2011 mendapati berlaku kelemahan dari segi perancangan dan pemantauan perbelanjaan yang mana peruntukan tidak dibelanjakan; peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% dan tambah/pindah peruntukan tidak dibelanjakan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 2.13**.

**JADUAL 2.13
KELEMAHAN PENGURUSAN
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2011**

PERKARA	BIL. KEMENTERIAN/ JABATAN TERLIBAT	BIL. PROJEK TERLIBAT	JUMLAH (RM Juta)
Peruntukan Tidak Dibelanjakan	3	4	14.15
Peruntukan Dibelanjakan Kurang Daripada 50%	9	26	748.57
Peruntukan Tambahan/Pindah Peruntukan Tidak Dibelanjakan	5	6	11.14

- a. Adalah didapati 3 Kementerian telah diluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM14.15 juta bagi membiayai 4 projek. Bagaimanapun, peruntukan tersebut langsung tidak dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.14
PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN**

MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN TAHUN 2011 (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2011 (RM Juta)	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
Kementerian Pengangkutan			
Pengerukan Pelabuhan Miri	0.50	0.00	0.50
Pembangunan Lapangan Terbang Baru Tawau	0.75	0.00	0.75
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air			
Penghantaran Dan Pembahagian	4.20	0.00	4.20
Kementerian Pelajaran Malaysia			
Lembaga Peperiksaan Malaysia	8.70	0.00	8.70
JUMLAH	14.15	0.00	14.15

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM1.06 bilion yang diluluskan pada tahun 2011 bagi membiayai 26 projek di 9 Kementerian/Jabatan telah dibelanjakan kurang daripada 50% iaitu hanya RM309.93 juta telah dibelanjakan dan bakinya RM748.57 juta tidak dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.15
PERUNTUKAN DIBELANJAKAN KURANG DARIPADA 50%**

PERATUS PERBELANJAAN (%)	BIL. KEMENTERIAN/ JABATAN TERLIBAT	BIL. PROJEK TERLIBAT	JUMLAH PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2011 (RM Juta)	JUMLAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
< 10	4	5	125.05	10.38	114.67
10 -< 20	2	3	18.84	2.94	15.90
20 -< 30	4	6	238.70	53.98	184.72
30 -< 40	3	5	625.11	219.07	406.04

PERATUS PERBELANJAAN (%)	BIL. KEMENTERIAN/JABATAN TERLIBAT	BIL. PROJEK TERLIBAT	JUMLAH PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2011 (RM Juta)	JUMLAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
40 -< 50	4	7	50.80	23.56	27.24
JUMLAH		26	1,058.50	309.93	748.57

- c. Lima (5) Kementerian telah menerima peruntukan tambahan atau membuat pindah peruntukan berjumlah RM11.14 juta bagi membiayai 6 projek. Bagaimanapun, peruntukan tambahan/pindah peruntukan tersebut tidak dibelanjakan langsung malah perbelanjaan sebenar bagi projek berkenaan adalah kurang daripada jumlah peruntukan asal. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.16
PERUNTUKAN TAMBAHAN/PINDAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN

MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN ASAL (RM Juta) (a)	TAMBAHAN PERUNTUKAN TERMASUK PINDAH PERUNTUKAN (RM Juta) (b)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta) (c)	PERUNTUKAN ASAL TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta) (d) = [(a) – (c)]	JUMLAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta) [(b) + (d)]
Kementerian Pelancongan					
Pembangunan Eco-Tourism	13.65	3.70	11.83	1.82	5.52
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan					
Institut Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	42.70	3.35	42.00	0.70	4.05
Kementerian Belia Dan Sukan					
Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)	174.85	3.42	173.55	1.30	4.72
Kementerian Sumber Manusia					
Naik Taraf Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia Di Melaka	2.20	0.23	1.16	1.04	1.27
Naik Taraf Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia Di Sabah	2.20	0.41	1.81	0.39	0.80
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat					
Sekolah Tunas Bakti	11.50	0.03	9.13	2.37	2.40
JUMLAH	247.10	11.14	239.48	7.62	18.76

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 14 Hingga 29 Mei 2012

Peruntukan tidak/kurang dibelanjakan adalah disebabkan penjimatan kos projek atau bayaran kurang daripada anggaran keperluan; projek lewat dilaksanakan/disiapkan; menunggu kelulusan perubahan skop kerja; penyelarasan akhir harga projek belum dimuktamadkan; pembekal lewat mengemukakan tuntutan atau peruntukan yang tidak dibelanjakan tidak sempat disalurkan untuk projek lain.

2.1.4.4. Akaun Kena Bayar Bagi Perbelanjaan Pembangunan

- a. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai, tanggungan bagi kerja yang telah dijalankan, barang-barang yang diterima dan perkhidmatan yang telah diberi sehingga 31 Disember sesuatu tahun boleh dibayar pada bulan Januari tahun berikutnya [dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB)].


Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan telah membuat bayaran pembangunan tahun 2011 berjumlah RM2.65 bilion semasa tempoh Akaun Kena Bayar (AKB). Jumlah ini adalah 5.7% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan tahun 2011. Prestasi perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut bulan adalah seperti di **Jadual 2.17** dan **Carta 2.13**.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2011 MENGIKUT BULAN

JADUAL 2.17

BULAN	PERBELANJAAN BULANAN	
	(RM Bilion)	(%)
Januari	1.33	2.9
Februari	2.53	5.4
Mac	2.57	5.5
April	2.73	5.9
Mei	2.69	5.8
Jun	2.91	6.3
Julai	2.61	5.6
Ogos	6.52	14.1
September	3.44	7.4
Oktober	2.99	6.4
November	3.90	8.4
Disember	9.55	20.6
AKB	2.65	5.7
JUMLAH	46.42	100.0

CARTA 2.13



Nota: AKB - Akaun Kena Bayar

- b. Secara keseluruhannya, hanya sejumlah RM2.65 bilion (5.7%) perbelanjaan pembangunan dibayar dalam tempoh AKB. Bagaimanapun, semakan selanjutnya terhadap prestasi perbelanjaan pembangunan mengikut Kementerian/Jabatan dalam tempoh AKB mendapati 9 Kementerian telah berbelanja lebih 10% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan Kementerian berkenaan. Perbelanjaan pembangunan Kementerian/Jabatan dalam tempoh AKB adalah seperti di **Jadual 2.18** dan butiran perbelanjaan bagi 9 Kementerian yang berbelanja lebih 10% dalam tempoh AKB adalah seperti di **Jadual 2.19**.

JADUAL 2.18 PERATUSAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DALAM TEMPOH AKB

PERATUSAN AKB BERBANDING PERBELANJAAN KESELURUHAN (%)	BIL. KEMENTERIAN/ JABATAN	JUMLAH PERBELANJAAN KESELURUHAN (RM Juta)	PERBELANJAAN DALAM TEMPOH AKB (RM Juta)
0.0 - 1.0	4	1,679.55	3.71
1.1 - 5.0	9	31,873.19	1,114.87
5.1 - 10.0	4	1,103.68	72.25
> 10	9	11,759.94	1,457.03
JUMLAH	26	46,416.36	2,647.86

JADUAL 2.19
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DALAM TEMPOH AKB MELEBIHI 10%

KEMENTERIAN	PERBELANJAAN TAHUN 2011 (RM Juta)	PERBELANJAAN DALAM TEMPOH AKB	
		(RM Juta)	(%)
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	481.82	81.11	16.8
Kementerian Belia Dan Sukan	296.64	49.57	16.7
Kementerian Pelancongan	137.58	18.76	13.6
Kementerian Pengangkutan	3,962.32	520.89	13.1
Perbendaharaan Malaysia	775.35	93.07	12.0
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar	184.48	21.63	11.7
Kementerian Pelajaran Malaysia	3,928.99	447.15	11.4
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1,137.08	129.94	11.4
Kementerian Dalam Negeri	855.68	94.91	11.1
JUMLAH	11,759.94	1,457.03	12.4

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 22 hingga 29 Mei 2012

Pembayaran kemajuan projek perlu dibuat dalam tempoh AKB antaranya disebabkan oleh tuntutan lewat diterima dan projek hanya siap pada penghujung tahun.

Pada pendapat Audit, Kementerian/Jabatan perlu membuat perancangan dan pemantauan dengan lebih rapi terhadap prestasi kewangan dan pelaksanaan projek menerusi Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian. Selain itu, komunikasi dan koordinasi antara Kementerian/Jabatan dengan pelaksana projek juga perlu dipertingkatkan.

2.1.5. Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

2.1.5.1. Wang pendahuluan kepada kontraktor adalah bayaran pendahuluan yang dibenarkan kepada kontraktor tempatan sahaja dan bayaran ini tidak terpakai untuk kontrak pusat, kontrak yang dibuat secara berpusat oleh mana-mana agensi Kerajaan dan perkhidmatan perunding. Wang pendahuluan ini dibayar kepada kontraktor yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja awalan. Semua bayaran pendahuluan dicaj terus kepada vot projek berkenaan dan akaun subsidiari mengenainya hendaklah diselenggarakan bagi mengakaunkan bayaran pendahuluan yang akan diselaraskan melalui potongan yang dibuat daripada bayaran kemajuan projek berkenaan. Peraturan dan syarat bagi bayaran pendahuluan ini dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007.

2.1.5.2. Semakan Audit terhadap wang pendahuluan kepada kontraktor yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah mendapati wang pendahuluan tersebut yang belum diimbuh balik pada akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM1.54 bilion. Jumlah ini meningkat sebanyak

RM251.84 juta berbanding dengan tahun 2010 yang berjumlah RM1.28 bilion. Kedudukan baki wang pendahuluan kepada kontraktor pada akhir tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.20
PENINGKATAN/PENURUNAN BAKI WANG PENDAHULUAN
KEPADAKONTRAKTOR PADA AKHIR TAHUN 2007 HINGGA 2011**

TAHUN	BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADAKONTRAKTOR (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		(RM Juta)	(%)
2007	1,244.82	-	-
2008	1,243.09	(1.73)	(0.1)
2009	1,749.36	506.27	40.7
2010	1,283.92	(465.44)	(26.6)
2011	1,535.76	251.84	19.6

2.1.5.3. Bayaran Balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan bahawa Kementerian/Jabatan dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu kontrak untuk menentukan sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan projek, bayaran wang pendahuluan yang belum dibayar balik dapat dituntut daripada bank/syarikat kewangan/insurans/takaful yang mengeluarkan jaminan bagi maksud tersebut. Semakan Audit mendapati 3 Kementerian masih belum mengutip balik baki bayaran pendahuluan berjumlah RM69.54 juta daripada 26 syarikat walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.21
BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADAKONTRAKTOR YANG BELUM DIKUTIP
WALAUPUN PROJEK TELAH DITAMATKAN/TERBENGKALAI**

KEMENTERIAN	BIL. SYARIKAT	BAKI WANG PENDAHULUAN YANG MASIH BELUM DIKUTIP/DIREKUP (RM Juta)
Kementerian Pertahanan	3	18.18
Kementerian Dalam Negeri	2	4.45
Kementerian Kerja Raya	21	46.91
JUMLAH	26	69.54

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Antara 30 April Hingga 24 Mei 2012

Kementerian Dalam Negeri memaklumkan bahawa pelarasan masih belum dapat dilaksanakan kerana sedang menunggu keputusan timbang tara. Manakala Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kerja Raya memaklumkan tuntutan daripada kontraktor akan dibuat selepas semakan selesai dijalankan.

Pada pendapat Audit, Kementerian/Jabatan hendaklah menjalankan pemantauan secara berkala terhadap pengurusan wang pendahuluan kepada kontraktor termasuk yang diuruskan oleh jabatan peringkat negeri supaya semua wang pendahuluan diuruskan dengan teratur serta dapat diimbuh balik dalam masa yang ditetapkan. Selain itu, pematuhan terhadap peraturan lain yang dinyatakan dalam SPP Bil. 5 Tahun 2007 berkaitan pendahuluan kepada kontraktor juga perlu diberi penekanan oleh Ketua Jabatan.

2.1.6. Perbelanjaan Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

2.1.6.1. Perbelanjaan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 59 hanya boleh dilakukan dengan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia atas pengesahan pihak Kementerian/Jabatan bahawa perkhidmatan atau barang yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan telah diterima dengan sempurna. Pembayaran ini akan dipertanggungkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) Kod 853207 sementara menunggu siasatan dijalankan oleh Kementerian/Jabatan. Pada tahun 2011, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan 62 permohonan pendahuluan diri untuk perbelanjaan di bawah AP 59 berjumlah RM25.58 juta kepada 16 Kementerian/Jabatan. Adalah diperhatikan perbelanjaan di bawah AP 59 pada tahun 2011 telah menurun sejumlah RM66.71 juta (72.3%) berbanding dengan tahun 2010 yang berjumlah RM92.29 juta melibatkan 22 Kementerian/Jabatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.22
PERBELANJAAN DI BAWAH AP 59 YANG DILULUSKAN
OLEH PERBENDAHARAAN MALAYSIA PADA TAHUN 2010 DAN 2011**

KEMENTERIAN/JABATAN	KELULUSAN PADA TAHUN 2010		KELULUSAN PADA TAHUN 2011	
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
Kementerian Dalam Negeri	6	0.62	9	8.51
Polis DiRaja Malaysia	19	33.07	11	7.72
Kementerian Pelajaran Malaysia	15	23.12	14	3.10
Kementerian Pengangkutan	4	2.70	1	1.47
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	3	0.42	4	1.31
Kementerian Kesihatan Malaysia	2	0.81	7	1.11
Kementerian Pertahanan	7	10.01	4	0.87
Jumlah Kecil	56	70.75	50	24.09
Kementerian/Jabatan Lain	40	21.54	12	1.49
JUMLAH KESELURUHAN	96	92.29	62	25.58

2.1.6.2. Sehingga akhir tahun 2011, baki pendahuluan yang belum diselaraskan adalah berjumlah RM57.45 juta melibatkan 24 Kementerian/Jabatan. Baki yang belum diselaraskan telah berkurangan sejumlah RM5.44 juta berbanding dengan tahun 2010. Bagaimanapun, tempoh pendahuluan diri paling lama tidak diselaraskan iaitu seawal tahun 1989 masih kekal. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.23**.

JADUAL 2.23
PENDAHULUAN DIRI DI BAWAH AP 59
YANG BELUM DISELARASKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 DAN 2011

KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI BELUM DISELARASKAN PADA 31.12.2010 (RM Juta)	BAKI BELUM DISELARASKAN PADA 31.12.2011	
		(RM Juta)	TEMPOH
Polis DiRaja Malaysia	31.77	17.68	1989 - 2011
Kementerian Dalam Negeri	0.74	8.25	1999 - 2011
Kementerian Pertahanan	8.04	7.98	2006 - 2011
Kementerian Belia Dan Sukan	5.06	4.72	2010 - 2011
Kementerian Pelajaran Malaysia	1.32	3.57	2006 - 2011
Jabatan Perdana Menteri	3.60	3.53	2009 - 2011
Jumlah Kecil	50.53	45.73	1989 - 2011
Kementerian/Jabatan Lain	12.36	11.72	2002 - 2011
JUMLAH KESELURUHAN	62.89	57.45	1989 - 2011

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 4 Hingga 24 Mei 2012

Secara umumnya, pelarasan belum dilaksanakan kerana masih menunggu kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia atau kes masih dalam proses siasatan.

2.1.6.3. Adalah didapati baki pendahuluan diri yang belum diselaraskan pada akhir tahun 2011 bagi 12 Kementerian/Jabatan menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2010, sembilan (9) Kementerian/Jabatan menunjukkan penurunan dan 3 Kementerian/Jabatan tiada perubahan. Manakala 3 Kementerian/Jabatan lain iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan telah menyelaraskan kesemua baki pendahuluan pada tahun 2011.

2.1.6.4. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2009 menetapkan pembayaran di bawah AP 59 kepada kontraktor/pembekal hendaklah dibuat serta-merta tidak lewat 14 hari dari tarikh kelulusan pendahuluan diterima daripada Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit terhadap 109 pembayaran di bawah AP 59 yang dibuat pada tahun 2011 mendapati 72 daripadanya yang berjumlah RM20.12 juta melibatkan 12 Kementerian telah dibayar melebihi tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan pendahuluan diri diterima daripada Perbendaharaan Malaysia. Tempoh kelewatan bayaran adalah antara 7 hingga 183 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.24
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 59 MELEBIHI TEMPOH 14 HARI

KEMENTERIAN	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)*
Kementerian Dalam Negeri	5	7.57	7 - 69
Kementerian Pertahanan	4	6.92	11 - 28
Kementerian Pelajaran Malaysia	30	1.98	9 - 91
Kementerian Pengangkutan	1	1.47	54
Jumlah Kecil	40	17.94	7 - 91
8 Kementerian Lain	32	2.18	7 - 183
JUMLAH KESELURUHAN	72	20.12	7 - 183

Nota: () - Tempoh Kelewatan Dikira Selepas 14 Hari Dari Tarikh Kelulusan*

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 4 Hingga 24 Mei 2012

Sebahagian pembayaran di bawah AP 59 melebihi tempoh 14 hari adalah disebabkan dokumen tidak lengkap untuk membuat pembayaran dan sebahagiannya pula adalah disebabkan Kementerian perlu mendapat pengesahan daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum bayaran dibuat.

Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya melengkapkan kesemua dokumen sokongan yang berkaitan semasa Kementerian mengemukakan permohonan pendahuluan kepada Perbendaharaan Malaysia. Dengan ini bayaran boleh dibuat serta-merta apabila kelulusan diperolehi. Selain itu, Kementerian perlu mewujudkan mekanisme untuk mempercepatkan proses pembayaran sekiranya pembayaran tersebut melibatkan PTJ di peringkat Jabatan.

2.1.6.5. Selaras dengan AP 59, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan laporan siasatan lengkap dengan menghuraikan bagaimana penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari dari tarikh pendahuluan diluluskan untuk dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit terhadap 381 kes pembayaran di bawah AP 59 yang mana laporan siasatan telah dikemukakan atau sepatutnya dikemukakan sebelum 31 Disember 2011 mendapat berlaku kes kelewatan mengemukakan 105 laporan siasatan antara 6 hingga 635 hari. Manakala 262 laporan siasatan belum dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia sehingga tarikh pengauditan iaitu pada 9 Mac 2012. Kelewatan mengemukakan laporan siasatan sehingga 9 Mac 2012 bagi 262 kes tersebut adalah antara 91 hingga 1,008 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.25
KELEWATAN MENGHANTAR LAPORAN SIASATAN
KEPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KEMENTERIAN/JABATAN	LAPORAN SIASATAN DIKEMUKAKAN PADA TAHUN 2011		LAPORAN SIASATAN BELUM DIKEMUKAKAN	
	BIL. KES	TEMPOH KELEWATAN (HARI) *	BIL. KES	TEMPOH KELEWATAN SEHINGGA 09.03.2012 (Hari) *
Jabatan Perdana Menteri	11	490 - 635	241	752 - 957
Kementerian Pelajaran Malaysia	55	6 - 63	-	-
Kementerian Dalam Negeri	11	92 - 143	9	91 - 287
Kementerian Luar Negeri	14	445 - 610	3	140 - 1,008
Polis DiRaja Malaysia	3	112 - 184	7	122 - 355
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1	33	-	-
Kementerian Pertahanan	3	14 - 120	-	-
Kementerian Kesihatan Malaysia	2	50 - 58	-	-
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	2	10 - 32	-	-
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	-	-	1	170
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1	156	-	-
Kementerian Pengangkutan	-	-	1	317
Jabatan Imigresen	1	61	-	-
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1	101	-	-
JUMLAH	105	6 - 635	262	91 - 1,008

Nota: () - Tempoh Dikira Selepas 60 Hari Daripada Tarikh Kelulusan Perbendaharaan Malaysia*

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 4 Hingga 24 Mei 2012

Laporan siasatan lewat/belum dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia kerana jawatankuasa siasatan lewat ditubuhkan; pertukaran pegawai penyiasat; semakan semula laporan siasatan; pegawai tidak berpengalaman dalam mengendalikan kes AP 59 dan proses siasatan mengambil masa yang lama kerana kes yang rumit.

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan terhadap peraturan yang ditetapkan berkaitan pengurusan pembayaran di bawah AP 59 antaranya disebabkan kurang pemantauan sama ada di peringkat Kementerian/Jabatan atau Perbendaharaan Malaysia. Memandangkan sebahagian daripada kes kelewatan ini merupakan kes yang lama, tindakan yang lebih berkesan perlu diambil untuk menyelesaiannya.


2.2. LANGKAH UNTUK MENAMBAH DANA

Antara langkah proaktif yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi menambah hasil Kerajaan Persekutuan adalah dengan mendapatkan balik tunggakan hasil dan tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Negeri/Perbadanan Kemajuan Negeri/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan/Koperasi/Syarikat/Agenzi Lain dalam tempoh yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

2.2.1. Akaun Belum Terima

2.2.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Secara keseluruhannya ABT Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2011 menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.11 bilion (5.4%) iaitu daripada RM20.37 bilion pada tahun 2010 kepada RM21.48 bilion pada tahun 2011. Kedudukan Akaun Belum Terima (bersih) bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 setelah mengambil kira hapus kira adalah seperti di **Carta 2.14**.

CARTA 2.14
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA (BERSIH)
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2011




2.2.1.2. Kementerian/Jabatan yang mempunyai ABT yang tinggi bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 antaranya adalah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Perbadanan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 8 Hingga 29 Mei 2012

Akaun Belum Terima bagi Kementerian Kesihatan Malaysia adalah tinggi kerana pertambahan bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan gagal menjelaskan bil rawatan. Manakala Jabatan Kastam Diraja Malaysia memaklumkan tindakan penyiasatan yang dijalankan telah berjaya mengesan syarikat/individu yang lari daripada membayar cukai dan kesannya ABT Jabatan berkenaan telah meningkat. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia turut memaklumkan peningkatan ABT adalah disebabkan oleh kemasukan debit baru bagi kes syarikat dan kes selain syarikat hasil daripada tindakan membangkitkan tafsiran anggaran di bawah seksyen 90 (3) Akta Cukai Pendapatan secara automatik bagi pembayar cukai yang gagal mengembalikan borang cukai pendapatan.

Carta 2.15 menunjukkan peratusan jumlah ABT (bersih) Kementerian/Jabatan pada akhir tahun 2011.



2.2.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati 50% daripada ABT bersih bagi 5 Kementerian telah berusia melebihi tempoh 6 tahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.26
**LEBIH 50% DARIPADA ABT (BERSIH)
 BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN**

KEMENTERIAN	JUMLAH BERSIH ABT (RM Juta)	ABT MELEBIHI TEMPOH 6 TAHUN	
		(RM Juta)	(%)
Kementerian Belia Dan Sukan	19.41	17.81	91.8
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	2.52	2.26	89.7
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar	78.02	55.71	71.4
Kementerian Pelajaran Malaysia	138.07	89.79	65.0
Perbadanan Malaysia	9,431.45	5,479.03	58.1

Nota: ABT - Akaun Belum Terima

2.2.1.4. Selain itu, ABT yang dihapus kira dan ABT yang berusia melebihi 6 tahun telah meningkat setiap tahun bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011. Peningkatan ini menunjukkan usaha yang dijalankan oleh Kementerian/Jabatan adalah kurang berhasil/efektif. **Carta 2.16** menunjukkan jumlah kasar ABT, jumlah yang telah dihapus kira dan jumlah ABT yang berusia melebihi 6 tahun.

CARTA 2.16
ABT KASAR, DIHAPUS KIRA DAN BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2007 HINGGA 2011



Nota: ABT - Akaun Belum Terima TM - Tiada Maklumat
 Pada Tahun 2007 Maklumat Mengenai ABT Berusia Melebihi 6 Tahun Tidak Diselenggara

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 8 Hingga 29 Mei 2012

Tindakan telah diambil untuk mengutip balik ABT antaranya mengeluarkan surat peringatan; mengadakan perbincangan dengan pihak yang berhutang dan membenarkan penghutang membayar secara ansuran; melancarkan operasi mengutip semula ABT dan mengambil tindakan undang-undang.

Pada pendapat Audit, Kementerian/Jabatan perlu mengambil langkah yang lebih berkesan untuk mengutip semula ABT kerana sekiranya tindakan segera tidak diambil, hutang atau tunggakan hasil yang tidak diambil tindakan dalam tempoh 6 tahun dari tarikh hutang dikehendaki dibayar akan terhalang oleh sekatan masa di bawah Akta Had Masa dan kesannya Kerajaan akan mengalami kerugian.

2.2.2. Mendapatkan Bayaran Balik Pinjaman Yang Tertunggak

2.2.2.1. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam menguruskan perolehan pinjaman dari sumber dalam dan luar negeri. Pinjaman ini akan disalurkan kepada Syarikat, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Perbadanan Kemajuan Negeri, Koperasi dan agensi lain untuk pelbagai tujuan. Pengauditan yang dijalankan mendapati pinjaman ini tidak dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan.

2.2.2.2. Semakan Audit mendapati 579 (46.7%) daripada 1,240 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 31 tahun melibatkan 2,075 ansuran tertungggak. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2011 menurun sejumlah RM307.03 juta (3.4%) menjadi RM8.82 bilion berbanding dengan RM9.13 bilion pada akhir tahun 2010. Penurunan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman ini antaranya

adalah disebabkan oleh penjadualan semula dan hapus kira pinjaman. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.27
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2010 DAN 2011

PEMINJAM	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK				BIL. ANSURAN* TERTUNGGAK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2011	TEMPOH* TERTUNGGAK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2011 (Tahun)		
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2010 (RM Juta)	31.12.2011 (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	(%)				
		BIL.	(%)								
Syarikat Kerajaan/ Bukan Kerajaan	85	42	49.4	2,804.76	3,328.38	523.62	18.7	137	1 - 17		
Kerajaan Negeri	985	420	42.6	3,800.59	3,048.49	(752.10)	(19.8)	1,317	1 - 17		
Badan Berkanun	89	61	68.5	1,601.39	1,573.49	(27.90)	(1.7)	221	1 - 19		
Pihak Berkuasa Tempatan	57	39	68.4	501.31	509.44	8.13	1.6	318	18 - 24		
Pelbagai Agensi	10	4	40	259.68	239.32	(20.36)	(7.8)	6	1 - 6		
Perbadanan Kemajuan Negeri	2	2	100	106.13	106.13	0.00	0.0	14	9		
Koperasi	12	11	91.7	54.18	15.76	(38.42)	(70.9)	62	1 - 31		
JUMLAH	1,240	579	46.7	9,128.04	8,821.01	(307.03)	(3.4)	2,075	1 - 31		

Nota: () - Bilangan Ansuran Tertunggak Dan Tempoh Tertunggak Adalah Untuk Pinjaman Dalam Negeri Sahaja*

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 24 Mei 2012

Jawatankuasa Pemulihan Kredit telah ditubuhkan pada 18 Ogos 2011 bagi mengatasi masalah tunggakan pinjaman.

a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat

Pada akhir tahun 2011, dua puluh enam (26) daripada 61 syarikat yang menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman. Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 85 pinjaman telah disalurkan kepada 30 syarikat dan didapati 42 pinjaman (49.4%) mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 17 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM3.33 bilion iaitu peningkatan sejumrah RM523.62 juta (18.7%) berbanding RM2.80 bilion pada akhir tahun 2010. Secara keseluruhannya pada tahun 2011, sejumrah RM601.89 juta telah dibayar balik berbanding dengan anuiti berjumlah RM915.17 juta yang sepatutnya dibayar balik. Tunggakan bayaran balik ini adalah termasuk yuran pengurusan berjumlah RM10 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.28
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SYARIKAT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

SYARIKAT	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2010	ANUITI TAHUN 2011	BAYARAN	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN	31.12.2011	TEMPOH*
		Bil.	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(Tahun)
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	8	4	50	1,725.68	-	(100.00)	-	1,625.68	14 - 17
UDA Holdings Berhad	10	10	100	241.10	45.90	TBB	-	287.00	4 - 5
Cyberview Sdn. Bhd.	4	2	50	-	140.77	(0.004)	139.23	280.00	2
Syarikat Perumahan Negara Berhad	1	1	100	-	-	TBB	223.40	223.40	5
Malaysia Venture Capital Management Berhad	2	1	50	250.00	50.00	(79.09)	-	220.91	3
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	2	1	50	-	165.58	TBB	-	165.58	1
Malaysia Debt Ventures Berhad	1	1	100	268.46	246.28	(364.74)	-	150.00	-
Malaysia Building Society Berhad	1	1	100	21.99	16.08	(1.14)	-	36.93	3
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	2	2	100	29.77	6.07	TBB	-	35.84	2 - 7
Malaysia Technology Development Corporation	7	1	14.3	11.50	7.50	TBB	-	19.00	3
MIMOS Sdn. Bhd.	1	1	100	-	36.50	-	(20.00)	16.50	1
Bank Pembangunan Malaysia	5	1	20	-	-	TBB	10.00	10.00	5
JKP Sdn. Bhd.	3	2	66.7	1.35	4.53	(1.35)	-	4.53	1
Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad	16	0	-	18.58	-	-	(18.58)	TT	-
Perwaja Steel Sdn. Bhd.	1	1	100	-	30.42	(0.46)	29.95	59.91	1
Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd.	1	1	100	43.20	25.60	(10.46)	-	58.34	2
Syarikat Equal Concept Sdn. Bhd.	1	1	100	-	21.57	(0.34)	21.24	42.47	2
Syarikat KESAS Sdn. Bhd.	1	1	100	-	27.00	(2.00)	-	25.00	1
Projek Lintasan Kota Sdn. Bhd.	1	1	100	-	29.62	(7.90)	0.22	21.94	2
Premium Agro Products Sdn. Bhd.	1	1	100	-	8.29	TBB	8.28	16.57	2
Agro Qas Sdn. Bhd.	1	1	100	10.29	3.68	(0.14)	(6.6)	7.23	2
White Heron Dairy Farm Sdn. Bhd.	1	1	100	-	2.85	TBB	2.85	5.70	2
PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.	2	2	100	-	5.31	TBB	-	5.31	1
Credit Guarantee Corporation	1	1	100	-	4.00	TBB	-	4.00	1
M.Y. Ikan Sdn. Bhd.	1	1	100	-	1.89	TBB	1.89	3.78	2
A-winn Global Market Service Sdn. Bhd.	1	1	100	-	1.11	TBB	1.10	2.21	2
Airport Limo (M) Sdn. Bhd.	1	1	100	0.20	2.20	(1.85)	-	0.55	1

SYARIKAT	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2010	ANUITI TAHUN 2011	BAYARAN	PENJADUALAN SEMULU/ PELARASAN	31.12.2011	TEMPOH*
		Bil.	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(Tahun)
Yayasan Tekun Nasional	6	0	-	150.00	30.00	(30.00)	(150.00)	TT	-
Warisan Jengka Holdings (M) Sdn. Bhd.	1	0	-	7.98	-	-	(7.98)	TT	-
SME Ordnance Sdn. Bhd.	1	0	-	24.66	2.42	(2.42)	(24.66)	TT	-
JUMLAH	85	42	49.4	2,804.76	915.17	(601.89)	210.34	3,328.38	1 - 17

Nota: TBB - Tiada Bayaran Balik TT -Tiada Tunggakan
(*) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 24 Mei 2012

Peruntukan akan disediakan bagi menghapus kira hutang Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. bermula tahun 2011 dan dijangka selesai pada tahun 2027. Tindakan penstrukturran, penyusunan atau penjadualan semula pinjaman sedang/akan diambil bagi 13 syarikat manakala 5 lagi syarikat akan diberi surat peringatan supaya membayar balik pinjaman.

b. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri

- i. Sebagaimana dilaporkan pada tahun sebelum ini, kesemua Kerajaan Negeri tidak menjelaskan sebahagian bayaran balik pinjaman mengikut jadual. Pada tahun 2011, sebanyak 420 (42.6%) daripada 985 pinjaman yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh antara satu hingga 17 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri telah menurun sejumrah RM752.10 juta (19.8%) iaitu daripada RM3.80 bilion pada akhir tahun 2010 menjadi RM3.05 bilion pada akhir tahun 2011.
- ii. Pengurangan tunggakan pinjaman Kerajaan Negeri ini antaranya disebabkan pengambilalihan pinjaman sektor bekalan air oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bagi Kerajaan Negeri Johor, Perlis dan Pulau Pinang; penjadualan semula bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri Selangor dan pembayaran tunggakan pinjaman tahun sebelumnya oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Manakala tunggakan pinjaman bagi Negeri Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak telah meningkat disebabkan anuiti tahun 2011 tidak dibayar sepenuhnya. Pinjaman Kerajaan Negeri Perlis menunjukkan peningkatan walaupun pinjaman sektor bekalan air telah diambil alih oleh PAAB. Ini adalah kerana bayaran anuiti tahun semasa adalah kurang daripada sepatutnya. Secara keseluruhannya, anuiti yang telah dibayar balik pada tahun 2011 oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM483.68 juta berbanding dengan RM815.11 juta yang

sepatutnya dibayar balik. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.29
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN NEGERI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

KERAJAAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2010	ANUITI TAHUN 2011	BAYARAN	PENJADUALAN SEMULA/PELARASAN	31.12.2011	TEMPOH*
		BIL.	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(Tahun)
Kedah	100	83	83.0	738.88	103.45	(9.92)	3.89	836.30	1 - 13
Terengganu	96	82	85.4	454.50	59.07	(59.43)	(1.57)	452.57	1 - 13
Pahang	118	79	66.9	355.28	99.15	(5.34)	(3.26)	445.83	1 - 10
Johor	107	18	16.8	724.57	45.65	(32.62)	(305.31)	432.29	1 - 13
Negeri Sembilan	49	15	30.6	180.99	40.85	(5.67)	2.02	218.19	1 - 16
Kelantan	32	24	75.0	173.52	38.12	(14.52)	-	197.12	1 - 7
Melaka	67	49	73.1	100.11	40.86	(0.18)	(2.54)	138.25	1 - 6
Perlis	41	21	51.2	112.47	23.59	(6.35)	(15.92)	113.79	1 - 17
Selangor	25	3	12.0	656.40	57.86	(21.01)	(632.55)	60.70	1 - 7
Sabah	86	3	3.5	67.43	138.83	(201.94)	51.45	55.77	1 - 13
Sarawak	161	8	5.0	71.02	93.09	(114.61)	1.65	51.15	1 - 4
Perak	64	31	48.4	11.39	40.11	(7.59)	0.03	43.94	2 - 14
Pulau Pinang	39	4	10.3	154.03	34.48	(4.50)	(181.42)	2.59	1 - 7
JUMLAH	985	420	42.6	3,800.59	815.11	(483.68)	(1,083.53)	3,048.49	1 - 17

Nota: (*) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja

Maklum Balas Perpendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 24 Mei 2012

Kerajaan telah menandatangani perjanjian penstrukturkan semula pinjaman bekalan air bagi Negeri Perak yang akan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Manakala pengambilalihan pinjaman bekalan air bagi Negeri Kelantan oleh PAAB dijangka selesai pada bulan Disember 2013.

c. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun

- i. Semakan Audit mendapati sebanyak 61 (68.5%) daripada 89 pinjaman yang disalurkan kepada Badan Berkanun mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.57 bilion pada akhir tahun 2011 iaitu berkurangan sejumlah RM27.90 juta (1.7%) berbanding dengan tahun 2010. Tempoh tunggakan adalah antara satu hingga 19 tahun. Pengurangan tunggakan pinjaman Badan Berkanun ini antaranya disebabkan pengambilalihan, hapus kira dan penjadualan semula bayaran balik pinjaman serta pembayaran tunggakan pinjaman tahun sebelumnya. Pada keseluruhannya, bayaran balik pada tahun 2011 adalah berjumlah RM101.16 juta berbanding dengan anuiti berjumlah RM253.64 juta yang sepatutnya dibayar balik.

- ii. Adalah didapati sejumlah RM1.23 bilion (78.3%) daripada keseluruhan jumlah tunggakan melibatkan pinjaman oleh Perbadanan Aset Keretapi dan Lembaga Air Perak. Semakan Audit juga mendapati Perbadanan Aset Keretapi mempunyai tunggakan yang tertinggi iaitu berjumlah RM1.08 bilion. Kedudukan tunggakan bayaran balik Badan Berkanun adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.30
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BADAN BERKANUN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

BADAN BERKANUN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2010	ANUITI TAHUN 2011	BAYARAN	PENJADUALAN SEMULAJALAN/PELARASAN	31.12.2011	TEMPOH*
		BIL.	(%)						
Perbadanan Aset Keretapi	7	7	100	984.60	14.94	(41.21)	125.21	1,083.54	8 - 10
Lembaga Air Perak	16	16	100	130.24	17.33	-	0.93	148.50	1 - 2
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	16	12	75	152.43	8.29	-	(65.20)	95.52	5 - 14
Lembaga Letrik Sabah	2	2	100	85.73	-	TBB	-	85.73	-
Bank Pertanian Malaysia**	17	2	11.8	25.41	124.19	(28.68)	(60.88)	60.04	1 - 2
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah	9	9	100	53.07	4.55	(1.28)	(2.57)	53.77	3 - 19
Lembaga Pelabuhan Sabah	1	1	100	TT	28.06	(28.06)	28.06	28.06	1
Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara***	3	2	66.7	21.48	0.85	-	(8.21)	14.12	19
Lembaga Pembangunan Langkawi	1	1	100	TT	2.43	-	-	2.43	1
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah	10	9	90	1.93	1.78	(1.93)	-	1.78	1
Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Persekutuan	7	0	0	146.50	51.22	-	(197.72)	TT	-
JUMLAH	89	61	68.5	1,601.39	253.64	(101.16)	(180.38)	1,573.49	1 - 19

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 24 Mei 2012

Kementerian Pengangkutan perlu memohon peruntukan bagi menghapus kira baki pinjaman Perbadanan Aset Keretapi. Perbendaharaan Malaysia turut memaklumkan Lembaga Pembangunan Langkawi telah membuat penyelesaian awal baki pokok pinjaman pada tahun 2012 dan baki faedah pinjaman telah diluluskan untuk dihapus kira. Manakala pinjaman Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah akan dijadualkan semula dan dijangka selesai pada bulan Disember 2012.

d. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan

- i. Pada akhir tahun 2011, tunggakan pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan adalah berjumlah RM509.44 juta berbanding RM501.31 juta pada akhir tahun 2010. Adalah didapati hanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang membuat bayaran berjumlah RM8.78 juta pada tahun 2011, manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai langsung tidak membuat bayaran. Tempoh tunggakan bayaran balik adalah antara 18 hingga 24 tahun. Kesemua tunggakan pinjaman oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah merupakan tunggakan bagi Projek Pembetungan yang mana pinjaman ini akan diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.31
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2010	ANUITI TAHUN 2011	BAYARAN	PENJADUALAN SEMULA/PELARASAN	31.12.2011	TEMPOH*
		BIL.	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(Tahun)
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	25	22	88	188.87	16.55	(8.65)	0.23	197.00	18 - 19
Majlis Perbandaran Seberang Perai	3	3	100	187.35	-	TBB	-	187.35	23 - 24
Majlis Perbandaran Seremban	2	2	100	96.88	-	TBB	-	96.88	19 - 20
Majlis Perbandaran Pulau Pinang	27	12	44.4	28.21	0.13	(0.13)	-	28.21	18 - 19
JUMLAH	57	39	68.4	501.31	16.68	(8.78)	0.23	509.44	18 - 24

Nota: TBB - Tiada Bayaran Balik

(*) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja

- ii. Adalah didapati Majlis Perbandaran Seremban tidak membuat bayaran balik pinjaman sejak tahun 1992. Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya Majlis Perbandaran Seremban tidak perlu lagi membuat bayaran balik ke atas pinjaman tersebut melalui surat Bil.S(34.00)248/24/1-10 Jd. 4 bertarikh 28 Ogos 2009. Berdasarkan kepada maklum balas tahun sebelum, pihak Perbendaharaan akan mengambil tindakan menghapus kira pinjaman selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dan dijangka selesai pada Disember 2011. Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2011, tunggakan bayaran balik pinjaman ini belum dihapus kira dan masih dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 24 Mei 2012

Kertas polisi untuk menghapus kira pinjaman pihak berkuasa tempatan sedang disediakan dan dijangka selesai pada bulan Disember 2012.

e. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pelbagai Agensi

Pada akhir tahun 2011, semakan Audit mendapati 4 Pelbagai Agensi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM239.32 juta iaitu pengurangan sejumlah RM20.36 juta (7.8%) berbanding RM259.68 juta pada akhir tahun 2010. Selain itu, adalah didapati Persatuan Asrama Belia Malaysia masih mempunyai tunggakan walaupun pada tahun 2009 sebahagian pinjaman telah dihapus kira dan baki pinjaman dijadualkan semula. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.32
JADUAL TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PELBAGAI AGENSI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

PELBAGAI AGENSI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2010	ANUITI TAHUN 2011	BAYARAN	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN	31.12.2011	(RM Juta)
		BIL	(%)						
Jabatan Penerbangan Awam	1	1	100	152.61	38.12	(38.25)	(0.01)	152.47	4
Amanah Ikhtiar Malaysia	6	1	16.7	100.00	-	(20.00)	-	80.00	4
Yayasan Amanah Anak Langkawi	1	1	100	6.80	-	TBB	-	6.80	6
Persatuan Asrama Belia Malaysia	1	1	100	0.05	0.05	(0.05)	-	0.05	1
Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia	1	0	-	0.22	0.67	(0.89)	-	TT	-
JUMLAH	10	4	40	259.68	38.84	(59.19)	(0.01)	239.32	1 - 6

Nota: TBB - Tiada Bayaran Balik TT - Tiada Tunggakan
(*) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 24 Mei 2012

Perjanjian penjadualan semula sedang dimuktamadkan bagi pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia dan cadangan penstrukturkan semula pinjaman sedang dipertimbangkan bagi Yayasan Amanah Anak Langkawi. Selain itu, surat peringatan pungutan balik pinjaman akan dikeluarkan kepada Persatuan Asrama Belia Malaysia.

f. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri

Semakan Audit mendapati Perbadanan Kemajuan Negeri (PKEN) Negeri Sembilan dan Perlis mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM106.13 juta dengan tempoh tunggakan 9 tahun. Adalah didapati tiada bayaran balik pinjaman dibuat oleh kedua-dua Perbadanan ini sejak tahun 2003. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Perbadanan Kemajuan Negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.33
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2010	ANUITI TAHUN 2011	BAYARAN	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN	31.12.2011	TEMPOH*
		BIL.	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(Tahun)
Negeri Sembilan	1	1	100	58.31	-	TBB	-	58.31	9
Perlis	1	1	100	47.82	-	TBB	-	47.82	9
JUMLAH	2	2	100	106.13	-	-	-	106.13	9

Nota: TBB - Tiada Bayaran Balik

(*) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 24 Mei 2012

Cadangan penjualan saham yang dicagarkan kepada PKEN Negeri Sembilan telah dikemukakan untuk pertimbangan Lembaga Pengarah bagi bayaran balik pinjaman dan dijangka selesai pada bulan Disember 2012. Manakala cadangan penstrukturkan semula pinjaman bagi PKEN Perlis dijangka selesai pada bulan Disember 2012.

g. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi

Pada akhir tahun 2011, Koperasi Belia Nasional Berhad, Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad dan Koperasi Pekebun Getah Pasir Puteh Berhad mempunyai tunggakan berjumlah RM15.76 juta. Ketiga-tiga koperasi tersebut mempunyai tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman antara satu hingga 31 tahun. Bagaimanapun, adalah didapati hanya Koperasi Pekebun Getah Pasir Puteh Berhad sahaja telah membuat bayaran balik. Manakala, bagi Koperasi Pegawai-pegawai Melayu Malaysia Berhad, Jadual Bayaran Balik pinjaman sedang dipinda semula kerana berlakunya kesilapan pengiraan faedah. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.34
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KOPERASI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

KOPERASI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2010	ANUITI TAHUN 2011	BAYARAN	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN	31.12.2011	TEMPOH*
		BIL.	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(Tahun)
Koperasi Belia Nasional Berhad	9	9	100	9.69	-	TBB	-	9.69	25 - 31
Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad	1	1	100	6.06	-	TBB	-	6.06	15
Koperasi Pekebun Getah Pasir Puteh Berhad	1	1	100	0.02	0.01	(0.02)	-	0.01	1

KOPERASI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2010	ANUITI TAHUN 2011	BAYARAN	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN	31.12.2011	TEMPOH*
		BIL.	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(Tahun)
Koperasi Pegawai-pegawai Melayu Malaysia Berhad	1	0	-	38.41	-	TBB	(38.41)	TT	-
JUMLAH	12	11	91.7	54.18	0.01	(0.02)	(38.41)	15.76	1 - 31

Nota: TBB - Tiada Bayaran Balik TT - Tiada Tunggakan
(*) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 24 Mei 2012

Bayaran balik telah dibuat sepenuhnya oleh Koperasi Pekebun Getah Pasir Puteh Berhad pada 18 Mei 2012. Manakala surat peringatan ketiga akan dikeluarkan kepada Koperasi Belia Nasional Berhad dan Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad bagi mempercepatkan permohonan ke atas cadangan penstrukturkan semula pinjaman dan seterusnya memuktamadkan perjanjian pinjaman tambahan.

2.2.2.3. Jadual Bayaran Balik Pinjaman

Semakan Audit mendapati bilangan pinjaman yang belum disediakan jadual bayaran balik telah berkurangan dari 11 pinjaman pada tahun 2010 kepada 5 pinjaman pada tahun 2011. Kelewatan menyediakan jadual bayaran balik pinjaman ini mengakibatkan pihak peminjam tidak membuat bayaran balik pinjaman tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.35
PINJAMAN YANG TIDAK MEMPUNYAI JADUAL BAYARAN BALIK

PEMINJAM	BIL. PINJAMAN TERLIBAT	PINJAMAN		TAMAT TEMPOH PENANGGUHAN/ TARikh AKHIR PENGETUARAN PINJAMAN	TEMPOH TIADA JADUAL BAYARAN BALIK SEHINGGA 31.12.2011
		DILULUSKAN	DIKELUARKAN		
		(RM Juta)	(RM Juta)	(Tahun)	(Tahun)
Badan Berkanun	4	1,270.00	1,264.15	2008 - 2010	1 - 3
Negeri Kedah	1	10.00	0.44	2010	1
JUMLAH	5	1,280.00	1,264.59	2008 - 2010	1 - 3

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 24 Mei 2012

Jadual Bayaran Balik bagi Negeri Kedah dan Lembaga Pelabuhan Klang telah ditandatangani pada 10 Januari 2012 dan 22 Januari 2012 masing-masingnya. Manakala Jadual Bayaran Balik bagi Bank Pertanian Malaysia (sekarang dikenali sebagai Agrobank) akan dikeluarkan selepas mendapat pengesahan daripada pihak JANM berhubung baki pinjaman.

Penurunan bilangan pinjaman yang tiada jadual bayaran balik menunjukkan Perbendaharaan Malaysia telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi isu yang dibangkitkan.

2.3. PELABURAN

2.3.1. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Dan Pelaburan Am

Pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada pelaburan kumpulan wang amanah dan pelaburan am. Pelaburan yang dibuat daripada kumpulan wang amanah adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Manakala pelaburan am adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada kumpulan wang amanah dan penukaran pinjaman kepada ekuiti. Mulai tahun kewangan 2010, deposit dalam negeri bagi tempoh 3 bulan atau kurang diklasifikasikan sebagai wang tunai dalam bank. Nilai buku bagi pelaburan telah bertambah sejumlah RM2.28 bilion (11.1%) menjadi RM22.84 bilion pada akhir tahun 2011 berbanding RM20.56 bilion pada akhir tahun 2010. Peningkatan pelaburan Kumpulan Wang Amanah pada tahun 2011 antaranya disumbangkan oleh peningkatan harga emas (Pelbagai). Manakala bagi Pelaburan Am peningkatan ini antaranya disumbangkan oleh pertambahan Deposit Dalam Negeri (Sukuk Simpanan Rakyat, Sukuk Global dan Sukuk 1 Malaysia). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.36
PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 DAN 2011**

PERIHAL	NILAI BUKU		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
	31.12.2010 (RM Juta)	31.12.2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH				
Deposit Dalam Negeri	8,155.70	8,502.09	346.39	4.2
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	2,353.44	2,561.91	208.47	8.9
Sekuriti Kerajaan Malaysia	961.56	936.00	(25.56)	(2.7)
Pelbagai	440.72	942.62	501.90	113.9
Deposit Luar Negeri	504.57	76.00	(428.57)	(84.9)
Saham Dan Syer	0.78	0.78	0.00	0.0
Jumlah Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	12,416.77	13,019.40	602.63	4.9
PELABURAN AM				
Saham Dan Syer	5,348.25	5,564.00	215.75	4.0
Deposit Dalam Negeri	2,432.99	4,258.39	1,825.40	75.0
Pelbagai	1.67	1.67	0.00	0.0
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	317.32	-	(317.32)	(100.0)
Deposit Luar Negeri	49.23	-	(49.23)	(100.0)
Jumlah Pelaburan Am	8,149.46	9,824.06	1,674.60	20.5
JUMLAH KESELURUHAN	20,566.23	22,843.46	2,277.23	11.1

2.3.2. Pelaburan Dalam Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Dan Agensi

2.3.2.1. Pada akhir tahun 2011, Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalam 114 agensi yang terdiri daripada 1 agensi antarabangsa, 6 badan berkanun dan 107 syarikat. Kerajaan Persekutuan memegang saham dengan nilai buku berjumlah RM28.22 bilion pada akhir tahun 2011 berbanding dengan

RM27.72 bilion pada tahun sebelumnya dengan peningkatan sejumlah RM499.80 juta (1.8%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.37
PEGANGAN SAHAM OLEH
KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2010 DAN 2011

KATEGORI	BILANGAN		NILAI BUKU SAHAM		PENINGKATAN	
	2010	2011	31.12.2010 (RM Juta)	31.12.2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Agensi Antarabangsa	1	1	38.57	38.57	-	-
Badan Berkanun	6	6	1,218.85	1,218.85	-	-
Syarikat	103	107	26,465.72	26,965.52	499.80	1.9
JUMLAH	110	114	27,723.14	28,222.94	499.80	1.8

2.3.2.2. Semakan Audit mendapati pegangan saham Kerajaan Persekutuan di dalam 16 syarikat adalah kurang sejumlah RM3.07 bilion berbanding dengan nilai buku pelaburan. Perkara ini berlaku antaranya disebabkan syarikat berkenaan belum mengemukakan sijil saham kepada Kerajaan atau pihak JANM masih belum dimaklumkan sama ada penyaluran dana tersebut merupakan satu pelaburan, pinjaman atau geran. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.38
PEGANGAN SAHAM OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2011

ENTITI	PEGANGAN SAHAM		NILAI BUKU (RM)	PERBEZAAN (RM)
	PERIHAL	NILAI NOMINAL (RM)		
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	33,578,999 syer biasa RM1.00	33,578,999.00	62,579,000.00	(29,000,001.00)
Cyberview Sdn. Bhd.	245,000,000 syer biasa RM1.00	245,000,000.00	1,060,000,000.00	(815,000,000.00)
Dataran Perdana Sdn. Bhd.	66,000,000 syer biasa RM1.00	66,000,000.00	96,761,863.00	(30,761,863.00)
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	350,000,000 syer biasa RM1.00	350,000,000.00	470,100,000.00	(120,100,000.00)
HVD Holding Sdn. Bhd.	3,000,000 syer biasa RM1.00	3,000,000.00	20,000,000.00	(17,000,000.00)
IJN Holdings Sdn. Bhd.	221,619,212 syer biasa RM1.00	221,619,212.00	416,619,211.00	(194,999,999.00)
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	99,999,999 syer biasa RM1.00	99,999,999.00	192,540,000.00	(92,540,001.00)
Khazanah Nasional Berhad	4,739,321,789 syer biasa RM1.00	4,739,321,789.00	5,741,907,846.29	(1,002,586,057.29)
KUB Malaysia Berhad	125,466,950 syer biasa RM0.40	50,186,780.00	125,466,950.00	(75,280,170.00)
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	2 syer biasa RM1.00	2.00	3.00	(1.00)
Malaysian Resources Corporation Berhad	6,369,273 syer biasa RM1.00	6,369,273.00	8,312,040.00	(1,942,767.00)
Media Prima Berhad	4,140,027 syer biasa RM1.00	4,140,027.00	5,541,127.00	(1,401,100.00)

ENTITI	PEGANGAN SAHAM		NILAI BUKU (RM)	PERBEZAAN (RM)
	PERIHAL	NILAI NOMINAL (RM)		
Aset Tanah Nasional Berhad (National Content Development Corporation Berhad)	1 syer biasa RM1.00	1.00	100,000.00	(99,999.00)
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	2 syer biasa RM1.00	2.00	40,000,000.00	(39,999,998.00)
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	1 syer biasa RM1.00	1.00	2.00	(1.00)
Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.	655,000,000 syer keutamaan RM0.01	6,550,000.00	655,000,000.00	(648,450,000.00)
JUMLAH		5,825,766,085.00	8,894,928,042.29	(3,069,161,957.29)

2.4. PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN, AKAUN AMANAH AWAM DAN DEPOSIT

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (Kumpulan Wang Amanah) ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Sebahagian Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung. Peruntukan yang disalurkan dalam Kumpulan Wang Amanah dan Kumpulan Wang ini perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang ataupun Surat Ikatan Amanah yang berkaitan. Akaun Amanah Awam (Akaun Amanah) pula ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan. Deposit merupakan wang yang diterima oleh Kerajaan khusus bagi sesuatu maksud yang ditetapkan di bawah undang-undang atau perjanjian. Deposit hendaklah dikembalikan melalui bayaran balik atau pelarasan apabila mencapai maksud yang ditetapkan. Setakat 31 Disember 2011, sebanyak 312 akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah berbaki RM34.55 bilion, 302 akaun Kumpulan Wang Amanah Awam berbaki RM6.32 bilion dan 102 jenis Akaun Deposit berbaki RM8.99 bilion diuruskan oleh pelbagai Kementerian/Jabatan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

2.4.1. Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan

Semua urusan di bawah Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan perlu diselesaikan secepat mungkin sebagaimana dinyatakan di bawah Arahan Perbendaharaan 153. Sehingga 31 Disember 2011 terdapat 4 akaun di bawah Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan dengan baki berjumlah RM107.15 juta masih belum diselaraskan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.39**.

JADUAL 2.39
AKAUN PENYELESAIAN UTAMA PERBENDAHARAAN
YANG BELUM DISELARASKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

AKAUN	BAKI PADA 31.12.2010 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2011 (RM Juta)	URUS NIAGA BAGI TAHUN
Akaun Bantuan Kebajikan Persekutuan	73.64	92.30	2011
Akaun Pembatalan Sistem Pembayaran Pencen Melalui Bank	10.62	9.16	2006 - 2011
Akaun Sementara Menanti Kelulusan Hapus Kira	1.10	0.53	2008
Pencen ATM Skim B Luput	4.75	5.16	2007 - 2011
JUMLAH	90.11	107.15	2006 - 2011

Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 22 Mei 2012


Baki Akaun Bantuan Kebajikan Persekutuan telah diselaraskan pada akhir bulan Mei 2012. Manakala Akaun Pembatalan Sistem Pembayaran Pencen dan Akaun Pencen ATM Skim B Luput akan dikaji semula untuk diklasifikasikan sebagai akaun deposit. Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri pula memaklumkan Akaun Sementara Menanti Kelulusan Hapus Kira akan diselaraskan selepas mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

Pada pendapat Audit, Kementerian/Jabatan dengan kerjasama JANM dan Perbendaharaan Malaysia perlu mengambil langkah yang lebih berkesan untuk mengenal pasti urus niaga berkenaan dan seterusnya membuat pelarasannya yang sewajarnya memandangkan sebahagian daripadanya merupakan transaksi yang telah lama berlarutan.

2.4.2. Akaun Deposit Pelarasaran Cek Terbatal Dan Akaun Pembatalan Bayaran Pindahan Dana Elektronik (EFT)


2.4.2.1. Cek yang tidak ditunaikan pada akhir tempoh 3 bulan dari tarikh ia dikeluarkan disifatkan sebagai terbatal dan hendaklah diselaraskan ke Akaun Deposit Pelarasaran Cek Terbatal. Pada akhir tahun 2011, Akaun Deposit Pelarasaran Cek Terbatal adalah berbaki RM88.84 juta. Semakan Audit mendapati baki akaun ini menunjukkan penurunan pada akhir tahun 2011 berbanding dengan akhir tahun 2007 kecuali pada tahun 2010 yang mana akaun ini menunjukkan sedikit peningkatan. Penurunan baki ini antaranya disebabkan cek yang dibatalkan sebelum tahun 2006 dan tidak perlu diganti telah dikreditkan ke akaun hasil serta adanya pengurangan cek terbatal. Butirannya adalah seperti di **Carta 2.17**.

CARTA 2.17
BAKI AKAUN DEPOSIT PELARASAN CEK TERBATAL DAN JUMLAH CEK YANG TERBATAL PADA TAHUN 2011 DAN 4 TAHUN SEBELUMNYA



2.4.2.2. Pemindahan wang secara elektronik yang dikembalikan oleh bank disifatkan sebagai terbatal dan hendaklah diselaraskan dengan mengkreditkan Akaun Pembatalan Bayaran Pindahan Dana Elektronik (EFT). Pada akhir tahun 2011, Akaun Pembatalan Bayaran EFT adalah berbaki RM92.99 juta. Semakan Audit mendapati baki akaun ini menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2009 disebabkan pembatalan EFT pada tahun 2008 dan penurunan EFT yang diganti pada tahun 2009. Pada tahun 2010 dan 2011, EFT yang dibatalkan juga menunjukkan peningkatan. Butirannya adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2.18
BAKI AKAUN PEMBATALAN BAYARAN EFT DAN JUMLAH EFT TERBATAL PADA TAHUN 2011 DAN 4 TAHUN SEBELUMNYA



Cek/EFT dibatalkan antaranya disebabkan kesilapan mengunci masuk maklumat penerima seperti nama dan nombor akaun atau penerima tidak menerima cek yang dihantar melalui pos. Pada pendapat Audit, kesilapan mengunci masuk maklumat penerima atau alamat penerima tidak kemas kini adalah merupakan kesilapan yang boleh dielakkan. Komitmen yang tinggi dari semua pihak adalah diperlukan bagi meminimumkan kesilapan ini.

2.4.3. Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan

Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 bersetuju membenarkan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) sebagai alternatif kepada bon pelaksanaan. WJP adalah wang yang dipegang oleh Kerajaan bagi memastikan kontraktor mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani. WJP dikenakan pada kadar 5% daripada keseluruhan harga kontrak dan kemudahan ini hanya diberikan kepada kontraktor kerja tempatan. Pada akhir tahun 2011, baki akaun deposit WJP adalah berjumlah RM1.67 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM37.69 juta berbanding dengan tahun 2010 yang berjumlah RM1.71 bilion. Semakan Audit terhadap pengurusan WJP mendapati perkara berikut:

2.4.3.1. Pemulangan 50% Wang Jaminan Pelaksanaan

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 2 tahun 2011, Kementerian/Jabatan boleh memulangkan 50% daripada WJP selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Semakan Audit mendapati WJP berjumlah RM7.34 juta belum dipulangkan kepada 17 kontraktor walaupun Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.40
50% WANG JAMINAN PEAKSANAAN BELUM DIPULANGKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. KONTRAK	WJP PADA 31.12.2011 (RM Juta)	50% WJP BOLEH DIPULANGKAN (RM Juta)
Kementerian Pelajaran Malaysia	3	13.13	6.56
Jabatan Persekutuan Di Negeri Johor	9	1.28	0.64
Jabatan Persekutuan Di Negeri Pahang	2	0.06	0.03
Jabatan Persekutuan Di Negeri Sabah	3	0.22	0.11
JUMLAH	17	14.69	7.34

Nota: WJP - Wang Jaminan Pelaksanaan

2.4.3.2. Pemulangan Baki 50% Wang Jaminan Pelaksanaan

Baki Wang Jaminan Pelaksanaan sebanyak 50% hendaklah dipulangkan kepada kontraktor 12 bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan atau setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan, mengikut mana yang terkemudian. Semakan Audit mendapati baki 50% WJP berjumlah RM2.58 juta masih belum dipulangkan kepada 33 kontraktor walaupun tempoh tanggungan kecacatan atau Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan telah dikeluarkan melebihi tempoh 12 bulan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.41**.

JADUAL 2.41
PEMULANGAN BAKI 50% WANG JAMINAN PELAKSANAAN

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. KONTRAK	PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN DIKELUARKAN/TAMAT TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (Tahun)	BAKI WJP PADA 31.12.2011 (RM Juta)
Kementerian Kewangan	9	2003 - 2009	2.04
Jabatan Persekutuan Di Negeri Perak	13	2000 - 2008	0.31
Jabatan Persekutuan Di Negeri Pahang	3	2006 - 2008	0.02
Jabatan Persekutuan Di Negeri Sabah	1	2009	0.02
Jabatan Perdana Menteri	2	2004 - 2005	0.10
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	2	2009	0.08
Jabatan Pendaftaran Negara	3	2007	0.008
JUMLAH	33	2000 - 2009	2.578

Nota: WJP - Wang Jaminan Pelaksanaan

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 8 Hingga 24 Mei 2012

Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) tidak boleh dilepaskan antaranya disebabkan kerja-kerja dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan belum selesai atau syarikat belum mengeluarkan Final Taking Over Certificate. Manakala bagi sebahagian kes, Kementerian/Jabatan telah membuat bayaran balik WJP tetapi bayaran tersebut dibuat bersekali dengan bayaran kemajuan dan tidak diselaraskan kepada akaun deposit WJP.

2.4.3.3. Projek Terbengkalai/Sakit/Penamatan Kontrak

Mengikut Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 2 Tahun 2011, sekiranya kontraktor gagal memenuhi syarat bagi menyiapkan projek, maka amaun WJP akan dirampas mengikut nilai kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan dan dimasukkan ke hasil (Kod 76102: Denda dan Rampasan). Semakan Audit mendapati 26 kes WJP berjumlah RM14.75 juta masih direkodkan dalam akaun deposit WJP walaupun kontrak telah ditamatkan; projek diambil alih oleh syarikat lain atau status projek tidak aktif. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.42
RAMPASAN WANG JAMINAN PELAKSANAAN BAGI PROJEK TERBENGKALAI/SAKIT/PENAMATAN KONTRAK

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. KONTRAK	BAKI WJP PADA 31.12.2011 (RM Juta)	CATATAN
Kementerian Kewangan	17*	9.80	<ul style="list-style-type: none"> - Projek telah diambil alih oleh syarikat lain. - Tuntutan interim terakhir pada tahun 2002 hingga 2007. - Kontraktor diberi Notis Penamatan Kontrak.
Jabatan Persekutuan Di Negeri Kelantan	2	2.97	Kontrak ditamatkan
Jabatan Persekutuan Di Negeri Kedah	1	0.89	Kontrak ditamatkan
Jabatan Persekutuan Di Negeri Perak	2	0.58	Projek diambil alih oleh kontraktor lain

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. KONTRAK	BAKI WJP PADA 31.12.2011 (RM Juta)	CATATAN
Jabatan Persekutuan Di Negeri Pahang	1	0.39	Kontrak ditamatkan
Jabatan Persekutuan Di Negeri Sabah	2	0.11	Kontrak ditamatkan
Jabatan Perdana Menteri	1	0.01	Kontraktor gagal membaiki kecacatan
JUMLAH	26	14.75	

Nota: WJP - Wang Jaminan Pelaksanaan

(*) - WJP Ini Adalah Untuk Projek-Projek Di Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diselia Oleh Project Management Consultant (PMC) Yang Mana Bayaran Dibuat Oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 8 Hingga 24 Mei 2012

Semakan semula secara lebih terperinci bagi mengesahkan jumlah yang sepatutnya dipulangkan kepada syarikat akan dilaksanakan sebelum pembayaran dibuat. Selain itu, Kementerian/ Jabatan menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran balik WJP kerana syarikat terlibat tidak aktif dan sukar dihubungi.

Pada pendapat Audit, sekiranya semua Kementerian/Jabatan/Jabatan Persekutuan Negeri meningkatkan pemantauan dan penyeliaan serta menyelenggara rekod berkaitan WJP dengan teratur, lengkap dan kemas kini selaras dengan peraturan yang ditetapkan, kelemahan yang dibangkitkan akan dapat diperbaiki.

2.4.4. Mewartakan Deposit Yang Tidak Dituntut

2.4.4.1. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas 3 bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Kerajaan Persekutuan. Semakan Audit mendapati Kementerian/Jabatan masih belum mewartakan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) berjumlah RM32.03 juta yang tidak dituntut oleh pendeposit walaupun WJP berkenaan telah dipegang melebihi tempoh 10 tahun atau telah mencapai tempoh pegangan yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.43
WANG JAMINAN PELAKSANAAN TIDAK DITUNTUT DAN TIDAK DIWARTAKAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PENDEPOSIT	JUMLAH (RM Juta)	TEMPOH PEGANGAN
Pegangan Wang Jaminan Pelaksanaan Melebihi Tempoh 10 Tahun			
Kementerian Pelajaran Malaysia	45	4.33	2001
Kementerian Kerja Raya	5	1.46	1999 - 2001
Jabatan Persekutuan Di Negeri Johor	28	0.72	1998 - 2001
Kementerian Kesihatan Malaysia	2	0.72	1999 - 2000
Jabatan Persekutuan Di Negeri Perak	6	0.59	1998 - 2001
Jabatan Bomba Dan Penyelamat	15	0.56	2000 - 2001
Jabatan Persekutuan Di Negeri Sembilan	16	0.17	2000 - 2001
JUMLAH	117	8.55	1998 - 2001

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PENDEPOSIT	JUMLAH (RM Juta)	TEMPOH AKHIR PEGANGAN
Pegangan Wang Jaminan Pelaksanaan Melebihi Tempoh Masa Ditetapkan			
Jabatan Persekutuan Di Negeri Johor	100	9.79	2004 - 2010
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	8	5.25	2009 - 2010
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1	3.42	2010
Jabatan Persekutuan Di Negeri Pulau Pinang	12	1.77	2004 - 2010
Jabatan Persekutuan Di Negeri Pahang	81	1.17	2002 - 2010
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	15	1.04	2008 - 2010
Jabatan Persekutuan Di Negeri Melaka	57	0.72	2006 - 2010
Jabatan Perdana Menteri	4	0.14	2007 - 2010
Jabatan Persekutuan Di Negeri Selangor	12	0.09	2006 - 2009
Kementerian Dalam Negeri	5	0.09	2010
JUMLAH	295	23.48	2002 - 2010

2.4.4.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati selain daripada WJP, Kementerian/Jabatan juga belum mengambil tindakan untuk mewartakan deposit lain yang telah lama dipegang antaranya semenjak tahun 1964 seperti berikut:

JADUAL 2.44
PEGANGAN DEPOSIT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

KEMENTERIAN/ JABATAN	AKAUN DEPOSIT	BAKI DEPOSIT PADA 31.12.2011		CONTOH PEGANGAN DEPOSIT YANG LAMA	
		TEMPOH PEGANGAN	JUMLAH (RM Juta)	TAHUN	JUMLAH (RM Juta)
Jabatan Imigresen	Imigresen	1966 - 2011	102.81	1966 - 2001	36.88
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar	Jabatan Tanah Wilayah	1975 - 2011	49.84	1975 - 2001	0.47
Kementerian Sumber Manusia	Akta Agensi Pekerja Swasta	1982 - 2011	2.84	1982	0.05
Kementerian Kewangan	Pesuruhjaya Insurans	1964 - 1996	2.14	1964 - 1996	2.14
Polis DiRaja Malaysia	Am	1964 - 2010	1.67	1964 - 1998	0.05
JUMLAH		1964 - 2011	159.30	1964 - 2001	39.59

Pada pendapat Audit, Kementerian/Jabatan perlu membuat semakan dan mewartakan deposit yang tidak lagi diperlukan memandangkan ada di antara deposit tersebut telah dipegang selama 47 tahun. Sekiranya deposit yang telah diwartakan masih tidak dituntut oleh pihak yang berkenaan, tindakan hendaklah diambil untuk mengkreditkannya ke Akaun Hasil Kerajaan Persekutuan.

2.4.5. Item Penyesuaian Lama Berlarutan

Arahan Perbendaharaan 143(b) menetapkan Kementerian/Jabatan hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bagi menyesuaikan perbezaan antara rekod di Pusat Tanggungjawab dengan rekod di Pejabat Perakaunan. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2011, terdapat item penyesuaian yang lama berlarutan iaitu antara 2 hingga 10 tahun tetapi masih belum diselaraskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.45
ITEM PENYESUAIAN LAMA BERLARUTAN DAN BELUM DISELARASKAN

AKAUN	PERIHAL	BIL. AKAUN/ KEMENTERIAN/ JABATAN/NEGERI TERLIBAT	JUMLAH (RM Juta)	TEMPOH URUSNIAGA TIDAK DISELARASKAN
Kumpulan Wang Amanah Awam	Urus niaga kredit di Pejabat Perakaunan tiada di PTJ dan urus niaga debit di PTJ tiada di Pejabat Perakaunan	3	0.39	2007 - 2010
	Urus niaga debit di Pejabat Perakaunan tiada di PTJ dan urus niaga kredit di PTJ tiada di Pejabat Perakaunan	8	0.57	2007 - 2010
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	Urus niaga kredit di Pejabat Perakaunan tiada di PTJ	6	0.72	2006 - 2010
	Urus niaga kredit di Pejabat Perakaunan tiada di PTJ dan urus niaga debit di PTJ tiada di Pejabat Perakaunan	25	126.02	2004 - 2010
Deposit	Urus niaga debit di Pejabat Perakaunan tiada di PTJ dan urus niaga kredit di PTJ tiada di Pejabat Perakaunan	27	63.11	2001 - 2010
	JUMLAH		190.81	2001 - 2010

Nota: PTJ - Pusat Tanggungjawab

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 8 Hingga 24 Mei 2012

Antara punca berlakunya item penyesuaian tidak dapat dikenal pasti adalah kerana rekod tidak lengkap dan tidak kemas kini atau kesilapan/kegagalan merekodkan bilangan transaksi yang besar dan bilangan PTJ yang banyak.

Pada pendapat Audit, setiap item penyesuaian perlu diselaraskan dengan segera supaya tidak berlarutan dan sukar untuk dikenal pasti. Kementerian/Jabatan yang terlibat dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia perlu mengkaji dan mengambil tindakan yang berkesan untuk menyelesaikannya dengan segera.

2.4.6. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam

Kerajaan telah mewujudkan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Pembiayaan Komputer bagi memberi kemudahan kepada anggota perkhidmatan awam membiayai pembelian kenderaan dan komputer. Pada akhir tahun 2011, baki Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan adalah berjumlah RM666.83 juta manakala Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam berbaki RM111.68 juta. Semakan Audit terhadap akaun/rekod subsidiari bagi kedua-dua akaun mendapati perkara berikut:

2.4.6.1. Peminjam Mempunyai Lebih Daripada Satu Akaun Pinjaman

Semakan Audit selanjutnya mendapati 170 peminjam memiliki lebih daripada satu akaun pinjaman kenderaan manakala 280 peminjam memiliki 2 akaun pinjaman komputer. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.46
PEMINJAM MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA SATU AKAUN PINJAMAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

AKAUN	BIL. AKAUN	BIL. PEMINJAM
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	2	157
	3	9
	4	3
	7	1
Jumlah		170
Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer	2	280

Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 22 Mei 2012

Peminjam mempunyai lebih dari satu akaun pinjaman antaranya disebabkan baki di sistem tidak dikemas kini sebagai sifar apabila pinjaman pertama telah diselesaikan serta kes pindah masuk penjawat awam dari Kerajaan Negeri ke Persekutuan atau sebaliknya.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia perlu mengambil tindakan segera untuk mengemas kini maklumat pinjaman bagi memastikan akaun subsidiari memberi gambaran sebenar bilangan pinjaman yang belum selesai.

2.4.6.2. Akaun Pinjaman Berbaki Kredit

Semakan Audit juga mendapati 11,141 akaun pinjaman kenderaan berbaki kredit dengan jumlah RM18.99 juta dan 5,981 akaun pembiayaan komputer berbaki kredit berjumlah RM7.53 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.47
AKAUN PINJAMAN BERBAKI KREDIT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

AKAUN	BIL. AKAUN	BAKI PINJAMAN (RM Juta)
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	11,141	18.99
Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer	5,981	7.53

Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 22 Mei 2012

Akaun pinjaman berbaki kredit berlaku semasa proses pemindahan data ke Government Financial and Management Accounting System (GFMAS). Semakan dan pengemaskinian sedang dijalankan bagi mengesahkan baki sebenar akaun pinjaman tersebut.

Akaun pinjaman berbaki kredit memberi gambaran bahawa Kerajaan berhutang dengan peminjam. Jabatan Akauntan Negara Malaysia perlu mengambil tindakan segera untuk mengemas kini akaun peminjam dan

membuat bayaran balik sekiranya didapati peminjam telah membuat bayaran melebihi daripada jumlah sepatutnya.

2.5. SYOR AUDIT

Berdasarkan kepada prestasi pengurusan kewangan yang ditunjukkan oleh semua Kementerian/Jabatan, dapatlah dirumuskan bahawa kelemahan pengurusan kewangan masih berlaku walaupun sering dibangkitkan. Dalam merealisasikan aspirasi dan hasrat Kerajaan untuk menjadi sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi, maju dan berdaya saing, kelemahan ini perlu diperbaiki segera melalui penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai, latihan serta motivasi yang mencukupi dan berterusan diberi kepada pegawai untuk menjalankan tugas dengan penuh komitmen, pantas, cekap dan berkesan. Selain itu, selaras dengan pelaksanaan perakaunan berdasarkan akruan yang dijangka bermula pada tahun 2015, Kementerian/Jabatan perlu bersedia dan mengambil langkah proaktif bagi mencapai matlamat ini.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 1-17
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti
Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

PENGURUSAN KEWANGAN DI KEMENTERIAN/JABATAN PERSEKUTUAN

3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

3.1.2. Bagi memenuhi kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen. Berhubung dengan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti mulai tahun 2007. Pengauditan ini dijalankan di semua Kementerian manakala Jabatan Persekutuan diaudit secara pusingan setiap 3 tahun.

3.1.3. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 elemen kawalan akan diberikan markah. Elemen tersebut ialah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Kementerian/Jabatan Persekutuan yang mendapat tahap penarafan yang sangat baik boleh dijadikan *role model* kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Kementerian/Jabatan Persekutuan akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90 – 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 Dan Ke Bawah	Tidak Memuaskan	

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 3.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 3.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap bajet, pungutan hasil, perbelanjaan, pengurusan amanah/deposit serta aset dan stor.
- 3.2.3. Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 3.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2011, pengauditan ini telah dijalankan di 25 Kementerian dan 42 Jabatan Persekutuan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2011 di peringkat Ibu Pejabat Kementerian/Jabatan Persekutuan. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 untuk menilai kedudukan prestasi kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan secara menyeluruh.

3.4. ELEMEN KAWALAN

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 25 Kementerian dan 42 Jabatan Persekutuan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pengurusan kewangan mengikut 6 elemen kawalan iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti berikut:

3.4.1. KAWALAN PENGURUSAN

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan diwujudkan oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, jawatankuasa dan Unit Audit Dalam yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

3.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Surat penurunan kuasa dan surat lantikan disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas.
- c. Pengasingan tugas untuk terimaan dan bayaran diwujudkan bagi memastikan kawalan dalaman yang berkesan.

3.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur diwujudkan, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. Proses Kerja Kewangan disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Senarai tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- c. Pemeriksaan Dalaman dilaksanakan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam. Pemeriksaan mengejut dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

3.4.1.3. Jawatankuasa Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeliling, surat pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan "Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan". Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

- a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi Kerajaan. Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.
- b. Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk memastikan keputusan Majlis Tindakan Negara dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara dilaksanakan. JTPK juga adalah bertanggungjawab menangani isu/masalah mengenai dasar dan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan di bawah Dasar Wawasan Negara. Sehubungan ini, Ketua Setiausaha Kementerian adalah bertanggungjawab melantik ahli jawatankuasa dan mempergerusikan mesyuarat berkenaan, mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi serta membincangkan perkara yang telah ditetapkan.

- c. Jawatankuasa Audit perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk memantap dan mempertingkatkan lagi tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan. Pengerusi dan ahli hendaklah dilantik mengikut surat arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun dan laporan berkaitan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Perbendaharaan Malaysia mengikut tempoh yang ditetapkan.
- d. Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk membantu Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi dilaksanakan secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam; mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa; membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun; dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

3.4.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat.

3.4.2. KAWALAN BAJET

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 6 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan, pemantauan kemajuan projek, pelaporan dan analisis bajet seperti berikut:

3.4.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian/Jabatan dikeluarkan melalui pekeliling Perbendaharaan Malaysia. Selain itu, Arahan Perbendaharaan juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Perbendaharaan Malaysia.

3.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan kemas kini dalam Buku Vot.

3.4.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia terlebih dahulu.

3.4.2.4. Pemantauan Kemajuan Projek

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II.

3.4.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan Laporan Pengecualian (sekiranya perlu) dan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Perbendaharaan Malaysia. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal untuk disatukan.

3.4.2.6. Analisis Bajet

Bagi sesuatu tahun kewangan, Pegawai Pengawal perlu memastikan peruntukan (mengurus dan pembangunan) yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara lainnya, perbelanjaan tidak melebihi peruntukan; perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan dan peruntukan diterima telah dibelanjakan. Bagi peruntukan dan perbelanjaan

pembangunan pula, perbandingan antara perbelanjaan dengan anggaran kos projek dan anggaran Rancangan Malaysia semasa juga adalah penting.

3.4.3. KAWALAN TERIMAAN

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Laporan Akaun Belum Terima seperti berikut:

3.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

3.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan perlu memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, keselamatan semasa menerima kutipan, penerimaan melalui mel, perakuan penerimaan wang dan perekodan borang hasil.

3.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antara peraturan yang ditetapkan adalah pungutan hendaklah dimasukkan ke bank dengan segera, penyata pemungut diluluskan dengan sewajarnya dan rekod diselenggarakan dengan teratur.

3.4.3.4. Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

3.4.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tuggakan Hasil atau Laporan Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; Laporan Akaun Belum Terima diserahkan kepada Akauntan Negara Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan; dan tindakan susulan diambil terhadap terimaan/hasil yang tertunggak.

3.4.4. KAWALAN PERBELANJAAN

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

3.4.4.1. Perakaunan

Semakan Audit dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan yang diselenggarakan oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

3.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Kementerian/Jabatan Persekutuan membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Kementerian/Jabatan Persekutuan mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender/rundingan terus, kontrak, kontrak pusat/panel pembekal dan ePerolehan.

3.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman dari aspek had kuasa; Daftar Bil; proses bayaran; bayaran pukal; panjar wang runcit, pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dan 59.

3.4.5. PENGURUSAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT

3.4.5.1. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah di Kementerian/Jabatan Persekutuan dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

3.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman/Pendahuluan

Kementerian/Jabatan Persekutuan perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman kenderaan dan komputer serta pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.

3.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan.

3.4.6. PENGURUSAN ASET DAN STOR

Aset yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit adalah untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Jabatan Persekutuan kepada peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara berikut:

3.4.6.1. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang mengandungi 2 fungsi iaitu pengurusan aset alih/hidup dan stor. Unit ini antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Pegawai Stor juga perlu dilantik untuk menguruskan stor.

3.4.6.2. Penerimaan

Seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/bekalan pejabat/barang stor yang diperoleh. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat/barang stor diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan dan Borang Laporan Terimaan Barang hendaklah disedia, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal sekiranya terdapat kerosakan atau perselisihan kuantiti.

3.4.6.3. Pendaftaran

Aset perlu didaftarkan dengan lengkap dan kemas kini. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

3.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan peraturan berkenaan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan dipatuhi seperti berikut:

- a. Aset diguna hanya bagi tujuan rasmi dan mengikut tujuan asal perolehannya. Pengeluaran/penggunaan setiap aset direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.

- b. Pegawai Pemeriksa Aset dan Pemverikasi Stor dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset/stor dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan pemeriksaan aset dan stor yang lengkap perlu disediakan.
- c. Melantik Pegawai Pengangkutan/Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan. Selain itu, Pegawai Pengangkutan/Kenderaan juga bertanggungjawab memastikan buku log diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal penggunaan bahan api.
- d. Penggunaan kenderaan pegawai gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- f. Kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3.4.6.5. Penyenggaraan

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, program penyenggaraan disediakan dan penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta rekod mengenainya adalah betul dan lengkap.

3.4.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset dan stok diuruskan dengan teratur, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Aset dan Pemeriksa Stok dilantik. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Permohonan kelulusan pelupusan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus yang berkenaan.
- c. Pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disedia dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod berkaitan aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

3.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset serta stok diuruskan dengan teratur, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal juga perlu dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.
- c. Bagi stok pula, Laporan Hapus Kira Kekurangan Stok dikemukakan kepada Pegawai Pengawal. Manakala Laporan Tahunan Kehilangan Dan Hapus Kira Stok dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia.
- d. Semua tindakan hapus kira aset/stok dibuat dengan teratur selepas kelulusan diperoleh.


3.5. PENEMUAN AUDIT

3.5.1. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tahun 2011 adalah **bertambah baik** berbanding dengan tahun 2009 dan 2010. Pada tahun 2011, sebanyak **19 Kementerian berada pada tahap sangat baik berbanding dengan 17 Kementerian pada tahun 2010 dan 10 pada tahun 2009**. Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan bagi tahun 2011 juga adalah menggalakkan di mana **21 Jabatan berada di tahap sangat baik berbanding dengan 13 pada tahun 2010 dan 4 pada tahun 2009**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 3.2** serta **Carta 3.1** dan **3.2**.


JADUAL 3.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN DAN JABATAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHAP PENARAFAN	KEMENTERIAN			JABATAN		
	2009	2010	2011	2009	2010	2011
Sangat Baik	10	17	19	4	13	21
Baik	15	8	6	36	22	20
Memuaskan	-	-	-	4	-	1
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	25	25	25	44	35	42

CARTA 3.1
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011




CARTA 3.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN PERSEKUTUAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011




3.5.2. Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan 25 Kementerian dan 42 Jabatan yang dinilai pada tahun 2011 adalah seperti di **Carta 3.3** dan **3.4**.

CARTA 3.3
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
PADA TAHUN 2011



CARTA 3.4
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN
PADA TAHUN 2011




3.5.3. Perbandingan prestasi pengurusan kewangan Kementerian bagi tempoh tahun 2010 dan 2011 menunjukkan peningkatan prestasi bagi 13 Kementerian manakala 12 Kementerian yang lain menunjukkan penurunan prestasi pengurusan kewangan. Kementerian yang menunjukkan penurunan prestasi kewangan adalah Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan Kementerian Luar Negeri. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 3.5
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011




3.5.4. Semakan Audit selanjutnya terhadap prestasi pengurusan kewangan bagi 25 Kementerian mendapati secara umumnya, 5 daripada 6 kawalan berada pada tahap sangat baik iaitu Kawalan Pengurusan, Bajet, Terimaan, Perbelanjaan dan Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit manakala Pengurusan Aset Dan Stor berada pada tahap baik seperti ditunjukkan di **Carta 3.6**. Bagi 42 Jabatan pula, adalah didapati hanya 3 kawalan iaitu Kawalan Bajet dan Terimaan adalah pada tahap sangat baik manakala 3 lagi kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor berada pada tahap baik seperti ditunjukkan dalam **Carta 3.7**.

CARTA 3.6
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
MENGIKUT KAWALAN BAGI KEMENTERIAN PADA TAHUN 2011



CARTA 3.7
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
MENGIKUT KAWALAN BAGI JABATAN PADA TAHUN 2011



3.6. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan bagi tahun 2011 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan di kalangan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang belum lagi mencapai tahap sangat baik, adalah disyorkan supaya Kementerian/Jabatan mengambil tindakan berikut:

- 3.6.1. Kawalan terhadap perbelanjaan mengurus dan pembangunan hendaklah diperkemaskan supaya tidak berlaku peruntukan tidak dibelanjakan langsung, lebih perbelanjaan dan pindah peruntukan tidak dibelanjakan. Manakala maklumat di SPP II perlu dikemaskinikan selaras dengan rekod peruntukan dan perbelanjaan. Selain itu, laporan kewangan seperti Laporan Pengecualian dan Laporan Mengenai Keperluan Aliran Wang Tunai perlu disediakan dan dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 3.6.2. Mewujudkan mekanisme pemantauan yang teratur dan memastikan pemeriksaan berkala dibuat terhadap kerja pegawai bawahan.
- 3.6.3. Keahlian jawatankuasa perlulah menepati kehendak pekeliling. Jawatankuasa yang diwujudkan perlu lebih berperanan menjalankan fungsi dan tanggungjawab masing-masing supaya perkara yang dibincangkan adalah relevan.
- 3.6.4. Menyelia dengan lebih rapi tugasan pegawai bawahan yang terlibat dengan urusan kewangan dan memastikan bimbingan dan latihan yang sewajarnya diberikan kepada mereka.
- 3.6.5. Memantau pelaksanaan keputusan mesyuarat supaya tindakan segera dapat diambil dengan cekap dan berkesan.
- 3.6.6. Kelemahan dalam pengurusan aset dan stor perlu diberi perhatian yang lebih serius khususnya berkaitan dengan pendaftaran aset dan penyelenggaraan rekod yang kemas kini.
- 3.6.7. Pihak Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan mana-mana stor yang diberi kuasa untuk membeli sendiri barang stok secara automatiknya, stor itu dikategorikan sebagai Stor Utama dan perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan. Sebarang pengecualian memerlukan kelulusan Perbendaharaan Malaysia.
- 3.6.8. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan *corrective* dan *preventive*. Tujuan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

POLIS DIRAJA MALAYSIA

4. PENGURUSAN KEWANGAN DI IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA DAN IBU PEJABAT KONTINJEN POLIS NEGERI


4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Polis DiRaja Malaysia (PDRM) merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) untuk menjaga kedaulatan negara dan kesejahteraan masyarakat. PDRM berperanan antaranya adalah seperti berikut:

- a. Memelihara undang-undang dan ketenteraman;
- b. Mengelakkan keamanan dan keselamatan negara;
- c. Mencegah dan mengesan penjenayah;
- d. Menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah; dan
- e. Mengumpul risikan keselamatan.

4.1.2. Pada tahun 2011, PDRM telah mengutip hasil berjumlah RM655.60 juta berbanding RM618.75 juta pada tahun 2010 seperti di **Carta 4.1**. Bagi melaksanakan tanggungjawabnya, PDRM telah diberi peruntukan mengurus dan pembangunan pada tahun 2011 masing-masingnya berjumlah RM5.82 bilion dan RM0.53 bilion di mana sejumlah RM6.25 bilion (107.4%) dan RM0.52 bilion (98.1%) telah dibelanjakan. Berlakunya lebihan dalam perbelanjaan mengurus berjumlah RM430 juta pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh peruntukan yang tidak mencukupi bagi bayaran emolumen, pukal dan perbelanjaan penugasan operasi serta keselamatan seperti pilihan raya kecil dan juga Ops Bersih 2.0. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan PDRM tahun 2011 adalah seperti di **Carta 4.2**.

CARTA 4.1
KUTIPAN HASIL PDRM TAHUN 2010 DAN 2011



CARTA 4.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI
MENGURUS DAN PEMBANGUNAN TAHUN 2011



4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai tahap prestasi pengurusan kewangan keseluruhan PDRM yang merangkumi Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan 14 Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri (IPK Negeri) dari segi pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dengan memberi penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini telah dijalankan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan 14 IPK Negeri dengan memberi tumpuan terhadap 6 elemen kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2011.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan 14 IPK Negeri. Temu bual juga telah dilakukan dengan pegawai berkenaan. Di samping itu, pemeriksaan fizikal telah dilakukan terhadap aset yang dimiliki oleh PDRM.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2011 hingga Februari 2012 mendapati pada keseluruhan prestasi pengurusan kewangan PDRM bagi tahun 2011 adalah berada pada tahap baik (81.4%) dimana prestasi pengurusan kewangan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman adalah pada tahap sangat baik (95.4%). Manakala bagi IPK Negeri pula, prestasi pengurusan kewangan IPK Negeri Kelantan sahaja berada pada tahap sangat baik manakala 13 Negeri lain berada pada tahap baik. Analisis prestasi pengurusan kewangan PDRM secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 4.1**, manakala tahap prestasi Ibu Pejabat PDRM dan Kontinjen Negeri adalah seperti di **Carta 4.3. Carta 4.4** pula menunjukkan tahap prestasi mengikut elemen kawalan di mana Kawalan Bajet dan Kawalan Terimaan berada pada tahap sangat baik manakala Kawalan Pengurusan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset dan Stor berada pada tahap baik.

JADUAL 4.1
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN SECARA KESELURUHAN
POLIS DIRAJA MALAYSIA PADA TAHUN 2011

PDRM	TAHAP PRESTASI						KESELURUHAN MENGIKUT PEJABAT
	a	b	c	d	e	f	
Ibu Pejabat	B	SB	SB	SB	SB	SB	SB
Johor	TM	SB	SB	SB	TM	M	B
Kedah	M	SB	B	B	B	TM	B
Kelantan	SB	SB	SB	SB	B	B	SB
Melaka	B	SB	SB	B	B	SB	B
Negeri Sembilan	M	SB	B	M	SB	M	B
Pahang	B	SB	B	M	TB	B	B
Perak	B	SB	SB	SB	TM	M	B
Perlis	M	SB	B	B	B	M	B
Pulau Pinang	TM	M	SB	SB	M	B	B
Sabah	B	SB	SB	B	SB	B	B
Sarawak	M	SB	B	M	SB	B	B
Selangor	B	SB	SB	M	TM	M	B
Terengganu	B	B	SB	B	TB	M	B
Kuala Lumpur	B	SB	SB	SB	M	B	B
TAHAP PRESTASI KESELURUHAN BERDASARKAN ELEMEN	B (71.0%)	SB (94.6%)	SB (90.9%)	B (80.8%)	B (72.9%)	B (71.8%)	B (81.4%)
TAHAP PRESTASI KESELURUHAN PDRM							


Nota :

- a. Kawalan Pengurusan
- b. Kawalan Bajet
- c. Kawalan Terimaan
- d. Kawalan Perbelanjaan
- e. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit
- f. Pengurusan Aset Dan Stor


Tahap Prestasi

- SB - Sangat Baik
- B - Baik
- M - Memuaskan
- TM - Tidak Memuaskan
- TB - Tidak Berkenaan

CARTA 4.3
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
POLIS DIRAJA MALAYSIA TAHUN 2011



CARTA 4.4
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT ELEMEN KAWALAN
POLIS DIRAJA MALAYSIA TAHUN 2011



4.5.1. Kawalan Pengurusan

Secara keseluruhannya, semakan Audit mendapati Kawalan Pengurusan di PDRM berada pada tahap baik (71.0%). Antara aspek utama yang perlu dibuat penambahbaikan adalah memastikan penyediaan proses kerja berkaitan pengurusan kewangan sentiasa kemas kini; pemeriksaan dalaman mengikut AP 308 dijalankan dan direkodkan dalam daftar pemeriksaan mengejut; pemeriksaan mengejut mengikut AP 309 dijalankan oleh Ketua Jabatan dan semua pegawai diberi latihan/kursus sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun. Ringkasan kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan dan juga pencapaian PDRM bagi aspek utama Kawalan Pengurusan adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.5**.


JADUAL 4.2
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG KAWALAN PENGURUSAN

PDRM	KAWALAN PENGURUSAN													
	STRUKTUR ORGANISASI						SISTEM DAN PROSEDUR				JAWATANKUASA DAN UNIT AUDIT DALAM		PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n
Ibu Pejabat	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓	X	X
Johor	✓	X	✓	X	✓	✓	X	X	✓	X	X	TB	X	X
Kedah	✓	✓	X	X	✓	✓	X	✓	✓	X	X	TB	X	X
Kelantan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X
Melaka	✓	✓	X	X	✓	✓	X	✓	✓	X	X	✓	✓	X
Negeri Sembilan	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	X	X
Pahang	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	X	X	✓	✓	X
Perak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	X	✓	✓	✓	✓
Perlis	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	X	X
Pulau Pinang	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	X	X	✓	X
Sabah	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	X
Sarawak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	X
Selangor	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
Terengganu	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	X
Kuala Lumpur	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓	X

Nota: ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan

- a. Carta organisasi dipamerkan
- b. Carta organisasi kemas kini
- c. Penurunan kuasa secara khusus diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam kutipan
- d. Penurunan kuasa secara khusus diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam bayaran
- e. Pengasingan tugas untuk terimaan diwujudkan
- f. Pengasingan tugas untuk bayaran diwujudkan
- g. Proses kerja berkaitan pengurusan kewangan kemas kini
- h. Senarai tugas dikemas kini
- i. Pemeriksaan dalaman mengikut AP 308 direkodkan di dalam daftar pemeriksaan mengejut
- j. Pemeriksaan mengejut mengikut AP 309 dijalankan oleh Ketua Jabatan
- k. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat 3 bulan sekali
- l. Teguran Audit telah diambil tindakan
- m. Pusingan tugas dilaksanakan
- n. Pegawai menghadiri latihan sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun

CARTA 4.5
KEDUDUKAN PENCAPAIAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
BERHUBUNG KAWALAN PENGURUSAN



Berdasarkan maklum balas PDRM, tindakan telah diambil dengan mengemaskini Manual Prosedur Kerja, menjalankan pemeriksaan di bawah AP 308 dan 309 mengikut peraturan yang ditetapkan serta memastikan setiap pegawai menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun.

4.5.2. Kawalan Bajet

Bajet merupakan satu mekanisme yang digunakan oleh organisasi untuk mengenal pasti, mengagih dan menggunakan peruntukan yang diterima bagi melaksanakan program dan aktiviti dengan berhemat. Kawalan Bajet menekankan pengurusan pengagihan serta mengakaunkan peruntukan yang diterima supaya peruntukan tahunan Jabatan diurus dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan. Bagi tahun 2011, pihak Audit mendapati secara keseluruhannya Kawalan Bajet PDRM adalah pada tahap sangat baik (94.6%). Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan IPK Negeri telah menguruskan bajet dengan teratur kecuali 2 IPK Negeri Pulau Pinang dan Terengganu di mana cadangan bajet disediakan bukan berdasarkan input daripada semua peringkat cawangan tersebut. Di samping itu, didapati semua IPK Negeri dan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman telah mengemaskini agihan peruntukan yang diterima ke dalam buku vot. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan dan juga pencapaian PDRM bagi aspek utama Kawalan Bajet adalah seperti di **Jadual 4.3** dan **Carta 4.6**.

JADUAL 4.3
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG KAWALAN BAJET

PDRM	KAWALAN BAJET		
	PENYEDIAAN BAJET	PENGAGIHAN PERUNTUKAN	KELULUSAN PINDAH PERUNTUKAN
	a	b	c
Ibu Pejabat	✓	✓	✓
Johor	✓	✓	TB
Kedah	✓	✓	TB
Kelantan	✓	✓	TB
Melaka	✓	✓	TB
Negeri Sembilan	✓	✓	TB
Pahang	✓	✓	TB
Perak	✓	✓	✓
Perlis	✓	✓	TB
Pulau Pinang	X	✓	TB
Sabah	✓	✓	TB
Sarawak	✓	✓	✓
Selangor	✓	✓	TB
Terengganu	X	✓	TB
Kuala Lumpur	✓	✓	✓


Nota: ✓ - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

TB - Tidak Berkennaan

- a. Cadangan bajet disediakan berdasarkan input daripada semua peringkat
- b. Buku Volt dikemaskinikan dengan semua peruntukan yang diagihkan
- c. Pindah peruntukan direkodkan dengan tepat dan lengkap dalam buku vot

CARTA 4.6
KEDUDUKAN PENCAPAIAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
BERHUBUNG KAWALAN BAJET



4.5.3. Kawalan Terimaan

Kawalan Terimaan adalah untuk memastikan penerimaan, pungutan, perbankan wang dan cek dilaksanakan mengikut peraturan kewangan dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan. Pematuhan PDRM terhadap peraturan kewangan berhubung dengan Kawalan Terimaan adalah pada tahap sangat baik (90.9%). Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan perlu diambil terhadap beberapa perkara antaranya borang hasil yang dikeluarkan hendaklah mengikut susunan nombor yang betul. Di samping itu, borang hasil yang dikeluarkan daripada stok hendaklah disemak sekurang-kurangnya setiap minggu untuk memastikan resit yang belum digunakan masih utuh. Pihak PDRM juga perlu memastikan bahawa resit rasmi hendaklah dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan dan pencapaian PDRM bagi aspek utama Kawalan Terimaan adalah seperti di **Jadual 4.4** dan **Carta 4.7**.

JADUAL 4.4
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KAWALAN TERIMAAN

PDRM	KAWALAN TERIMAAN													
	KAWALAN BORANG HASIL					PENERIMAAN WANG					KEMASUKAN PUNGUTAN KE BANK		PERAKAUNAN TERIMAAN/HASIL	
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X
Johor	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kedah	X	X	X	TB	X	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓	✓
Kelantan	TB	TB	TB	TB	TB	✓	✓	TB	✓	TB	✓	✓	✓	✓
Melaka	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓
Negeri Sembilan	✓	X	✓	✓	X	✓	X	TB	✓	✓	✓	✓	X	X
Pahang	X	✓	✓	TB	X	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Perak	✓	✓	✓	TB	X	TB	✓	TB	✓	✓	✓	✓	X	✓
Perlis	X	X	✓	X	X	✓	✓	TB	✓	X	X	✓	✓	✓
Pulau Pinang	X	X	X	TB	X	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓
Sabah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Sarawak	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	TB	✓	X	✓	✓	✓	X
Selangor	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	✓
Terengganu	✓	✓	✓	TB	X	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	X	✓
Kuala Lumpur	TB	X	✓	TB	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	X	✓


Nota: ✓ - Mematuhi

 X - Tidak Mematuhi

 TB - Tidak Berkenaan

- a. Borang Hasil direkodkan dengan kemas kini dalam Daftar Borang Hasil (KEW. 67)
- b. Borang Hasil dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul
- c. Baki Stok Borang Hasil di daftar bersamaan dengan baki sebenar
- d. Senarai Stok Borang Hasil dinyatakan dalam surat pemberi alih/pengambil alih yang disediakan semasa pertukaran pemungut
- e. Borang Hasil yang dikeluarkan daripada stok disemak sekurang-kurangnya setiap minggu untuk memastikan resit yang belum digunakan masih utuh
- f. Sistem resit elektronik digunakan dengan kelulusan bertulis daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- g. Ciri-ciri keselamatan wujud di tempat kasyer membuat kutipan hasil
- h. Resit dikeluarkan pada hari yang sama bagi kutipan melalui mesyuarat
- i. Resit dikeluarkan dengan segera bagi semua kutipan di kaunter
- j. Resit rasmi hendaklah dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis
- k. Pungutan dimasukkan ke bank dengan segera dan diakui terima oleh bank
- l. Penyata Pemungut diluluskan dengan segera oleh Pelulus II
- m. Akaun Tunai Bulanan diserahkan kepada pejabat perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan
- n. Penyata Penyesuaian Hasil disediakan dengan tepat

CARTA 4.7
KEDUDUKAN PENCAPAIAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
BERHUBUNG KAWALAN TERIMAAN



4.5.4. Kawalan Perbelanjaan

Pengurusan perbelanjaan yang baik antara lainnya bertujuan untuk memastikan perbelanjaan diuruskan secara telus dan berhemat; perolehan dibuat mengikut peraturan serta rekod perbelanjaan diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan disimpan dengan baik. Secara umumnya, prestasi Kawalan Perbelanjaan adalah pada tahap baik (80.8%). Semakan Audit terhadap 3 aspek utama pengurusan perbelanjaan iaitu perakaunan; pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran adalah seperti berikut:

4.5.4.1. Perakaunan

Secara umumnya, PDRM telah memastikan bahawa semua tanggungan dan perbelanjaan direkodkan dengan betul dan tepat. Daripada analisis yang dilakukan didapati hanya IPK Negeri Melaka yang gagal merekodkan tanggungan dan perbelanjaan dengan betul. Namun demikian, didapati 5 IPK Negeri tidak menjalankan pemeriksaan terhadap buku vot kerana tiada bukti menunjukkan buku vot telah disemak. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama perakaunan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.5
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PERAKAUNAN

PDRM	PERAKAUNAN				
	a	b	c	d	e
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	TB	✓
Johor	✓	X	✓	TB	✓
Kedah	✓	X	TB	TB	✓
Kelantan	✓	✓	✓	✓	✓

PDRM	PERAKAUNAN				
	a	b	c	d	e
Melaka	X	X	✓	TB	✓
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	✓	X
Pahang	✓	✓	X	X	X
Perak	✓	✓	TB	TB	✓
Perlis	✓	✓	TB	TB	✓
Pulau Pinang	✓	✓	✓	✓	✓
Sabah	✓	X	X	X	X
Sarawak	✓	✓	✓	✓	X
Selangor	✓	✓	X	X	✓
Terengganu	✓	X	TB	TB	X
Kuala Lumpur	✓	✓	✓	TB	✓

Nota: ✓ - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

TB - Tidak Berkenaan

- a. Tanggungan dan perbelanjaan direkod dengan betul
- b. Buku Vot hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali dengan menandatangani ringkas
- c. Pelarasan dibuat terhadap item yang tidak dapat disesuaikan dalam Penyata Penyesuaian Perbelanjaan
- d. Tindakan diambil untuk menyelesaikan item yang tidak dapat dikenal pasti
- e. Penyata Penyesuaian dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan

4.5.4.2. Pengurusan Perolehan

Beberapa IPK Negeri gagal melaksanakan urusan proses pembukaan sebut harga/tender dengan teratur. Adalah didapati 9 IPK Negeri tidak mempamerkan keputusan muktamad sebut harga/tender di dalam laman sesawang/papan kenyataan agensi dan pautan ke laman sesawang *MyGovernment*. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama pengurusan perolehan adalah seperti di **Jadual 4.6** dan **4.7**.

JADUAL 4.6
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN PEROLEHAN

PDRM	PENGURUSAN PEROLEHAN														
	PEMBELIAN TERUS				SEBUT HARGA/TENDER/RUNDINGAN TERUS										
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m		
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Johor	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	TB	
Kedah	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Kelantan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Melaka	X	X	X	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Negeri Sembilan	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	X	X	X	✓	✓	TB
Pahang	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Perak	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Perlis	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X
Pulau Pinang	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Sabah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Sarawak	X	X	X	✓	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	TB	
Selangor	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	X	X	X
Terengganu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Kuala Lumpur	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	TB						

Nota: ✓ - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

TB - Tidak Berkenaan

- a. Pembelian terus dibuat bagi setiap jenis item tidak melebihi RM50,000 setahun
- b. Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian
- c. Borang Pesanan Kerajaan dicatat dengan lengkap
- d. Pesanan Kerajaan diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa
- e. Peti tawaran sebut harga/tender mempunyai 2 kunci berbeza yang dipegang oleh 2 orang pegawai kanan
- f. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan
- g. Proses pembukaan sebut harga/tender dilaksanakan dengan teratur
- h. Keputusan muktamad tender/sebutharga dipamerkan di dalam laman sesawang/papan kenyataan agensi dan pautan ke laman sesawang *MyGovernment*

- i. Perolehan setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan tidak melebihi RM500,000 dibuat dengan mempelawa sebut harga
- j. Sebut harga dibuat dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan
- k. Maklumat lengkap mengenai pertimbangan dan keputusan sebut harga disimpan oleh Urusetia Sebut Harga
- l. Kajian pasaran dilaksanakan untuk memastikan harga yang ditawarkan adalah berpatutan
- m. Perolehan yang nilainya melebihi RM500,000 setahun bagi setiap jenis item dibuat secara tender

JADUAL 4.7
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN PEROLEHAN

PDRM	PENGURUSAN PEROLEHAN												
	REKOD DAN PERJANJIAN KONTRAK										KONTRAK PUSAT		ePEROLEHAN
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m
Ibu Pejabat	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	✓	✓
Johor	X	X	X	X	X	TB	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓
Kedah	✓	✓	X	X	✓	✓	X	✓	TB	X	TB	✓	X
Kelantan	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓
Melaka	✓	X	X	TB	X	✓	TB	X	TB	TB	TB	✓	X
Negeri Sembilan	✓	X	✓	✓	X	X	X	X	X	TB	TB	✓	✓
Pahang	✓	X	✓	TB	✓	TB	✓	✓	TB	X	X	✓	✓
Perak	✓	✓	✓	X	X	TB	TB	TB	TB	TB	TB	✓	X
Perlis	X	X	X	X	X	TB	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓
Pulau Pinang	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	✓	✓
Sabah	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓
Sarawak	X	X	X	✓	X	✓	X	✓	TB	TB	TB	✓	✓
Selangor	✓	✓	X	X	X	X	X	✓	TB	X	TB	✓	✓
Terengganu	✓	X	X	✓	X	X	✓	✓	TB	X	TB	✓	✓
Kuala Lumpur	✓	✓	✓	✓	✓	TB	X	TB	TB	TB	TB	✓	✓

Nota: ✓ - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

TB - Tidak Berkenaan

- a. Semua kontrak didaftarkan
- b. Daftar/Rekod Pembayaran Kontrak diselenggarakan untuk rujukan dan pemantauan bayaran
- c. Kontrak dibuat atas nama Kerajaan Malaysia
- d. Syarat perjanjian kontrak disemak dan diluluskan oleh Penasihat Undang-undang Jabatan/Agenzi
- e. Klausu pencegahan rasuah dimasukkan ke dalam kontrak
- f. Bon Pelaksanaan dikenakan/Wang Jaminan Pelaksanaan dipotong mengikut kadar yang sepatutnya
- g. Kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima
- h. Tiada perolehan/bekalan melebihi nilai kontrak yang ditetapkan dalam kontrak terlibat
- i. Tindakan diambil terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat mengenai tempoh bekalan perjanjian kontrak
- j. Kebenaran Perbadanan diperolehi terlebih dahulu bagi pembelian yang dibuat luar dari Kontrak Pusat/Panel Pembekal
- k. Mengambil tindakan susulan terhadap pembekal Kontrak Pusat/Panel Pembekal yang lewat membekalkan barang/pesanan
- l. ePerolehan telah digunakan di peringkat Kementerian/Jabatan yang telah eP enabled
- m. Penggunaan ePerolehan mencapai 70% daripada jumlah peruntukan tahunan bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan (tidak termasuk Perolehan Perkhidmatan Perunding)

4.5.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit terhadap Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan 14 IPK Negeri mendapati IPK Negeri Johor dan Kelantan telah mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan mengenai urusan pembayaran. Kedudukan pematuhannya terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama pengurusan bayaran dan juga pencapaian PDRM bagi kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.8** dan **Carta 4.8**.


JADUAL 4.8
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN BAYARAN

PDRM	PENGURUSAN BAYARAN											
	HAD KUASA				DAFTAR BIL		KAWALAN DALAMAN		BAYARAN PUKAL		PANJAR WANG RUNCIT	
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓
Johor	✓	TB	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kedah	X	X	✓	X	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓
Kelantan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Melaka	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	X	✓	✓
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	TB	X	X	✓	✓	X	✓	✓	✓
Pahang	✓	TB	TB	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
Perak	✓	TB	X	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Perlis	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓
Pulau Pinang	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
Sabah	X	X	X	TB	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓
Sarawak	✓	X	X	X	X	X	X	X	X	X	✓	✓
Selangor	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	X	X	X	✓	✓
Terengganu	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓
Kuala Lumpur	✓	✓	✓	TB	X	✓	✓	X	X	✓	✓	✓

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan

- a. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem adalah selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan
- b. Capaian dalam sistem dibatalkan bagi pegawai bertukar/berhenti/bersara
- c. Kad pintar tidak digunakan semasa ketiadaan pegawai
- d. Perolehan harta modal di bawah Objek Sebagai 35000 hanya diluluskan oleh Pegawai Pengawal
- e. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- f. Daftar Bil dicetak dan disemak oleh pegawai bertanggungjawab
- g. Baucar Bayaran disokong dengan dokumen sokongan asal lengkap dan sempurna
- h. Pembayaran dibuat tepat pada masanya.
- i. Terdapat Bukti Laporan BP21 disemak dengan bil asal
- j. Semua bil pukal dibayar melalui Sistem Bayaran Pukal
- k. Wang Panjar digunakan untuk tujuan pembayaran kecil yang segera
- l. Wang Panjar disimpan di tempat yang selamat

CARTA 4.8
KEDUDUKAN PENCAPAIAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
BERHUBUNG KAWALAN PERBELANJAAN



Berdasarkan maklum balas PDRM, tindakan segera telah dan akan diambil terhadap segala teguran yang dibangkitkan di dalam kawalan perbelanjaan.

4.5.5. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

Secara umumnya, prestasi Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit adalah berada pada tahap baik (72.9%). Bagaimanapun, IPK Negeri Melaka dan Perlis perlu mengambil tindakan penambahbaikan terhadap Akaun Pendahuluan Komputer bagi memastikan kelulusan pembiayaan komputer direkodkan dalam Buku Perkhidmatan peminjam. Di samping itu, 6 IPK Negeri gagal menyediakan Penyata Penyesuaian Deposit dengan tepat pada setiap bulan. Kedudukan pematuhannya terhadap peraturan kewangan dan juga pencapaian PDRM bagi aspek utama Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit adalah seperti di **Jadual 4.9** dan **Carta 4.9**.


JADUAL 4.9
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN BERHUBUNG DENGAN
PENGURUSAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT

PDRM	PENGURUSAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT															
	PINJAMAN KENDERAAN		PINJAMAN KOMPUTER		PENDAHULUAN DIRI	AKAUN DEPOSIT										
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o	
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓	TB
Johor	TB	TB	TB	X	✓	TB	TB	TB	TB	TB	TB	X	X	✓	TB	
Kedah	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	✓	TB	✓	✓	TB	✓	X	
Kelantan	✓	X	✓	✓	✓	TB	✓	X	X	X	✓	X	X	TB	X	
Melaka	✓	X	✓	X	X	TB	✓	✓	TB	TB	✓	✓	TB	TB	X	
Negeri Sembilan	TB	TB	TB	TB	TB	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	
Pahang	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	
Perak	TB	TB	TB	TB	TB	TB	✓	X	✓	X	X	X	X	✓	TB	
Perlis	TB	TB	TB	X	X	TB	✓	✓	✓	✓	TB	X	TB	✓	TB	
Pulau Pinang	TB	TB	TB	X	✓	TB	✓	X	X	X	✓	X	X	TB	TB	
Sabah	TB	TB	TB	TB	TB	TB	✓	TB	TB	TB	✓	✓	TB	TB	TB	
Sarawak	TB	TB	TB	TB	TB	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	TB	
Selangor	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	X	X	X	X	X	X	TB	TB	
Terengganu	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	
Kuala Lumpur	TB	TB	TB	TB	TB	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	X	

Nota: ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkennaan

- a. Kad Pendaftaran Kenderaan dicop 'Hak Milik Dituntut Kerajaan'
- b. Daftar Pinjaman Kenderaan diselenggarakan dengan lengkap
- c. Kelulusan pinjaman kenderaan direkodkan di Buku Perkhidmatan pegawai
- d. Salinan Invois dan Resit Pembelian Komputer disimpan dalam fail peribadi peminjam
- e. Kelulusan pembiayaan komputer direkodkan dalam Buku Perkhidmatan peminjam
- f. Daftar Pendahuluan Diri diselenggarakan dengan lengkap
- g. Akaun Deposit hendaklah dibuka mengikut jenis deposit yang diterima
- h. Akaun Utama Deposit diselenggara
- i. Daftar/Rekod Kecil diselenggara sekiranya banyak bilangan deposit yang sama jenisnya
- j. Baki dalam Daftar/Rekod Kecil hendaklah bersamaan dengan Akaun Utama Deposit bagi setiap bulan
- k. Akaun Deposit berbaki kredit
- l. Penyata Penyesuaian disediakan setiap bulan dengan tepat
- m. Senarai Baki Pendeposit bagi tahun berakhir 31 Disember tahun kewangan yang diaudit dihantar kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 31 Mac tahun berikutnya
- n. Bayaran balik deposit mengikut peraturan yang telah ditetapkan
- o. Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan (serta tidak diperlukan) diwartakan

CARTA 4.9
KEDUDUKAN PENCAPAIAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
BERHUBUNG PENGURUSAN AKAUN AMANAH/
KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT



Nota: Tidak berkaitan bagi Negeri Pahang dan Terengganu

Berdasarkan maklum balas PDRM, tindakan telah diambil dengan mengemaskini Daftar Pinjaman Kenderaan dan Komputer. Selain itu, semua perkara berkaitan akaun amanah dan kumpulan wang amanah telah diambil maklum.

4.5.6. Pengurusan Aset Dan Stor

Semakan Audit mendapati 3 aspek utama iaitu kawalan umum pengurusan aset dan stor; pengurusan kenderaan jabatan serta penyenggaraan aset, pelupusan, kehilangan dan hapus kira adalah pada tahap baik (71.8%). Secara keseluruhannya, penekanan perlu diberikan terhadap pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) di mana tempoh mengadakan Mesyuarat JKPAK hendaklah dipatuhi seperti mana yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling, agenda mesyuarat yang ditetapkan perlu dibincangkan dan hasil mesyuarat dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA). Selain daripada itu semua harta modal dan inventori hendaklah didaftarkan dengan lengkap dan diberikan tanda pengenalan “Hak Kerajaan Malaysia”. Dari segi pelantikan pegawai pemeriksa pula, PDRM perlu memastikan sekurang-kurangnya 2 pegawai pemeriksa aset dilantik secara bertulis bagi menjalankan tugas pemeriksaan aset. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi kawalan umum pengurusan aset dan stor adalah seperti di **Jadual 4.10**.

JADUAL 4.10
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KAWALAN UMUM PENGURUSAN ASET DAN STOR

PDRM	KAWALAN UMUM PENGURUSAN ASET DAN STOR																						
	PENGURUSAN JKPAK/ UNIT PENGURUSAN ASET/PEGAWAI ASET/STOR						PENERIMAAN/ PENDAFTARAN DAN PELABELAN ASET				PENGUNAAN DAN PENYIMPANAN ASET				PEMERIKSAAN ASET/STOR								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o	p	q	r	s	t	u	v	
Ibu Pejabat	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓		
Johor	✓	X	X	X	X	✓	✓	X	X	X	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	TB	X	X	X	
Kedah	X	X	X	X	X	✓	X	X	✓	X	✓	TB	X	✓	X	✓	✓	X	X	X	X	X	
Kelantan	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	TB	X	X	X	
Melaka	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	
Negeri Sembilan	✓	X	X	X	X	X	X	X	X	X	TB	X	✓	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
Pahang	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	X	X	X	
Perak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	TB	X	X	X
Perlis	X	X	X	X	X	X	✓	X	X	X	✓	TB	X	X	X	X	X	X	TB	X	X	X	X
Pulau Pinang	X	X	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	X	X	✓	✓	TB	X	X	X	X
Sabah	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	X	X	✓	TB	✓	✓	✓	X
Sarawak	✓	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	X	X	X	✓	X	X	✓	✓	✓
Selangor	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	TB	X	✓	X	✓	✓	✓	TB	X	X	X	X
Terengganu	X	✓	X	X	✓	✓	X	TB	X	X	X	X	✓	✓	X	X	✓	TB	TB	TB	TB	TB	
Kuala Lumpur	X	X	X	X	X	✓	X	X	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	X	X	X	X

Nota:

✓ - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

TB - Tidak Berkenaan

- a. Keanggotaan JKPAK dipatuhi
- b. Bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali
- c. Agenda mesyuarat yang ditetapkan dibincangkan
- d. Hasil mesyuarat JKPAK dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA)
- e. Tindakan susulan diambil terhadap keputusan mesyuarat yang lepas
- f. Aset diuruskan oleh pegawai yang dilantik
- g. Setiap PTJ mempunyai pegawai penerima untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima
- h. Bagi penerimaan barang-barang dari pembekal di stor pusat/utama, Borang Terimaan Barang-Barang (KEW.PS-1) disedia oleh pegawai penerima dan diperakukan oleh pegawai pengesah
- i. Semua harta modal dan inventori hendaklah didaftarkan dengan lengkap
- j. Aset diberi tanda pengenal "Hak Kerajaan Malaysia"
- k. Aset yang dibeli digunakan
- l. Kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9)
- m. Pengeluaran barang stor adalah teratur
- n. Aset dan barang-barang stor disimpan di tempat yang selamat dan sesuai
- o. Sekurang-kurangnya dua pegawai pemeriksa aset dilantik secara bertulis
- p. Semua aset diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun
- q. Laporan Pemeriksaan Harta Modal/Inventori (KEW.PA-10/11) disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan
- r. Pengiraan stok dilaksanakan
- s. Pelarasian stok dilaksanakan apabila terdapat perbezaan dengan menggunakan Penyata Pelarasian Stok (KEW.PS-17)
- t. Pemeriksaan dilaksanakan di stor pusat dan stor utama sekali setahun ke atas semua stok secara 100% mulai 1 Oktober tahun semasa
- u. Pemverifikasi stok dilaksanakan oleh pegawai yang dilantik oleh Ketua Setiausaha (KSU)/Timbalan KSU/Ketua Pengarah (KP)/Timbalan KP
- v. Laporan pemeriksaan/verifikasi stok (KEW.PS-14) disemak dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab

4.5.6.1. Pengurusan Kenderaan Jabatan

- a. Secara keseluruhannya, tahap pengurusan kenderaan bagi PDRM adalah memuaskan. Pihak Audit mendapati buku log kenderaan dan buku rekod pergerakan kad inden minyak tidak diselenggara dengan kemas kini. Bagi 2 IPK Negeri, didapati penggunaan minyak kenderaan Jabatan adalah tidak munasabah, di mana purata penggunaan minyak tidak selaras dengan jarak perjalanan yang dibuat.

- b. Selain itu, bagi IPK Negeri Kedah, Pahang dan Perak didapati bahawa pembelian minyak setahun bagi Kumpulan Pengurusan Gred JUSA telah melebihi had yang ditetapkan/diluluskan manakala bagi 3 IPK Negeri didapati kelulusan pengiraan had penggunaan minyak adalah tidak tepat. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama pengurusan kenderaan Jabatan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.11
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN KENDERAAN**

PDRM	PENGURUSAN KENDERAAN												
	PEGAWAI KENDERAAN			PENGUNAAN KENDERAAN		PENGUNAAN KENDERAAN PEGAWAI GRED JUSA				PENGUNAAN KAD INDEN MINYAK			PENGUNAAN KAD TOUCH n GO
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Johor	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Kedah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓	✓	✓	TB
Kelantan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓	✓	TB
Melaka	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓	X	TB
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	TB
Pahang	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	✓
Perak	X	X	TB	X	✓	X	X	X	X	✓	✓	✓	TB
Perlis	✓	✓	X	X	X	✓	TB	TB	TB	X	✓	✓	TB
Pulau Pinang	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓	✓	TB
Sabah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Sarawak	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	TB
Selangor	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	X	X
Terengganu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	TB	TB	X	X	X	TB
Kuala Lumpur	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	TB

Nota: ✓ - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

TB - Tidak Berkenaan

- a. Pegawai yang menjaga kenderaan dilantik
- b. Pejabat yang mempunyai lebih 20 buah kenderaan khas Jabatan, Pegawai Pengangkutan mempunyai sijil dalam bidang kejuruteraan motor hendaklah dilantik
- c. Fail Sejarah diselenggarakan bagi setiap kenderaan
- d. Kenderaan digunakan dengan kelulusan Pegawai Kenderaan
- e. Buku Log diselenggarakan dengan kemas kini
- f. Penggunaan minyak adalah munasabah
- g. Kelulusan bertulis diperoleh daripada Ketua Jabatan ke atas penggunaan minyak bagi sebulan
- h. Kelulusan had penggunaan minyak adalah betul
- i. Pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan
- j. Kad Inden Minyak disimpan oleh Pegawai Kenderaan melainkan ada keperluan mengisi minyak
- k. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak diselenggarakan dengan kemas kini
- l. Penyata Pembelian Minyak disemak kepada salinan resit dan disahkan oleh pemegang kad
- m. Daftar Kad Touch n Go diselenggarakan dengan lengkap

4.5.6.2. Penyenggaraan Dan Pelupusan Aset

- a. Daripada 14 buah IPK Negeri dan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, hanya 6 negeri telah menyediakan senarai aset yang memerlukan penyenggaraan (KEW.PA-13) serta menyedia dan melaksanakan program penyenggaraan.
- b. Pihak Audit mendapati bagi urusan pelantikan Lembaga Pemeriksa, penyediaan senarai aset untuk tujuan pelupusan, penyediaan laporan oleh Lembaga Pemeriksa dan kelulusan pelupusan daripada pihak berkuasa melulus telah dipatuhi oleh pihak PDRM.

- c. Semakan Audit di IPK Negeri Kelantan, Pahang, Perak dan Terengganu mendapati pelupusan aset tidak dijalankan dalam tempoh 3 bulan selepas mendapat kelulusan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama pengurusan penyenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset dan stor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.12
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENYENGGARAAN DAN PELUPUSAN ASET

PDRM	PENYENGGARAAN ASET					PELUPUSAN ASET/STOR			
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Johor	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Kedah	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Kelantan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X
Melaka	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Pahang	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	X
Perak	X	X	X	X	TB	TB	✓	TB	X
Perlis	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Pulau Pinang	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓
Sabah	X	X	X	X	✓	✓	✓	TB	✓
Sarawak	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Selangor	X	X	X	X	TB	✓	✓	✓	✓
Terengganu	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	X
W.P. Kuala Lumpur	X	X	X	X	TB	TB	TB	TB	TB

Nota: ✓ - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

TB - Tidak Berkenaan

- a. Aset yang memerlukan penyenggaraan dikenal pasti dan disenaraikan dalam KEW.PA-13
- b. Program penyenggaraan disediakan
- c. Program penyenggaraan dilaksanakan
- d. Penyenggaraan yang dilaksanakan direkod dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14)
- e. Pelantikan Lembaga Pemeriksa adalah teratur bagi aset yang hendak dilupuskan
- f. Aset yang perlu dilupus disenaraikan dalam KEW.PA-17 oleh Urus Setia Pelupusan
- g. Lembaga Pemeriksa menyedia dan menandatangani Laporan Lembaga Pemeriksa (KEW.PA -17)
- h. Urus Setia mendapat kelulusan pelupusan daripada pihak berkewasa melulus
- i. Pelupusan dijalankan dalam tempoh 3 bulan selepas mendapat kelulusan

4.5.6.3. Kehilangan Dan Hapus Kira

Semakan Audit mendapati pegawai yang bertanggungjawab tidak melaporkan kehilangan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta di IPK Selangor dan Kuala Lumpur. Didapati, IPK Negeri Kelantan tidak membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Manakala bagi Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, IPK Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur didapati bahawa Jawatankuasa Penyiasat tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh laporan awal (KEW.PA-28) disediakan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama kehilangan dan hapus kira aset dan stor serta pencapaian PDRM bagi kawalan pengurusan aset dan stor adalah seperti di Jadual 4.13 dan Carta 4.10.


JADUAL 4.13
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA ASET/STOR

PDRM	KEHILANGAN ASET/STOR					HAPUS KIRA ASET/STOR			
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	X	✓	X	X	✓	✓
Johor	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Kedah	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Kelantan	X	✓	X	X	✓	TB	TB	TB	TB
Melaka	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Negeri Sembilan	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Pahang	✓	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Perak	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	TB
Perlis	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Pulau Pinang	X	✓	✓	X	✓	X	X	✓	TB
Sabah	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Sarawak	X	✓	✓	X	X	✓	TB	TB	TB
Selangor	X	X	✓	X	X	X	X	TB	TB
Terengganu	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Kuala Lumpur	X	X	✓	X	✓	X	X	✓	TB

Nota: ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan

- a. Tiada kehilangan aset yang belum selesai pada tahun semasa
- b. Pegawai yang bertanggungjawab melaporkan kehilangan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta
- c. Ketua Jabatan/pegawai bertanggungjawab membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan
- d. Ketua Jabatan/pegawai atasan di peringkat Ibu Pejabat mengemukakan Laporan Awal (KEW.PA-28) berserta salinan laporan polis kepada Pegawai Pengawal dan Perbendaharaan (jika berkenaan) dalam tempoh 2 hari bekerja
- e. Salinan laporan awal KEW.PA-28 dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Akauntan Negara dan Ketua Audit Negara
- f. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh KEW.PA-28 disediakan
- g. Laporan Akhir (KEW.PA-30) dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 4 bulan dari tarikh KEW.PA-28 dikemukakan
- h. Pihak melulus hapus kira adalah kuasa melulus yang ditetapkan
- i. Tindakan selepas kelulusan adalah teratur

CARTA 4.10
KEDUDUKAN PENCAPAIAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
BERHUBUNG PENGURUSAN ASET DAN STOR



Mengikut maklum balas daripada PDRM, isu yang dibangkitkan berhubung dengan kawalan pengurusan aset dan stor telah diambil maklum.

4.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan PDRM berada pada tahap yang baik. Namun begitu, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diambil tindakan penambahbaikan. Sehubungan ini, adalah disyorkan PDRM memberi pertimbangan terhadap perkara seperti berikut:

- 4.6.1. Penyeliaan yang lebih rapi dan juga latihan yang mencukupi perlu diberikan kepada semua pegawai bagi memastikan urusan kewangan dapat dilaksanakan selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan.
- 4.6.2. Memastikan semua pekeliling dan peraturan yang melibatkan pengurusan kewangan sentiasa dipatuhi.
- 4.6.3. Memastikan semua pemeriksaan berkala dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- 4.6.4. Mengambil tindakan surcaj terhadap pegawai yang tidak menjalankan tugas terhadap urusan kewangan dengan teratur. Surcaj juga patut dikenakan terhadap Ketua Bahagian yang gagal memantau urusan kewangan yang dijalankan oleh pegawai bawahan.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

5. PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

5.1. LATAR BELAKANG

Kementerian Luar Negeri (Kementerian) adalah bertanggungjawab untuk memelihara, mengukuh dan mempertingkatkan hubungan serta kerjasama dua hala dengan negara luar. Ia merangkumi pelbagai bidang iaitu politik dan keselamatan; perdagangan dan pelaburan; kebudayaan dan sosial; pelancongan; pendidikan serta sains dan teknologi. Untuk tujuan ini, Kementerian telah menubuhkan 106 pejabat perwakilan di 82 negara. Semua pejabat tersebut diketuai sama ada oleh Duta Besar, Wakil Tetap, Pesuruhjaya Tinggi, Konsul Jeneral atau Konsul. Perbelanjaan mengurus bagi semua pejabat perwakilan di luar negeri bagi tahun 2011 adalah berjumlah RM357.15 juta.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan memberi tumpuan terhadap 6 elemen pengurusan kewangan iaitu kawalan pengurusan; kawalan terimaan; kawalan perbelanjaan; pengurusan deposit/pendahuluan; pengurusan aset dan stor serta pengurusan panjar bagi tahun 2011 di 14 pejabat perwakilan seperti berikut:

- a. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom
- b. Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis
- c. Kedutaan Besar Malaysia di Brussels, Belgium
- d. Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait, Kuwait
- e. Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, Emiriyah Arab Bersatu (U.A.E.)
- f. Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun
- g. Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia
- h. Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Korea Selatan
- i. Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, China
- j. Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina
- k. Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand
- l. Konsulat Jeneral Malaysia di Hong Kong, China
- m. Konsulat Jeneral Malaysia di Guangzhou, China
- n. Konsulat Jeneral Malaysia di Davao City, Filipina

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan di pejabat perwakilan yang dilawati. Selain itu, lawatan, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah dijalankan di pejabat berkenaan.

5.5. PENEMUAN AUDIT

5.5.1. Kawalan Pengurusan

5.5.1.1. Pengauditan terhadap aspek kawalan pengurusan adalah untuk menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan yang antaranya meliputi penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK), Fail Meja, fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), penurunan kuasa, tindakan susulan terhadap teguran audit yang dibangkitkan dan pemeriksaan mengejut. Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap kawalan pengurusan bagi semua pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik. Bagaimanapun, urusan penyediaan Fail Meja perlu diberikan perhatian bagi memantapkan lagi kawalan pengurusan di pejabat perwakilan berkenaan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.1
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KAWALAN PENGURUSAN**

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN PENGURUSAN						
	a	b	c	d	e	f	g
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Brussels, Belgium	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait	✓	X	✓	✓	✓	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, U.A.E	✓	✓	✓	X	X	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Korea Selatan	✓	X	X	✓	TB	TB	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, China	✓	✓	✓	✓	X	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	X	X	✓	✓	TB	TB	X
Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand	X	X	✓	✓	TB	TB	X
Konsulat Jeneral Malaysia di Hong Kong, China	✓	✓	X	✓	✓	TB	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Guangzhou, China	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Davao City, Filipina	✓	X	✓	✓	TB	TB	✓
PERATUS PEMATUHAN	85.7%	50.0%	85.7%	92.9%	80.0%	77.8%	78.6%

Nota :

✓ - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

TB - Tidak Berkaitan

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- b. Fail Meja disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- c. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah melaksanakan fungsi seperti ditetapkan
- d. Penurunan kuasa dibuat dengan teratur
- e. Teguran Jabatan Audit Negara dijawab dan tindakan susulan diambil
- f. Teguran Unit Audit Dalam dijawab dan tindakan susulan diambil
- g. Pemeriksaan Mengejut telah dilaksanakan mengikut ketetapan

5.5.1.2. Bagi kelemahan kawalan pengurusan yang dibangkitkan oleh pihak Audit, kesemua pejabat perwakilan yang dilawati telah mengambil tindakan penambahbaikan seperti yang disyorkan.

Pada pendapat Audit, Kementerian masih boleh mengukuhkan lagi kawalan pengurusan di pejabat perwakilan dengan memastikan Fail Meja disediakan dengan lengkap dan kemas kini serta mengambil tindakan proaktif terhadap teguran Audit.

5.5.2. Kawalan Terimaan

5.5.2.1. Pengauditan terhadap kawalan terimaan adalah untuk menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek kawalan iaitu penyelenggaraan Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 67), Buku Tunai, Daftar Mel, Borang Hasil dan kemasukan pungutan ke bank. Berdasarkan semakan yang dijalankan, pihak Audit mendapati kecuali Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait; Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand dan Konsulat Jeneral Malaysia di Davao City, Filipina yang mencapai tahap kurang memuaskan, kawalan terimaan bagi 11 pejabat perwakilan yang lain adalah memuaskan. Namun begitu, pihak Audit mendapati masih terdapat kelemahan dalam kawalan terimaan yang perlu diatasi segera seperti Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 67), borang hasil dan Buku Tunai tidak diselenggarakan dengan teratur dan lengkap serta kutipan lewat dimasukkan ke dalam bank. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan terimaan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.2
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KAWALAN TERIMAAN**

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN TERIMAAN				
	a	b	c	d	e
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom	✓	X	X	✓	TB
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	✓	X	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Brussels, Belgium	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait	X	X	X	✓	TB
Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, U.A.E	✓	✓	✓	✓	TB
Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓	✓	TB
Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Korea Selatan	✓	✓	✓	✓	TB
Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, China	X	X	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	✓	✓	X	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand	X	X	X	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Hong Kong, China	✓	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Guangzhou, China	✓	✓	✓	X	TB
Konsulat Jeneral Malaysia di Davao City, Filipina	X	X	X	X	✓
PERATUS PEMATUHAN	71.4%	57.1%	64.3%	78.6%	100.0%

Nota :

✓ - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi

TB - Tidak Berkaitan

- a. Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 67) diselenggarakan dengan teratur
- b. Borang hasil (resit/lesen/permit) yang dikeluarkan untuk diguna disimpan dengan selamat dan diselenggarakan dengan teratur
- c. Buku Tunai diselenggarakan dengan lengkap, disemak dan dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh ditetapkan
- d. Semua kutipan dibankkan dengan segera dan tepat serta keselamatan dijaga
- e. Daftar Mel diselenggarakan dengan lengkap dan disemak

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan pegawai/kakitangan terlibat memahami sepenuhnya peraturan berkaitan kawalan terimaan khususnya dari aspek penyelenggaraan Buku Tunai, Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew.67) dan kemasukan wang ke bank.

Maklum Balas Kementerian Luar Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Semua pejabat perwakilan yang terlibat telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan kawalan terimaan yang dibangkitkan.

5.5.3. Kawalan Perbelanjaan

5.5.3.1. Sebagai pemegang waran, Ketua Perwakilan menurunkan kuasanya kepada Ketua Canseri untuk mentadbir dan mengurus hal ehwal kewangan dan pentadbiran pejabat perwakilan. Pada tahun 2011, peruntukan mengurus bagi 14 pejabat perwakilan yang dilawati adalah berjumlah RM64.32 juta manakala perbelanjaannya pula berjumlah RM63.28 juta (98.4%). Adalah diperhatikan satu daripada 14 pejabat perwakilan yang dilawati iaitu Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand telah berbelanja melebihi peruntukan. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi setiap pejabat tersebut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS
PEJABAT PERWAKILAN BAGI TAHUN 2011**

PEJABAT PERWAKILAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom	8.96	8.95	99.9
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	5.91	5.91	100.0
Kedutaan Besar Malaysia di Brussels, Belgium	5.90	5.90	100.0
Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait	1.90	1.88	98.9
Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, U.A.E	2.80	2.76	98.6
Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun	14.29	14.29	100.0
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	4.93	4.92	99.8
Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Korea Selatan	2.92	2.90	99.3
Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, China	3.30	3.17	96.1
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	4.25	3.45	81.2
Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand	2.17	2.17	100.4*
Konsulat Jeneral Malaysia di Hong Kong, China	3.77	3.77	100.0
Konsulat Jeneral Malaysia di Guangzhou, China	2.35	2.35	100.0
Konsulat Jeneral Malaysia di Davao City, Filipina	0.87	0.86	98.9
JUMLAH	64.32	63.28	98.4

Nota: () - Kedutaan Besar Malaysia Di Bangkok, Thailand - Perbelanjaan Sebenar Berjumlah RM2,174,185 Berbanding Peruntukan Yang Diluluskan Berjumlah RM2,165,980. Lebihan Perbelanjaan Berjumlah RM8,205.*

Maklum Balas Kementerian Luar Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand memaklumkan perbelanjaan melebihi peruntukan adalah disebabkan bayaran yang tidak dapat dielakkan yang perlu dilunaskan untuk menjaga nama baik Kedutaan Besar Malaysia. Kementerian telah dimaklumkan berkenaan perkara tersebut dan telah meluluskan peruntukan tambahan untuk diselaraskan.

5.5.3.2. Semakan Audit juga mendapati hanya Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun dan Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia telah berjaya mencapai skor 100% bagi kawalan perbelanjaan. Manakala bagi 12 pejabat perwakilan yang lain antara peraturan yang tidak dipatuhi adalah berhubung dengan penyelenggaraan Buku Vot, Daftar Kontrak dan Daftar Bil. Semakan Audit selanjutnya terhadap bil telefon bulan Februari dan Mac 2011 di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi berjumlah AED\$12,183.92 mendapati bil tersebut tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala semakan di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand mendapati pegawai yang memperakui baucar tidak menurunkan tandatangan setiap kali memperakui baucar, sebaliknya pengesahan hanya dibuat pada setiap hujung bulan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.4
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN KAWALAN PERBELANJAAN**

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN PERBELANJAAN				
	a	b	c	d	e
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom	X	X	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	X	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Brussels, Belgium	X	✓	✓	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait	X	X	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, U.A.E	X	X	X	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Korea Selatan	✓	X	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, China	X	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	X	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand	X	✓	X	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Hong Kong, China	X	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Guangzhou, China	✓	✓	X	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Davao City, Filipina	X	X	✓	✓	✓
PERATUS PEMATUHAN	28.6%	64.3%	42.9%	85.7%	100.0%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

- a. Buku Vot diselenggarakan dengan lengkap, teratur dan kemas kini
- b. Maklumat mengenai bayaran dan terimaan bagi setiap kontrak dicatat dalam Daftar Kontrak untuk kawalan
- c. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan disemak sewajarnya
- d. Bayaran dibuat dengan betul dan tepat selaras dengan undang-undang dan peraturan serta direkodkan dengan sempurna
- e. Laporan Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat dalam tempoh ditetapkan

Pada pendapat Audit, tindakan penambahbaikan yang berterusan perlu dilaksanakan di 12 pejabat perwakilan berkaitan supaya kelemahan yang dibangkitkan khususnya dalam aspek penyelenggaraan Buku Vot, Daftar Kontrak dan Daftar Bil dapat diatasi sepenuhnya. Sehubungan itu, pegawai atasan di setiap pejabat perwakilan perlu menjalankan pemantauan secara berkala terhadap pelaksanaan kerja pegawainya. Manakala Kementerian pula perlu mengaturkan supaya kakitangan terlibat diberi latihan dan pendedahan yang sewajarnya terhadap peraturan yang berkaitan dengan kawalan perbelanjaan.

Maklum Balas Kementerian Luar Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi memaklumkan kelewatan menjelaskan bil telefon adalah disebabkan tidak menerima bil bagi bulan berkaitan daripada pihak telekomunikasi Etisalat berikutan dokumen tersebut hilang dalam perjalanan. Tindakan penambahbaikan juga telah diambil terhadap kelemahan kawalan perbelanjaan lain yang dibangkitkan.

5.5.4. Pengurusan Deposit/Pendahuluan

5.5.4.1. Secara umumnya, prestasi pengurusan deposit/pendahuluan di pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik kecuali bagi Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom; Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi; Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia; Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait dan Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Davao City, Filipina yang tidak memuaskan dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian. Semakan Audit selanjutnya mendapati 5 kes pendahuluan diri berjumlah £7,152.75 di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom masih belum diselesaikan sejak tahun 2001 manakala pendahuluan diri berjumlah RM90,510.05 di Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia masih belum direkodkan. Kedudukan pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan deposit/pendahuluan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.5
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN DEPOSIT/PENDAHULUAN

PEJABAT PERWAKILAN	PENGURUSAN DEPOSIT/ PENDAHULUAN		
	a	b	c
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom	X	X	X
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Brussels, Belgium	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait	X	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, U.A.E	X	X	X
Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun	✓	✓	✓

PEJABAT PERWAKILAN	PENGURUSAN DEPOSIT/PENDAHULUAN		
	a	b	c
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	X	X	X
Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Korea Selatan	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, China	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Hong Kong, China	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Guangzhou, China	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Davao City, Filipina	X	X	TB
PERATUS PEMATUHAN	64.3%	64.3%	76.9%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi
 TB - Tidak Berkaitan Kerana Tiada Pendahuluan Diri Diluluskan Pada Tahun 2011

- a. Rekod subsidiari diselenggarakan bagi deposit/pendahuluan
- b. Rekod subsidiari deposit/pendahuluan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- c. Bayaran balik deposit/pendahuluan dibuat sewajarnya

Maklum Balas Kementerian Luar Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Lima pejabat perwakilan yang berkenaan telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan dalam pengurusan deposit/pendahuluan.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan pejabat perwakilan menyelenggarakan rekod deposit/pendahuluan dan bayaran balik dibuat sewajarnya.

5.5.5. Pengurusan Aset Dan Stor

5.5.5.1. Secara umumnya prestasi pengurusan aset dan stor di 14 pejabat perwakilan yang dilawati adalah kurang memuaskan. Semakan Audit mendapati kesemua pejabat perwakilan antaranya tidak mematuhi peraturan berkaitan urusan pendaftaran aset, pelabelan aset, penyimpanan aset, pemeriksaan aset, penyelenggaraan Buku Log kenderaan rasmi dan pelupusan. Pihak Kementerian perlu meningkatkan pemantauan bagi memastikan urusan tersebut dilaksanakan selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Kedudukan pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset dan stor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.6
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERHUBUNG DENGAN PENGURUSAN ASET DAN STOR

PEJABAT PERWAKILAN	PENGURUSAN ASET DAN STOR							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom	✓	X	X	✓	✓	X	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis	X	✓	✓	✓	✓	X	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Brussels, Belgium	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	X

PEJABAT PERWAKILAN	PENGURUSAN ASET DAN STOR							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait	✓	X	X	X	✓	X	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, U.A.E	X	X	✓	✓	✓	X	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓	X	X	X	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Korea Selatan	✓	X	✓	X	✓	X	✓	X
Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, China	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand	✓	X	✓	X	✓	X	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Hong Kong, China	✓	✓	✓	X	✓	X	X	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Guangzhou, China	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Davao City, Filipina	✓	X	X	X	✓	X	X	✓
PERATUS PEMATUHAN	85.7%	42.9%	64.3%	28.6%	92.9%	35.7%	57.1%	71.4%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

- a. Pegawai Aset dilantik dengan menentukan tugas dan tanggungjawab beliau sewajarnya
- b. Pegawai Penerima Aset dilantik dengan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan
- c. Aset didaftar sewajarnya dalam format yang betul
- d. Aset dilabelkan sewajarnya
- e. Aset disimpan dan diguna dengan teratur
- f. Aset diperiksa dan stok di verifikasi mengikut kekerapan yang ditetapkan
- g. Buku Log Kenderaan diselenggarakan dengan teratur
- h. Pelupusan aset dilaksanakan dengan sempurna

Maklum Balas Kementerian Luar Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Semua pejabat perwakilan telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan kawalan pengurusan aset dan stor yang dibangkitkan.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan setiap pejabat perwakilan mematuhi aspek penting berhubung pengurusan aset dan stor seperti melantik Pegawai Penerima Aset, mendaftar dan melabel aset, menyimpan aset dengan teratur, melaksanakan pemeriksaan aset serta menyelenggarakan Buku Log Kenderaan dengan lengkap dan kemas kini. Bagi tujuan tersebut, pegawai yang terlibat dengan pengurusan aset perlu diberi latihan dan pendedahan yang secukupnya.

5.5.6. Pengurusan Panjar

Semua urus niaga terimaan dan bayaran di pejabat perwakilan luar negeri dibuat melalui Akaun Panjar Tiga Per Duabelas (Panjar 3/12). Dokumen yang berkaitan dikemukakan oleh pejabat perwakilan kepada Kementerian pada setiap awal bulan untuk tujuan rekutan, semakan dan diperakaunkan ke vot berkenaan. Semakan Audit terhadap pengurusan panjar yang meliputi perakaunan ke dalam Buku Tunai

Panjar, penyediaan Penyata Perbelanjaan Panjar Bulanan, penyediaan Penyata Penyesuaian Bank dan kawalan terhadap Buku Cek mendapati kesemua pejabat perwakilan yang dilawati telah menguruskan panjar mengikut peraturan yang ditetapkan kecuali Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand. Ini kerana bayaran dan terimaan direkodkan ke dalam Buku Tunai Panjar pada setiap hujung bulan sahaja.

Pada pendapat Audit, semua bayaran dan terimaan hendaklah direkodkan mengikut tatacara kewangan yang ditetapkan.

5.5.7. Pengurusan Dan Penyenggaraan Hartanah Pejabat Perwakilan

5.5.7.1. Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait telah dibina di atas tanah milik sendiri pada tahun 2001 dengan kos KD\$1,440,000. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan hak milik tanah dan bangunan disebabkan salinan geran tanah dan bangunan pejabat kedutaan serta kediaman rasmi TYT Duta Besar Malaysia tiada dalam simpanan Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait.

Maklum Balas Kementerian Luar Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait telah menjumpai salinan geran tanah dan bangunan tersebut.

5.5.7.2. Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, China mempunyai sebuah bangunan Canseri dan 27 unit rumah pangapuri untuk kediaman pegawai perwakilan yang telah siap dibina oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 2002. Semakan Audit mendapati terdapat kerosakan dan keretakan pada bangunan yang dibina disebabkan pembinaan bangunan tidak mengambil kira keadaan 4 musim di Beijing. Contoh kerosakan dan keretakan di bangunan Canseri adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 5.1



*Pejabat Kedutaan Besar Malaysia Di Beijing
- Kemasan Dinding Seperti Plaster Dan
Cat Tertanggal Di Aras Bawah
Berdekatan Surau
(10.10.2011)*

GAMBAR 5.2



*Pejabat Kedutaan Besar Malaysia Di Beijing
- Jubin Tembok Di Tangga Bahagian Kiri
Bangunan Pecah Dan Dilekat Dengan
Pita Penutup (Masking Tape)
(06.10.2011)*

5.5.7.3. Adalah didapati Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina menyewa ruangan pejabat di The World Center Building sejak bulan Jun 2007 dengan kos

sewaan sehingga akhir tahun 2011 berjumlah Rp4,397,188.25. Ini disebabkan kerja membaik pulih bangunan Canseri yang dimulakan pada tahun 2007 gagal disiapkan dalam tempoh kontrak yang ditetapkan.

Maklum Balas Kementerian Luar Negeri Yang Diterima Pada 25 Mei 2012

Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Manila memaklumkan kontraktor baru telah dilantik untuk menyiapkan kerja pengubahsuaian dan dijangka siap pada awal tahun 2012.

Pada pendapat Audit, pejabat perwakilan dan Kementerian perlu memastikan salinan geran tanah dan bangunan hak milik Kerajaan Malaysia disimpan dengan teratur. Selain itu, kerja penyenggaraan dan pemberian kerosakan terhadap bangunan perlu diambil tindakan segera bagi menjamin keselamatan pejabat dan menjaga imej Kerajaan Malaysia di luar negara.

5.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan di 14 pejabat perwakilan yang dilawati adalah memuaskan kecuali terdapat beberapa kelemahan dalam kawalan pengurusan, kawalan perbelanjaan, pengurusan deposit/pendahuluan serta pengurusan aset dan stor. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas yang diterima, kesemua Pejabat Perwakilan yang dilawati telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan. Sungguhpun begitu, bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di pejabat perwakilan tersebut, adalah disyorkan supaya Kementerian Luar Negeri memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

- 5.6.1. Memastikan wujudnya mekanisme pemantauan yang teratur di peringkat pejabat perwakilan untuk memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan berkesan. Bagi tujuan tersebut, Kementerian perlu menetapkan semua pegawai terlibat diberi latihan secukupnya sebelum bertugas di luar negeri.
- 5.6.2. Memastikan kakitangan terlibat memahami sepenuhnya peraturan berkaitan kawalan terimaan khususnya dari aspek penyelenggaraan Buku Tunai, Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew.67) dan kemasukan wang ke bank.
- 5.6.3. Melaksanakan penambahbaikan yang berterusan supaya kelemahan yang dibangkitkan dalam kawalan perbelanjaan khususnya dari aspek penyelenggaraan Buku Vot, Daftar Kontrak dan Daftar Bil dapat diatasi sepenuhnya. Sehubungan itu, pegawai atasan di setiap pejabat perwakilan perlu menjalankan pemantauan secara berkala terhadap pelaksanaan kerja pegawai-pegawainya. Manakala Kementerian pula perlu mengaturkan supaya kakitangan terlibat diberi latihan dan pendedahan yang sewajarnya terhadap peraturan yang berkaitan dengan kawalan perbelanjaan.
- 5.6.4. Memastikan pejabat perwakilan menyelenggarakan rekod deposit/pendahuluan dan bayaran balik dibuat dengan sewajarnya.

5.6.5. Memastikan setiap pejabat perwakilan mematuhi aspek penting berhubung pengurusan aset dan stor seperti melantik Pegawai Penerima Aset, mendaftar dan melabel aset, menyimpan aset dengan teratur, melaksanakan pemeriksaan aset serta menyelenggarakan Buku Log Kenderaan dengan lengkap dan kemas kini.

5.6.6. Memastikan salinan geran tanah dan bangunan hak milik Kerajaan Malaysia disimpan dengan teratur. Selain itu, penyenggaraan dan pemberian kerosakan terhadap bangunan perlu diambil tindakan segera bagi menjamin keselamatan pejabat dan menjaga imej Kerajaan Malaysia di luar negara.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 18-22
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti
Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011

PENGAUDITAN SECARA MENGEJUT

6. PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT PERSEKUTUAN DI NEGERI DAN DAERAH

6.1. LATAR BELAKANG

Seksyen 6, Akta Audit 1957 menyatakan Ketua Audit Negara boleh menjalankan pemeriksaan yang difikirkan perlu untuk menentukan sama ada langkah pengawasan yang munasabah telah diambil untuk mengawal pungutan dan penjagaan wang awam oleh pemungut hasil. Manakala Arahan Perbendaharaan mengenai tatacara kewangan, perakaunan, kehilangan dan hapus kira serta peraturan berkaitan dengan pengurusan aset dan stok menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barang berharga dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 301 pejabat Persekutuan di peringkat Negeri dan Daerah.

6.2. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan secara mengejut mendapati kelemahan yang berlaku tidak banyak berubah dengan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun sebelumnya. Daripada 301 pejabat Persekutuan yang diaudit mendapati 91 (30.2%) pejabat telah mematuhi semua peraturan dan prosedur utama kewangan yang berkaitan. Bagaimanapun, 210 (69.8%) pejabat Persekutuan masih melakukan kesilapan dengan tidak mematuhi peraturan kewangan berkaitan. Perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

6.2.1. Kawalan Pengurusan

6.2.1.1. Kawalan Pengurusan Organisasi

Semakan Audit terhadap kawalan pengurusan organisasi mendapati 91 pejabat Persekutuan masih melakukan kelemahan seperti berikut:

- a. Carta Organisasi tidak disediakan, tidak dipamer atau dipamer di tempat yang tidak mudah dilihat; tidak lengkap, tidak kemas kini; perjawatan yang dipamer berbeza dengan waran perjawatan atau dalam fail meja; tiada tarikh berkuat kuasa serta tidak disimpan dalam Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja.
- b. Pengisian Jawatan dibuat tidak mengikut waran perjawatan; perjawatan diisi secara pentadbiran tanpa waran khusus; jawatan diisi walaupun telah dimansuhkan dalam waran perjawatan; pegawai yang dilantik tidak menjalankan tugas ikut waran dan kekosongan jawatan kewangan

menyebabkan pegawai bukan kewangan/kontrak diarah menjalankan kerja kewangan.

- c. Senarai Tugas tidak disediakan, tidak dikemas kini, tidak ditandatangani oleh pegawai, tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan, tiada tarikh kuat kuasa dan pembahagian tugas dibuat tanpa senarai tugas.
- d. Daftar Kursus tidak disediakan, tidak kemas kini, tidak lengkap; tiada maklumat berkenaan bilangan kursus anggota; terdapat pegawai yang tidak memenuhi sekurang-kurangnya 7 hari kursus dan terdapat pegawai yang tidak pernah menghadiri kursus dalam tempoh 2 tahun.
- e. Daftar Dan Penyelenggaraan Fail tidak diselenggara dengan kemas kini; tidak diselenggara; catatan pada kertas minit dalam fail tidak dikemas kini dan tiada kad pergerakan fail; daftar fail usang; fail sulit dan terhad disenaraikan dalam daftar fail terbuka; surat tidak difaiklan; fail tidak dikemukakan kepada pihak Audit dan fail tutup tidak diselenggara secara teratur.
- f. Manual Prosedur Kerja (MPK) tidak dibuat mengikut kehendak Pekeliling; tidak diselenggara; tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini; dan pejabat cawangan tiada salinan MPK.
- g. Rekod Perkhidmatan pegawai tidak di kemas kini dan pembelian telefon bimbit bagi pegawai Gred 41 hingga Gred 52 tidak direkodkan ke dalam Buku Perkhidmatan pegawai berkenaan.
- h. Kad Perakam Waktu rosak semenjak tahun 2008 masih belum dibaiki dan buku kehadiran tidak diselenggara serta tiada catatan walaupun pegawai tidak hadir.

6.2.1.2. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Semakan Audit terhadap Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) mendapati masih terdapat kelemahan pengurusan JPKA di 5 pejabat Persekutuan seperti berikut:

- a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak bermesyuarat mengikut tempoh.
- b. Minit Mesyuarat tidak disediakan dan disimpan dengan teratur.

6.2.1.3. Pelaksanaan Pemeriksaan Mengejut

Adalah didapati 91 pejabat Persekutuan masih melakukan kelemahan dalam pelaksanaan pemeriksaan mengejut seperti berikut:

- a. Buku Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini dan daftar tidak diselenggara.
- b. Pemeriksaan Mengejut tidak dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan; pemeriksaan mengejut tidak dibuat semenjak tahun 2005; pemeriksaan hanya dibuat terhadap Panjar Wang Runcit dan pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan.

6.2.2. Kawalan Terimaan

6.2.2.1. Kawalan Pengurusan Terimaan/Kutipan

Adalah didapati 44 pejabat Persekutuan masih lemah dalam kawalan pengurusan terimaan atau kutipan. Semakan Audit mendapati kutipan berjumlah RM3.98 juta lewat direkodkan dalam Buku Tunai sehingga 40 hari; disimpan dalam laci meja pegawai yang sepatutnya disimpan dalam peti besi; baki fizikal berbeza dengan rekod; kutipan hasil dibawa pulang ke rumah; kutipan hasil belum dibankkan telah digunakan dan kutipan melalui pos tidak direkodkan dalam Daftar Mel.

6.2.2.2. Kawalan Pengurusan Borang Hasil/Dokumen Hasil

Adalah didapati 121 pejabat Persekutuan masih lemah dalam kawalan pengurusan borang hasil atau dokumen hasil seperti berikut:

- a. Borang hasil (726 buku) belum digunakan tidak disemak atau tidak diperakui ketepatan nombor siri; tiada semakan mingguan; resit ditandatangani terlebih dahulu sebelum digunakan; resit tidak menggunakan karbon dua belah; butiran tarikh dan jumlah dipinda tetapi tidak dibatalkan dan nombor siri resit rosak tidak dipulangkan kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad untuk digantikan.
- b. Stok borang hasil berbeza dengan baki fizikal; stok resit (Kew. 38) dikeluarkan secara berlebihan dan dikeluarkan tanpa mengikut susunan nombor siri.
- c. Penyata pemungut tidak disokong dengan resit Perbendaharaan Malaysia; resit Perbendaharaan lewat diterima sehingga 63 hari; tidak diselaraskan melebihi 2 bulan; tidak diperakukan oleh Peraku II; tidak disemak dan tidak ditandatangani ringkas; slip kemasukan wang ke dalam bank dan penyata pemungut tidak disemak dan tiada kelulusan khusus walaupun hanya seorang pegawai menjalankan semua urusan kutipan hasil sehingga memasukkan wang ke bank.
- d. Penyesuaian akaun hasil lewat dibuat, tidak dihantar kepada Pejabat Pembayar dan tidak tepat; tidak disediakan melebihi 3 bulan dan tidak mengikut format yang ditetapkan.
- e. Resit lewat dikeluarkan; tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai lebih daripada sebulan; Buku Tunai tidak diselenggarakan, tidak dikemas kini dan tidak disemak setiap hari; Laporan Harian elektronik tidak dicetak serta laporan kutipan hasil tidak disemak; tidak dicatat nombor slip masuk bank dan Notis Memberitahu Orang Awam tidak dipamerkan.
- f. Surat kebenaran menerima wang dan membatalkan resit tidak diberi; surat kuasa menerima wang tidak dapat dikemukakan semasa pengauditan; fail penurunan kuasa tidak disediakan dan surat perwakilan kuasa telah tamat tempoh.

- g. Daftar Mel tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta tidak disemak dengan Buku Tunai; nombor resit dan cek tidak dicatat dan tiada tandatangan pembuka dan penerima mel.

6.2.2.3. Kawalan Pengurusan Wang Bantuan

Pihak Audit mendapati berlaku kelemahan dalam pengurusan wang bantuan di 11 pejabat Persekutuan. Adalah didapati **Wang Tunai Bantuan** berjumlah RM224,592 tidak dapat diagihkan dan lewat dikembalikan ke Perbendaharaan sehingga 77 hari; Daftar Pembayaran tidak diselenggara, tidak lengkap, tidak disemak dan dokumen sokongan tidak lengkap serta tiada tandatangan penerima.

6.2.2.4. Kawalan Peti Besi Dan Anak Kunci

Sebanyak 81 pejabat Persekutuan masih melakukan kelemahan dalam kawalan peti besi dan anak kunci seperti berikut:

- a. Peti Besi tidak digunakan untuk menyimpan wang tunai dan setem berjumlah RM1,032, cek dan buku Resit Rasmi (Kew. 38); peti besi tidak disediakan untuk menyimpan wang sebelum dibankkan; wang persendirian berjumlah RM1,389 disimpan di peti besi; tidak dikejat pada dinding; diletak di tempat terbuka/bilik perbincangan; rosak dan tidak digunakan.
- b. Anak kunci peti besi dipegang oleh pegawai yang tidak diberi surat kuasa bertulis; peti besi mempunyai satu anak kunci; kod kombinasi dan penyimpanan anak kunci diketahui oleh semua pemungut hasil; nombor kombinasi tidak pernah ditukar dan anak kunci serta nombor kombinasi dipegang oleh orang yang sama.

6.2.2.5. Kawalan Pengurusan Akaun Deposit

Masih berlaku kelemahan dalam kawalan pengurusan akaun deposit di 10 pejabat Persekutuan. Adalah didapati **Akaun Kawalan Baki Deposit** tidak disediakan, lewat dikemukakan kepada pejabat pembayar; tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini; senarai baki deposit tidak disediakan; daftar deposit tidak mencatatkan nombor resit; akaun kawalan tidak disediakan dan deposit tidak dituntut melebihi 12 bulan belum diwartakan.

6.2.2.6. Kawalan Pengurusan Panjar Wang Runcit

Terdapat 42 pejabat Persekutuan masih melakukan kelemahan dalam pengurusan panjar wang runcit seperti berikut:

- a. Buku Tunai Panjar Wang Runcit/Panjar Khas Deposit tidak diselenggara, tidak diselenggara dengan betul dan dikemas kini; baki fizikal wang runcit berbeza dengan rekod; bayaran dibuat tanpa menggunakan baucar kecil; bil telah dibayar tidak direkodkan serta Buku Tunai Panjar elektronik tidak dicetak dan disahkan.

- b. Panjar Wang Runcit Khas tidak tepat dengan tidak merekodkan jumlah diluluskan; rekutan lewat diterima dan Panjar Wang Khas tidak aktif sejak tahun 2009 tetapi tidak ditutup.
- c. Sijil Pengesahan Panjar Wang Runcit tidak disediakan; Sijil Perakuan tidak dikemukakan kepada pejabat pembayar; pemohon dan pelulus panjar adalah orang yang sama; pembelian tanpa kelulusan; surat pelantikan pengendali panjar tidak dibuat; surat kelulusan had panjar tidak dapat dikesan; pengguna panjar juga pelulus panjar; pembelian tiada tandatangan pegawai pelulus; bil lewat dibayar dan pendahuluan yang diambil semenjak tahun 2009 masih belum diselaraskan dan rekupmen lewat dibuat.

6.2.2.7. Kawalan Pengurusan Setem

Sebanyak 117 pejabat Persekutuan masih melakukan kelemahan dalam pengurusan setem. Adalah didapati **pengeluaran dan penerimaan setem** tidak teratur di mana tiada perakuan penerimaan dan pengeluaran; baki fizikal berbeza dengan rekod; daftar tidak lengkap dan dikemas kini dengan catatan terakhir semenjak tahun 2007; sampul pos ekspres dan stiker pos berdaftar tidak direkod dalam daftar dan buku daftar mesin franking tidak disediakan dan disemak.

6.2.3. Kawalan Perbelanjaan

Berlaku kelemahan dalam kawalan perbelanjaan di 38 pejabat Persekutuan seperti berikut:

- a. Baucar Bayaran dan dokumen sokongan tidak dicop “TELAH DIBAYAR”; dokumen sokongan tidak lengkap; nombor siri baucar tidak berturutan; pesanan tempatan tiada pengesahan; tiada perakuan pembekal/pengeluar; 67 bil lewat dibayar; Buku Vot dan Laporan Bil Elektronik tidak dicetak, tidak diperiksa dan lewat dicetak; Daftar Pembayaran tidak disediakan; Laporan Perbelanjaan dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan tidak disedia, disemak dan difailkan dengan kemas kini serta Daftar Kontrak dan Borang JANM12 tidak dilengkapkan oleh Peraku II.
- b. Harga perolehan bagi 27 penghawa dingin berjumlah RM291,600 (RM10,800 setiap satu) adalah tidak munasabah berbanding harga pasaran hanya RM2,000 setiap satu dengan perbezaan berjumlah RM237,600. Pihak Audit difahamkan harga yang tinggi ini dikenakan kerana termasuk kos penyenggaraan.
- c. Kerja penurapan jalan dan pembinaan papan tanda telah dibuat sejak tahun 2009 tetapi masih belum disiapkan sehingga tarikh pengauditan.

6.2.4. Kawalan Pengurusan Aset

6.2.4.1. Kawalan Pendaftaran/Pemeriksaan/Penggunaan Aset

Terdapat 64 pejabat Persekutuan melakukan kelemahan dalam urusan aset seperti berikut:

- a. Aset terbiar dan tidak digunakan, tidak berfungsi, diletak di tempat yang tidak sesuai dan tidak selamat; tidak didaftarkan, tidak dilabel nombor siri pendaftaran dan hak milik Kerajaan Malaysia; tidak dapat dikesan, lokasi berbeza dengan daftar; Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diisi dengan lengkap (butiran penyenggaraan, lokasi, penempatan dan tandatangan); Daftar pergerakan aset tidak disedia; senarai aset di lokasi tidak disedia dan pemeriksaan tahunan tidak dibuat/tidak direkodkan.
- b. Pelupusan aset - Sijil pelupusan tidak disediakan; hasil jualan aset yang dilupuskan tidak dibankkan dan proses pelupusan tidak dibuat dengan teratur.
- c. Penyenggaraan bangunan dan persekitaran tidak dibuat dengan segera dan mengikut jadual menyebabkan berlaku kebocoran tandas serta berbau busuk dan alat pemadam api telah rosak.

6.2.4.2. Kawalan Stok Bekalan Pejabat

Sebanyak 19 pejabat Persekutuan melakukan kelemahan dalam kawalan stok bekalan pejabat seperti berikut:

- a. Stok bekalan pejabat tidak diperiksa dan disemak; baki fizikal stok berbeza dengan rekod; stok tidak disimpan dengan teratur (tidak tersusun dan bercampur dengan bahan mudah terbakar); barang usang dan rosak tidak dilupuskan; stok pakaian seragam tidak diagihkan kerana tidak selesa dipakai dan aset untuk dilupus disimpan di stor.
- b. Rekod Daftar/Kad Petak tidak disedia, dikemas kini dan disemak serta penerimaan dan pengeluaran stok tidak direkod dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak.

6.2.4.3. Kawalan Pengurusan Kenderaan

Berlaku kelemahan dalam kawalan pengurusan kenderaan di 44 pejabat Persekutuan seperti berikut:

- a. Buku Log kenderaan tidak diselenggara; tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini (tidak ditandatangani, ruang perjalanan serta tujuan tidak diisi, perjalanan tidak diluluskan dan tiada tandatangan pengguna); jadual penyenggaraan/pembaikan/penggantian tidak direkod; kiraan kilometer/batu dan cerakinan penggunaan bahan api tidak diisi; salinan asal tidak diceraikan dan laporan bulanan perbelanjaan minyak tidak disediakan.

- b. Daftar penggunaan/pergerakan kad inden minyak tidak disediakan, tidak lengkap dan kemas kini (tiada ruangan nama/tandatangan pemandu, tiada nama/tandatangan pemberi dan penerima kad); salinan resit pembelian minyak tidak disimpan; kad disimpan pemandu dan laporan invois pembekal minyak tidak disemak dengan resit pembelian.
- c. Fail Sejarah kenderaan tidak diselenggara dan tidak diselenggara dengan lengkap serta kemas kini.
- d. Daftar Pergerakan Kad Touch N Go tidak diwujudkan, tidak lengkap dan dikemas kini serta tidak disemak.
- e. Kenderaan Jabatan remuk akibat kemalangan jalan raya tetapi laporan kemalangan tidak dapat dikesan dan kapal laut dibeli tetapi tiada pemandu.

6.3. SYOR AUDIT

Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan diingatkan supaya mengambil tindakan bagi mempertingkatkan pemantauan, memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan, melaksanakan pusingan kerja di tempat yang berisiko tinggi dalam pengurusan kewangan dan membuat pembetulan segera supaya mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Sebahagian daripada Ketua Jabatan/Pejabat berkenaan telah memaklumkan bahawa tindakan pematuhan telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan.



BAHAGIAN III

PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA
DALAM PELBAGAI AKTIVITI KE ARAH
MENINGKATKAN AKAUNTABILITI
PENGURUSAN WANG AWAM

BAHAGIAN III

PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PELBAGAI AKTIVITI KE ARAH MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM

Selain daripada menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat dan juga menjalankan penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi bagi memenuhi permintaan daripada Kementerian Kewangan. Sepanjang tahun 2011, penglibatan Jabatan Audit Negara dalam perkara ini adalah seperti berikut:

7. PROGRAM ANAK ANGKAT

7.1. PENDAHULUAN

7.1.1. Program Anak Angkat yang mula diperkenalkan pada tahun 2003 adalah merupakan satu daripada langkah yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk meningkatkan akauntabiliti dan integriti pengurusan kewangan Kerajaan. Melalui program ini, beberapa pejabat yang dikenal pasti ada kelemahan dari segi pengurusan kewangan telah dipilih dan diberi bimbingan serta nasihat oleh Jabatan Audit Negara. Ini bertujuan membantu mereka memperbaiki kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod kewangan. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah meneruskan pelaksanaan Program Anak Angkat ini di 11 Pejabat di bawah Kementerian/Jabatan Persekutuan di peringkat Negeri seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.1
PEJABAT YANG DIPILIH SEBAGAI ANAK ANGKAT

PEJABAT	KEMENTERIAN
Pejabat Penilaian Harta Daerah Muar, Johor	Kementerian Kewangan
Rumah Sri Kenangan Bedong, Kedah	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
Institut Teknologi Unggas, Alor Gajah, Melaka	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
Pejabat Balai Bomba Dan Penyelamat Jelebu, Negeri Sembilan	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
Kolej Komuniti Rompin, Pahang	Kementerian Pengajian Tinggi
Jabatan Belia Dan Sukan, Perak	Kementerian Belia Dan Sukan
Jabatan Belia Dan Sukan, Pulau Pinang	Kementerian Belia Dan Sukan
Jabatan Alam Sekitar, Selangor	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
Pusat Latihan Kemas, Seberang Takir, Terengganu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
Sekolah Menengah Vokasional Kuching, Sarawak	Kementerian Pelajaran
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Labuan	Jabatan Perdana Menteri

7.1.2. Pelaksanaan program ini melibatkan penilaian secara menyeluruh pengurusan kewangan pejabat Anak Angkat untuk mengenal pasti punca kelemahan yang dibangkitkan. Bagi tujuan ini, semakan Audit telah dibuat terhadap rekod, dokumen dan fail yang berkaitan dengan pengurusan pejabat, kutipan hasil, perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit serta pengurusan aset dan stor. Selain itu, pegawai/kakitangan di Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan turut diberi latihan secara teori dan praktikal. Tahap pencapaian dalam penambahbaikan pengurusan kewangan juga dipantau dari semasa ke semasa. Sehubungan ini, lawatan Audit ke pejabat Anak Angkat dibuat secara berkala bagi tempoh satu tahun.

7.2. TAHAP PENCAPAIAN

Secara keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan pejabat yang dipilih sebagai Anak Angkat telah bertambah baik. Semua kelemahan yang dibangkitkan telah diambil tindakan pembetulan oleh pejabat berkenaan selepas mendapat bimbingan daripada Jabatan Audit Negara kecuali Jabatan Belia Dan Sukan, Perak dan Pulau Pinang sedang mengambil tindakan pembetulan terhadap beberapa isu yang dibangkitkan. Kedudukan tindakan pembetulan/penambahbaikan yang diambil oleh pejabat Anak Angkat adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.2
KEDUDUKAN TINDAKAN PEMBETULAN/PENAMBAHBAIKAN YANG DIAMBIL
OLEH PEJABAT ANAK ANGKAT**

PEJABAT	TINDAKAN PEMBETULAN/PENAMBAHBAIKAN SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT									
	a		b		c		d		e	
	i	ii	i	ii	i	ii	i	ii	i	ii
Pejabat Penilaian Harta Daerah Muar, Johor	✓		✓		✓		TK		✓	
Rumah Sri Kenangan Bedong, Kedah	✓		✓		✓		TK		✓	
Institut Teknologi Unggas, Alor Gajah, Melaka	✓		TK		✓		TK		✓	
Pejabat Balai Bomba Dan Penyelamat, Jelebu, Negeri Sembilan	✓		✓		TK		TK		✓	
Kolej Komuniti Rompin, Pahang	✓		✓		✓		✓		✓	
Jabatan Belia Dan Sukan, Perak		✓	✓		✓		TK		✓	
Jabatan Belia Dan Sukan, Pulau Pinang	✓			✓		✓		✓		✓
Jabatan Alam Sekitar, Selangor	✓		✓		✓		TK		✓	
Pusat Latihan Kemas, Seberang Takir, Terengganu	✓		✓		✓		TK		✓	
Sekolah Menengah Vokasional Kuching, Sarawak	✓		TK		✓		✓		✓	
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Labuan	✓		✓		✓		✓		✓	

Nota :

- a - Kawalan Pengurusan
- b - Kawalan Terimaan
- c - Kawalan Perbelanjaan
- d - Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit
- e - Pengurusan Aset Dan Stor

- i - Tindakan telah diambil
- ii - Tindakan sedang diambil
- TK - Tiada kes dibangkitkan

7.2.1. Kawalan pengurusan adalah penting bagi memastikan wujudnya struktur yang berkesan dalam menguruskan kewangan sesuatu pejabat. Bagi tujuan tersebut beberapa perkara penting telah diambil tindakan oleh pengurusan semua Anak Angkat kecuali Jabatan Belia dan Sukan, Perak yang sedang mengambil tindakan penambahbaikan. Butirannya adalah seperti berikut:

- a. Menyediakan carta organisasi dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Menyediakan surat penurunan kuasa yang menyatakan dengan jelas had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tugas kewangan.
- c. Manual Prosedur Kerja, fail meja dan senarai tugas pegawai telah/sedang disediakan.
- d. Menjalankan pemeriksaan mengejut dalam tempoh yang ditetapkan dan hasil pemeriksaan direkodkan dalam buku yang disimpan bagi maksud itu.
- e. Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) mengikut kekerapan yang ditetapkan dan membincangkan perkara yang ditetapkan dalam agenda mesyuarat.

7.2.2. Kawalan terimaan yang berkesan bertujuan memastikan terimaan dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna dan dokumen serta rekod berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Berikut adalah perkara yang telah diambil tindakan oleh semua pejabat Anak Angkat kecuali Jabatan Belia Dan Sukan, Pulau Pinang yang sedang mengambil tindakan penambahbaikan. Butirannya adalah seperti berikut:

- a. Menyelenggara Daftar Borang Hasil (Kew.67) dengan lengkap dan peraturan berkaitan kawalan terhadap borang hasil seperti pegawai yang bertanggungjawab menerima stok resit telah membuat semakan dan borang hasil yang dikeluarkan daripada stok disemak sekurang-kurangnya setiap minggu oleh pegawai yang diberi tanggungjawab.
- b. Pungutan dibankkan dengan segera dan penyata pemungut telah diluluskan dengan sewajarnya.
- c. Menyelenggara daftar setem bagi merekodkan pembelian dan penggunaan setem.
- d. Resit direkodkan dengan segera ke buku tunai dan rekod berkaitan telah disemak oleh pegawai bertanggungjawab.
- e. Penyata penyesuaian hasil telah disediakan dengan teratur pada setiap bulan.
- f. Akaun Tunai Bulanan telah disediakan dan dikemukakan kepada Unit Penyemakan Hasil, Pejabat Perakaunan tanpa kelewatan.

7.2.3. Kawalan perbelanjaan perlu diberi perhatian yang serius bagi memastikan perbelanjaan mengurus dan pembangunan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat. Hasil daripada teguran dan bimbingan Audit, semua pejabat Anak Angkat telah melaksanakan

penambahbaikan kecuali Jabatan Belia Dan Sukan, Pulau Pinang yang sedang mengambil tindakan penambahbaikan. Butirannya adalah seperti berikut:

- a. Menyelenggara buku vot dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Menyediakan penyata penyesuaian perbelanjaan dengan teratur.
- c. Peraturan berkaitan dengan urusan pembelian terus dan sebut harga telah dipatuhi.
- d. Bil telah dicop tarikh terima dan daftar bil telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta disemak oleh pegawai yang diberi tanggungjawab.
- e. Baucar bayaran disokong dengan dokumen asal dan salinan dokumen telah disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa.
- f. Peranan pegawai dan capaian pegawai kepada sistem eSPKB adalah selaras dengan penurunan kuasa yang diberi.
- g. Bagi pengurusan bayaran pukal, Laporan BP21 telah disemak dengan bil asal.
- h. Buku Panjar Wang Runcit telah diselenggara dengan kemas kini.

7.2.4. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit juga telah diurus dengan teratur selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan. Daftar pinjaman kenderaan/pembayaran komputer telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini; Akaun Utama Deposit dan senarai Baki Pendeposit telah disediakan dan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Jabatan Audit Negara. Selain itu, siasatan terhadap senarai akaun amanah dan deposit yang tidak dikenal pasti sedang dilakukan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.

7.2.5. Semua aset dan barang stor yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaan. Bagi tujuan penambahbaikan, pejabat Anak Angkat telah/sedang mengambil langkah berikut:

- a. Melantik Pegawai Aset dan Pegawai Stor bagi menguruskan aset dan stor.
- b. Pendaftaran aset telah/sedang dilaksanakan.
- c. Aset dilabelkan dengan Hak Kerajaan Malaysia dan Nombor Siri Pendaftaran Aset.
- d. Pegawai kenderaan telah dilantik secara bertulis dan beliau bertanggungjawab memastikan Buku Log Kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini selain memastikan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api disediakan dengan teratur.
- e. Buku rekod Pergerakan Kad Inden Minyak dan Kad Touch 'n' Go telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- f. Pelupusan dan kehilangan aset diuruskan selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan.

7.3. SYOR AUDIT

Berdasarkan kepada penambahbaikan pengurusan kewangan yang ditunjukkan oleh pejabat yang menyertai Program Anak Angkat, dapatlah dirumuskan bahawa kelemahan pengurusan kewangan boleh diperbaiki sekiranya penyeliaan yang rapi terhadap pegawai bawahan diadakan, garis panduan yang jelas disediakan, latihan serta motivasi yang mencukupi dan berterusan diberi kepada pegawai/kakitangan untuk menjalankan tugas dengan penuh komitmen.

8. PENILAIAN KHAS TERHADAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Atas permintaan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah untuk tujuan pengesahan jawatan mereka. Bagi tempoh bulan Januari 2011 hingga April 2012, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 60 Ketua Jabatan. Penglibatan Jabatan Audit Negara membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka dibuat dengan baik dan sempurna mengikut prosedur kewangan.



BAHAGIAN IV

PERKARA AM

BAHAGIAN IV

PERKARA AM

9. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN SERTA AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2010

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di Parlimen. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2010 telah dibentangkan di Parlimen pada 24 Oktober 2011.

10. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Bagi tempoh bulan Januari 2011 hingga bulan April 2012, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah bermesyuarat sebanyak 21 kali serta mengaturkan 3 lawatan berkaitan 7 kajian yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.1
PERKARA YANG DIBINCANGKAN DALAM
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

BIL.	TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI TERLIBAT
1.	04.01.2011	Pengurusan Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
2.	12.01.2011 13.01.2011	Lawatan Kerja Oleh Pengerusi Dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Ke Pulau Pinang - Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia - Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang - Penang Port Sdn. Bhd.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Kementerian Kewangan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) Penang Port Sdn. Bhd.
3.	18.01.2011	Projek Pembinaan Politeknik Muadzam Shah, Pahang	Kementerian Pengajian Tinggi
4.	19.01.2011	Pengurusan Penang Port Sdn. Bhd.	Kementerian Kewangan
5.	15.03.2011	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	
6.	16.03.2011	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	

BIL.	TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI TERLIBAT
7.	22.03.2011	Pengurusan Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia (MITP)	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
8.	23.03.2011	Pengurusan Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia (MITP)	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
9.	29.03.2011	Pengurusan Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia (MITP)	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
10.	03.05.2011	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	
11.	25.05.2011	Lawatan Kerja Oleh Pengurus Dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Ke Johor Bahru - Projek Pembinaan Kompleks 7 Briged Kem Skudai, Johor Baru - Iskandar Malaysia - Kompleks Kastam, Imigresen Dan Kuarantin Sultan Iskandar, Johor Bahru	Kementerian Pertahanan Kementerian Kewangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Khazanah Nasional Iskandar Malaysia
12.	28.06.2011	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	
13.	18.10.2011	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	
14.	24.10.2011	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010	Jabatan Audit Negara
15.	01.11.2011	Lawatan Kerja Oleh Pengurus Dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara - Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) Ke Keretapi Berkelajuan Tinggi (ERL)	Kementerian Pengangkutan Malaysia Airports Holdings Berhad KLIA Express Rail Link Sdn. Bhd.
16.	08.11.2011	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	
17.	15.11.2011	Projek Makmal Komputer Sekolah	Kementerian Pelajaran
18.	21.11.2011	Pertukaran Saham Malaysian Airline System (MAS) dan Air Asia	Kementerian Kewangan
19.	22.11.2011	Taklimat Mengenai Fungsi Dan Aktiviti 1Malaysia Development Berhad (1MDB)	Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Kementerian Kewangan (Menteri Kewangan Diperbadankan - MKD) 1 Malaysia Development Berhad
20.	23.11.2011	Projek Pusat Fidlot Nasional	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

BIL.	TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI TERLIBAT
TAHUN 2012			
21.	05.03.2012	Pertukaran Saham MAS dan AirAsia Projek Pusat Fidlot Nasional Fungsi dan Aktiviti 1MDB Projek Makmal Komputer Sekolah Pengurusan Penang Port Sdn. Bhd.	Kementerian Kewangan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Kementerian Pelajaran
22.	19.03.2012	Projek Pusat Fidlot Nasional	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
23.	20.03.2012	Projek Pusat Fidlot Nasional	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
24.	16.04.2012	Perbincangan Lanjut Berhubung Projek Pusat Fidlot Nasional	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan pada tahun 2011 telah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan tahun 2010. Ini dapat ditunjukkan dengan prestasi pengurusan kewangan bagi 19 Kementerian adalah pada tahap sangat baik berbanding dengan 17 Kementerian pada tahun 2010. Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan bagi tahun 2011 juga adalah menggalakkan di mana 21 Jabatan berada di tahap sangat baik berbanding dengan 13 Jabatan pada tahun 2010. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Kementerian/Jabatan perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi membolehkan isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dapat dibincangkan dengan lebih fokus, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan di semua Kementerian selaras dengan arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 5 Mei 2009 yang menghendaki tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal.
- d. Bagi memperbaiki lagi tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.

- e. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah mempengarusikan setiap *Exit Conference* bersama pegawai Jabatan Audit Negara supaya tahu lebih awal isu Laporan Audit dan segera mengambil tindakan positif selain penambahbaikan.
- f. Dalam pelaksanaan eSPKB, urusan bayaran dibuat di peringkat Pusat Tanggungjawab dan dokumen yang menyokong juga disimpan di pejabat berkenaan. Bagi memastikan bayaran dibuat dengan teratur, disokong dengan dokumen yang lengkap dan diluluskan oleh mereka yang diberikan kuasa, Jabatan Akauntan Negara hendaklah memastikan Unit Nazirannya menjalankan pemeriksaan di Pusat Tanggungjawab secara terancang.
- g. Segala dasar jabatan, arahan dan penurunan kuasa hendaklah dibuat secara bertulis agar lebih telus dan berakauntabiliti. Piagam pelanggan jabatan hendaklah sentiasa disemak dan dikemas kini supaya perkhidmatan yang diberikan adalah sama seperti yang dijanjikan.
- h. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance*, pemantauan yang rapi dan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.
- i. Rekod mengenai aset dan inventori sentiasa dikemaskinikan oleh Kementerian/Jabatan sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan berdasarkan akruan menjelang tahun 2015.
- j. Tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

12 Jun 2012



LAMPIRAN



LAMPIRAN A1

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
彭YATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2011



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak Berkuasa Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan ini telah dilaksanakan dengan berpandukan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2011, hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ambrin".

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
~~Ketua Audit Negara~~
Malaysia

Putrajaya

29 Mei 2012



LAMPIRAN A2

*PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA -
PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA*

*PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA -
31 DISEMBER 2011*



*PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN -
WANG TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2011*

*PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI -
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011*

*PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA -
31 DISEMBER 2011*

*NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI -
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011*

PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:


- a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua pejabat perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2011.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2011.



TAN SRI DR WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
27 Februari 2012



DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN
Akauntan Negara Malaysia
27 Februari 2012

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2011

	<u>Nota</u>	<u>2011</u>	<u>2010</u>
		RM	RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	24,466,775,527	21,350,293,944
PELABURAN	4	22,843,463,212	20,566,225,647
		47,310,238,739	41,916,519,591
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	11,863,127,086	11,863,127,086
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	38,909,479,613	26,068,545,555
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	(3,462,367,960)	3,984,846,950
		47,310,238,739	41,916,519,591

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2011

	<u>Nota</u>	<u>2011</u> RM	<u>2010</u> RM	<u>2010</u> RM
TERIMAAN				
Hasil	5			
Hasil Cukai		134,884,834,173		109,515,185,813
Hasil Bukan Cukai		49,423,045,556		48,867,434,930
Terimaan Bukan Hasil		544,133,845		793,006,447
Hasil Wilayah Persekutuan		<u>566,906,169</u>	185,418,919,743	<u>477,335,128</u>
				159,652,962,318
Pinjaman	6			
Dalam Negeri		107,091,588,179		72,735,466,667
Luar Negeri		<u>5,960,800,000</u>	113,052,388,179	<u>4,047,250,000</u>
				76,782,716,667
Bantuan Luar Negeri	6			
Pinjaman Multilateral		33,518,605		117,087,038
Pinjaman Bilateral		<u>474,214,046</u>	507,732,651	<u>330,740,067</u>
				447,827,105
Terimaan Modal	7			
Terimaan Balik Pinjaman		866,221,436		784,998,160
Jualan Aset Modal		91,433		73,318
Pelbagai Terimaan Modal		133,387		30,874,234
Jualan Instrumen Kewangan		<u>-</u>	866,446,256	<u>-</u>
				815,945,712
Terimaan Lain	7			
Terimaan Amanah		890,615,197		-
